

**PEMBANGUNAN KERANGKA DOMAIN PENGAJARAN
BAHASA ARAB BAGI PENGAJAR DI PUSAT TAHFIZ**

ALI TRIMAHNO BIN AHMAD TURMUDI

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2021

**PEMBANGUNAN KERANGKA DOMAIN PENGAJARAN
BAHASA ARAB BAGI PENGAJAR DI PUSAT TAHFIZ**

ALI TRIMAHNO BIN AHMAD TURMUDI

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN BAHASA ARAB)**

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2021

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **ALI TRIMAHNO BIN TURMUDI**

No. Matrik: **PGQ 140005 / 17057433**

Nama Ijazah: **SARJANA PENDIDIKAN BAHASA ARAB**

Tajuk Kertas Projek/ Laporan Penyelidikan/**Disertasi**/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**PEMBANGUNAN KERANGKA DOMAIN PENGAJARAN BAHASA ARAB
BAGI PENGAJAR DI PUSAT TAHFIZ**

Bidang Penyelidikan: **PENDIDIKAN BAHASA ARAB**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan kerangka Domain Pengajaran Bahasa Arab Bagi Pengajar di Pusat Tahfiz. Pembinaan kerangka ini adalah bertujuan untuk menjadi suatu garis panduan terhadap kompetensi dan domain pengajaran yang perlu dikuasai oleh para guru dan pengajar Bahasa Arab di Pusat Tahfiz. Kajian ini menggunakan pendekatan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM) dalam membangunkan matriks domain pengajaran dan elemen yang terkandung di dalamnya dengan berdasarkan pandangan dan kesepakatan kumpulan panel pakar yang terdiri daripada 25 orang iaitu 20 orang dalam kalangan guru tahfiz itu sendiri dan 5 orang pakar adalah dalam kalangan guru Bahasa Arab. Kesemua pakar ini juga mestilah mempunyai pengalaman mengajar di Pusat Tahfiz sekurang-kurangnya lima tahun. Hal ini adalah berasaskan pandangan Berliney yang menghujahkan bahawa seorang guru dianggap pakar apabila mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada lima tahun. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa terdapat lima domain pengajaran yang perlu dikuasai oleh guru dan pengajar yang mengajar bahasa Arab di Pusat tahfiz iaitu 1) Persediaan Guru; 2) Pemahaman Konsep; 3) Penyediaan Tugas & latihan; 4) Pengukuhan PdP dan; 5) Penilaian. Bagi domain Persediaan Guru, ia adalah meliputi elemen Guru tahfiz hendaklah menjalankan penyusunan awal proses PdP yang berasaskan penggunaan Bahasa Arab meliputi skema sedia ada kepada pelajar dan hendaklah menjalankan proses pengenalan menggunakan Bahasa Arab yang mampu menarik perhatian pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran. Manakala domain Pemahaman Konsep adalah meliputi elemen Guru tahfiz hendaklah mampu memberikan contoh-contoh input yang berguna sebagai motivasi kepada pelajar dalam menjalankan proses hafazan dan hendaklah mampu mengemukakan maklumat yang berguna dalam Al-Quran sebagai asas kepada pemantapan hafazan pelajar dan hendaklah mampu melakukan

pengembangan yang merangkumi penerangan jelas tentang maklumat yang baik dalam Al-Quran kepada pelajar. Domain Penyediaan Tugas dan latihan pula adalah melibatkan elemen Guru tahfiz menerangkan proses inkuiri yang perlu diaplikasikan oleh pelajar dalam menyelesaikan masalah hafazan yang dihadapi dan hendaklah mampu menentukan dan mengemukakan masalah yang sering terjadi dalam proses menghafaz Al-Quran. Guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan latihan terbimbing secara aktif bagi meningkatkan ingatan kepada pelajar. Bagi elemen Pengukuhan PdP adalah terdiri daripada elemen Guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar untuk menguji hipotesis yang dijalankan dalam proses menghafaz Al-Quran menggunakan Bahasa Arab dan berupaya membimbing pelajar dalam membuat hipotesis dengan mengumpulkan data permasalahan yang mereka hadapi dalam proses menghafaz Al-Quran menggunakan penggunaan Bahasa Arab. Domain terakhir iaitu penilaian adalah mengandungi elemen Guru tahfiz hendaklah berupaya merumuskan proses pengajaran hafazan yang diajar kepada para pelajar setelah selesai pengkuliah dijalankan dan mampu menjalankan penilaian latihan sendiri dengan menggunakan bahasa arab yang bertujuan untuk membantu pelajar menentukan tahap penguasaan yang dicapai pelajar dan mampu melaksanakan ujian yang menggunakan bahasa arab untuk melihat pencapaian hafazan pelajar dan juga mahir dengan proses penilaian yang digunakan untuk mentaksir kemajuan pelajar sama ada secara formatif dan sumatif. Kesemua domain dan elemen ini dilihat mampu digunakan sebagai suatu panduan kepada para guru dan pengajar Bahasa Arab di Pusat Tahfiz.

Kata Kunci; Domain Pengajaran, Bahasa Arab, Pusat Tahfiz, Persediaan Guru, Pemahaman Konsep, Penyediaan Tugas, Pengukuhan PdP, Penilaian.

**DEVELOPMENT OF AN ARABIC LANGUAGE TEACHING DOMAIN
FRAMEWORK FOR TAHFIZ CENTRE**

ABSTRACT

This research aims to develop an Arabic Language Teaching Domain framework for instructors in Tahfiz Centres. The development of this framework aims to serve as a guideline on teaching competencies and domains needed to be mastered by teachers and instructors of Arabic language in Tahfiz Centres. This research uses the Fuzzy Delphi Method (FDM) approach in developing the teaching domain matrices and the elements within it based on views and agreement of a panel of experts consisting of 25 individuals which includes the Tahfiz's teachers and 5 experts among the Arabic Language teachers. All of the experts must at least have five years' teaching experience. This is based on Berliney who says that a teacher is considered as an expert when he or she had been teaching for more than five years. The findings of this research shows that there are five teaching domains needed to be mastered by teachers and instructors of Arabic language in Tahfiz Centres; 1) Teacher's Preparation; 2) Understanding of Concepts; 3) Preparation of Task and Exercises; 4) Consolidation of Teaching and Learning; 5) Evaluation. As for the teacher's preparation domain, it covers the elements of the need for Tahfiz teachers to plan the first process of teaching and learning based on the usage of Arabic language that covers the pupils' scheme of knowledge; a Tahfiz teacher must execute the introductory process using Arabic where it should be able to attract pupils' attention in the process of memorising the Quran. On the other hand, the second domain; understanding of concepts, includes the elements of the Tahfiz teacher to be able to provide samples of useful inputs as motivations for the pupils in the process of memorisation and must be able to provide useful information in the Quran as a base to strengthen pupils' memorisation and must

be able to perform a development that covers a clear explanation about the good information in the Quran to pupils. The domain of Task preparation and exercises covers the element of the Tahfiz teacher in explaining the inquiry process needed to be applied by pupils in solving their memorisation problems as they face the problems and must be able to determine and provide the common problems in the process of memorising the Quran. The Tahfiz teacher must be able to execute guided exercises to improve pupils' memorisation. The elements in consolidation of teaching and learning consist of the elements for the Tahfiz teacher's being able to help pupils test the hypotheses in the process of memorising the Quran using Arabic language and should be able to guide pupils in making the hypotheses by collecting data of the problems the pupils are facing in the process of memorising the Quran through the use of Arabic language. The last domain, that is evaluation, contains the element of the Tahfiz teacher must be able to summarize the memorisation teaching process taught to the pupils after the execution of lectures and must be able to perform independent evaluation exercises using Arabic language which aims to help pupils determine their level of mastery. The Tahfiz teacher must be able to perform tests using Arabic language to view the achievements of pupils' memorisation. The Tahfiz teacher must be skilful in the process of evaluating being used to assess pupils' achievement in either formative or summative assessment. All of the domain and elements seem able to be used as a guide for the teachers and instructors of Arabic language in Tahfiz Centres.

Keywords; Teaching Domain, Arabic Language, Tahfiz Centres, Teacher's Preparation, Understanding of Concepts, Preparation of Task and Exercises, Consolidation of Teaching and Learning, Evaluation.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah segala puji dan rasa syukur ke hadrat Allah S. W. T. , kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai rintangan dan dugaan. Alhamdulillah. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S. A. W., semoga tesis ini dapat memberi manfaat pada ummah keseluruhannya

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada **Dr. Azhar Zailani** selaku penyelia saya di atas sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan sehingga tesis ini berjaya disiapkan. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah dan staf teknikal di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi pendidik dan penyelidik yang baik. Segala pengalaman yang telah dilalui pasti tidak dapat dilupakan.

Jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa dan arwah ibu mertua yang saya kagumi dan hormati, Hj. Turmudi, Hj. Kusniati dan Hj. Ramlah binti Antong yang sentiasa memberikan kasih sayang, dorongan, semangat, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga buat isteri tercinta, Pn. Kamariah Binti Ja'apar atas kesabaran, sokongan, toleransi, cinta dan doa yang berpanjangan, sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya hargai dan syukuri sehingga akhir hayat ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk generasi akan datang terutama bagi pengajar dan pelajar pusat tahfiz di seluruh Malaysia.

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN.....	ii
ABSTRAK.....	iii
ABSTRACT.....	v
PENGHARGAAN.....	vii
ISI KANDUNGAN.....	xi
SENARAI RAJAH.....	xiv
SENARAI JADUAL.....	xv
SENARAI SINGKATAN.....	xvii
SENARAI LAMPIRAN.....	xviii

BAB 1: PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan.....	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Pernyataan Masalah.....	5
1.3 Objektif Kajian.....	9
1.4 Soalan Kajian.....	9
1.5 Signifikasi Kajian.....	9
1.6 Definisi Operasional.....	12
1.7 Kesimpulan.....	13

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.0 Pengenalan.....	15
2.1 Pendidikan Tahfiz di Malaysia.....	15
2.2 Pengajaran Bahasa Arab Untuk Pemahaman Ayat Al-Quran.....	18
2.2.1. Modul Belajar Bahasa Arab Menggunakan al-Quran Per Kata.....	19
2.2.2. Pendidikan Bahasa Arab al Furqan.....	22
2.3 Masalah Pembelajaran Bahasa Arab di Pusat Tahfiz.....	24
2.4 Kaedah Pengajaran Guru.....	27

2.5	Model Pengajaran.....	28
	2.5.1 Model Pemrosesan Maklumat	29
	2.5.1.1 Daftar Sensori/Deria	30
	2.5.1.2. Ingatan Jangka Pendek	30
	2.5.1.3 Ingatan Jangka Panjang dan Simpanan.....	30
	2.5.2 Model <i>Concept Attainment</i> (Model Pencapaian Konsep)	31
	2.5.3 Model Inkuiri (Suchman)	33
	2.5.4 Model Pengajaran Ekspositori (Ausubel).....	34
	2.5.5 Model Behavioral	37
	2.5.5.1 Pengajaran Langsung.....	37
	2.5.5.2 Pembelajaran Masteri	39
	2.5.6 Model Sosial.....	41
	2.5.6.1 Pembelajaran Koperatif	41
	2.5.7 Model Personal	43
	2.5.8 Model Tidak Direktif (pembelajaran melalui kaunseling)	44
	2.5.9 Teori Rangsangan-Tindakbalas Thorndike	46
2.6	Domain-Domain Pengajaran Berasaskan Kajian Literatur Melalui Model Sedia Ada	47
2.7	Kerangka Konseptual	53
2.8	Kesimpulan.....	55

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan.....	57
3.1	Reka Bentuk Kajian.....	58
3.2	Kaedah Fuzzy Delphi (FDM).....	59
	3.2.1 Kebaikan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM).....	59
	3.2.2 Elemen dalam Kaedah Fuzzy Delphi (FDM).....	61
	3.2.3 Tatacara Menjalankan Kajian Menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM)	63
	3.2.4 Bilangan dan Kriteria Pakar Bagi Kaedah Fuzzy Delphi (FDM).....	68
3.3	Kaedah Pembentukan Soal Selidik Kaedah Fuzzy Delphi.....	69
3.4	Instrumen Kajian	69
3.5	Kesimpulan.....	72

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan.....	74
4.1	Demografi Responden.....	75
4.2	Domain Pengajaran Bahasa Arab bagi Pengajar di Pusat Tahfiz.....	76
4.3	Elemen Domain Pengajaran Bahasa Arab dan Keutamaannya bagi Pengajar di Pusat Tahfiz	80
	4.3.1 Elemen Domain Persediaan Guru dan Keutamaannya.....	80
	4.3.2 Elemen Domain Pemahaman Konsep Guru dan Keutamaannya	85
	4.3.3 Elemen Domain Penyediaan Tugas & Latihan dan Keutamaannya	89
	4.3.4 Elemen Domain Pengukuhan PdP dan Keutamaannya	94
	4.3.5 Elemen Domain Penilaian dan Keutamaannya	99
4.4	Matriks Domain Pengajaran Bahasa Arab bagi Pengajar di Pusat Tahfiz	105
4.5	Kesimpulan.....	110

BAB 5: PERBINCANGAN DAPATAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan.....	111
5.1	Perbincangan Dapatan Kajian	111
	5.1.1 Perbincangan Domain Pengajaran Bahasa Arab	111
	5.1.2 Perbincangan Elemen Bagi Domain Pengajaran Bahasa Arab	113
	5.1.3 Perbincangan Turutan (Keutamaan) Elemen Bagi Domain Pengajaran Bahasa Arab	118
5.2	Matriks Bagi Domain Pengajaran Bahasa Arab Bagi Pengajar di Pusat Tahfiz	123
5.3	Implikasi dan Cadangan	128
	5.3.1 Implikasi Kajian	128
	5.3.2 Cadangan untuk Kajian Lanjutan	130
5.4	Kesimpulan.....	131
	Rujukan	133
	Lampiran	142

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1: Kontinum sistem bahasa antara.....	7
Rajah 2.1 : Model <i>ekspositori</i>	35
Rajah 2.2: Model of Learning.....	45
Rajah 2.3: Rajah Konseptual Kajian.....	54
Rajah 3.1: Graf segi tiga min melawan nilai <i>triangular</i>	62
Rajah 3.2: Carta alir tatacara pendekatan Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM).....	63

Universiti Malaysia

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1: Pemilihan Model Pengajaran sebagai dasar kajian dan pembentukan domain pengajaran Bahasa Arab di Pusat Tahfiz.....	48
Jadual 2.2: Domain pengajaran dan justifikasi beserta justifikasi bagi domain pengajaran yang diterbitkan beserta elemen bagi soal selidik melibatkan kaedah Fuzzy Delphi.....	50
Jadual 3.1: Proses kajian mengikut Fasa.....	59
Jadual 3.2: Skala pemboleh ubah linguistik 7 mata.....	65
Jadual 3.3: Contoh nilai <i>threshold</i> (d) bagi 3 item dan 12 pakar.....	66
Jadual 3.4: Contoh peratusan kesepakatan pakar.....	67
Jadual 3.5: Contoh nilai skor <i>fuzzy</i> (A).....	68
Jadual 4.1: Demografi responden.....	75
Jadual 4.2: Dapatan domain pengajaran guru tahfiz berdasarkan kesepakatan pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.....	77
Jadual 4.3: Pengiraan nilai <i>threshold</i> (d), peratus kesepakatan pakar (%) dan nilai skor Fuzzy (A) bagi domain pengajaran guru tahfiz berasaskan kaedah Fuzzy Delphi.....	78
Jadual 4.4: Dapatan elemen domain persediaan guru bagi guru tahfiz berdasarkan kesepakatan pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.....	81
Jadual 4.5: Pengiraan nilai <i>threshold</i> (d), peratus kesepakatan pakar (%) dan nilai skor <i>Fuzzy</i> (A) bagi domain persediaan guru bagi guru tahfiz berasaskan kaedah Fuzzy Delphi.....	83
Jadual 4.6: Dapatan elemen domain pemahaman konsep bagi guru tahfiz berdasarkan kesepakatan pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.....	85
Jadual 4.7: Pengiraan nilai <i>threshold</i> (d), peratus kesepakatan pakar (%) dan nilai skor <i>Fuzzy</i> (A) bagi domain pemahaman konsep bagi guru tahfiz berasaskan kaedah Fuzzy Delphi.....	87

Jadual 4.8: Dapatan elemen domain penyediaan tugas dan latihan bagi guru tahfiz berdasarkan kesepakatan pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.....	90
Jadual 4.9: Pengiraan nilai <i>threshold</i> (d), peratus kesepakatan pakar (%) dan nilai skor <i>Fuzzy</i> (A) bagi domain penyediaan tugas dan latihan bagi guru tahfiz berasaskan kaedah Fuzzy Delphi.....	92
Jadual 4.10: Dapatan elemen domain pengukuhan PdP bagi guru tahfiz berdasarkan kesepakatan pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.....	95
Jadual 4.11: Pengiraan nilai <i>threshold</i> (d), peratus kesepakatan pakar (%) dan nilai skor <i>Fuzzy</i> (A) bagi domain pengukuhan PdP bagi guru tahfiz berasaskan kaedah Fuzzy.....	97
Jadual 4.12: Dapatan elemen domain penilaian bagi guru tahfiz berdasarkan kesepakatan pakar menggunakan kaedah Fuzzy Delphi.....	99
Jadual 4.13: Pengiraan nilai <i>threshold</i> (d), peratus kesepakatan pakar (%) dan nilai skor <i>Fuzzy</i> (A) bagi domain penilaian pdp bagi guru tahfiz berasaskan kaedah Fuzzy Delphi.....	103
Jadual 4.14: Matriks domain pengajaran bahasa arab bagi pengajar di pusat tahfiz.....	106
Jadual 5.1: Matriks domain pengajaran bahasa arab bagi pengajar di pusat tahfiz	124

SENARAI SINGKATAN

BAHEIS	Bahagian Hal Ehwal Islam
DQ	Darul Quran
FDM	Kaedah Fuzzy Delphi
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
IPTQ	Institut Pengajian Tahfiz al-Quran wal Qiraat
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JERIS	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek Dan Sosial
MTQ	Ma'had Tahfiz al-Quran wal Qiraat
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
SAR	Sekolah Agama Rakyat

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Borang Soal Selidik Pakar.....	142
LAMPIRAN B	Kesahan Soal Selidik Pakar 1.....	152
LAMPIRAN C	Kesahan Soal Selidik Pakar 2.....	153

Universiti Malaya

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Dewasa ini, proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam sistem pendidikan di Malaysia dilihat semakin mendapat perhatian kerajaan melalui peranan institusi pendidikan. Kepentingan penguasaan bahasa ini dapat mewujudkan medium kerjasama dan perkongsian secara global dalam sektor pendidikan, ekonomi, teknologi dan pelancongan negara. Namun yang lebih utama adalah untuk lebih memahami agama Islam itu sendiri. Namun, pencapaian pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab masih belum memuaskan berbanding bahasa asing yang lainnya. Lantaran itu, pelbagai kajian telah dibuat bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi penghalang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Oleh yang demikian, beberapa pendekatan akan disarankan oleh pengkaji bagi meningkatkan keberkesanan pencapaian pengajaran dan pembelajaran bahasa ini kepada pelajar keseluruhannya terutama bagi pelajar-pelajar di pusat tahfiz.

1.1 Latar Belakang Kajian

Al Quran diturunkan dalam bahasa Arab. Lantaran itu, orang Islam perlu mempelajari bahasa Arab demi memahami isi kandungan wahyu Allah sebagai petunjuk bagi seluruh umat manusia. Ia bahkan menjadi bahasa utama dunia dan bahasa rasmi di 24 buah negara Arab serta dituturi hampir 300 juta penutur jati iaitu lebih kurang 4 peratus daripada penduduk dunia (Ibtisam, 1999). Menurut Jassem (1995), memandangkan Al Quran adalah bahasa Al Quran, ia digunakan oleh hampir 1000 juta

ummat islam di seluruh dunia. Sebagai contoh dalam ibadat solat, seluruh ummat Islam menunaikannya dalam bahasa Arab.

Sebelum kemunculan Islam, terdapat segelintir bukan Arab mempelajarinya untuk tujuan perniagaan (al Nadawi, 1990). Manakala, dalam kurun pertama dan kedua, terdapat golongan bukan Arab yang memeluk Islam dan mempelajari bahasa Arab bagi mendalami Islam. Mereka mempelajari bahasa Arab secara natural melalui interaksi dengan penutur Arab atau melalui hafalan ayat-ayat Al Quran, Hadis dan bait-bait syair (Abdul Rahim, 1993). Bahasa Arab akhirnya berkembang mengikut peredaran semasa.

Sejarah telah membuktikan bahawa Islamisasi di tanah melayu ini terjadi pada awal kurun pertama hijrah atau ketujuh masihi melalui pedagang arab (Ahmad Jelani Halimi, 1996). Mereka tiba ke alam Melayu dalam pelayaran ke China. Dalam perjalanan itu, mereka singgah untuk mengambil bekal dan menunggu angin musim untuk meneruskan pelayaran (Badruddin Hayyi al-Sinni, 1950). Islam mula berkembang di alam Melayu sekitar kurun ke-14 dan seterusnya pengajaran Islam mula bertapak di istana-istana (Ismail Hamid, 1991). Pengajaran Islam secara rasmi jelas dapat dilihat dalam masyarakat melayu khususnya semasa kemunculan pusat-pusat pengajian Islam yang berbentuk pondok pada abad ke-18 M (Abdullah Jusoh, 1989). Kemunculan pondok-pondok ini sejak awal lagi menekankan pelajar-pelajarnya untuk mendalami bahasa Arab sebagai prasyarat bagi mendalami ilmu-ilmu Islam khususnya. Lantaran itu, pengajaran bahasa Arab secara tidak langsung mengiringi pengajian agama Islam. Pelajar perlu mengetahui bahasa Arab sebelum memahami Al Quran, ilmu-ilmu islam dan juga kitab-kitabnya.

Dari segi perkembangan bahasa Arab, ianya banyak sekali dibantu oleh faktor pendidikan berbanding dengan faktor lain. Sejarah pendidikan awal bahasa Arab bermula sejak institusi Pondok diperkenalkan pada awal abad ke 19. Pandangan Rosnani (1996) menghujahkan bahawa institusi Pondok biasanya terdiri daripada sebuah bangunan yang menjadi pusat pengajian (masjid ataupun rumah Tuan Guru) dan dikelilingi oleh deretan rumah-rumah kecil yang dihuni oleh para pelajar. Semasa pengajaran, Tuan Guru akan duduk di atas tikar yang dikelilingi pelajar-pelajar. Institusi Pondok yang pertama dikesan ialah Pondok Tok Pulai Condong yang telah dibina di Kelantan pada tahun 1820.

Hasil daripada pengajaran bahasa Arab di pusat-pusat pengajian Islam berbentuk Pondok, telah melahirkan ramai tokoh sarjana yang mampu memahami kitab-kitab dalam bahasa arab dan selanjutnya para sarjana ini berupaya menyambung pengajian mereka di negara-negara Arab khususnya di Mekah dan Madinah. Disamping itu juga, dengan adanya proses pengajian bahasa Arab ini dapat melahirkan tokoh-tokoh agamawan yang hebat dan mampu mengasaskan institusi Pengajian Islam mereka sendiri. Perkembangan ini menyemarakkan lagi kemunculan pusat-pusat Pengajian Islam yang berbentuk Pondok dengan pesat. Boleh dikatakan hampir kesemua negeri-negeri di Semenanjung Malaysia mempunyai struktur pengajian berbentuk Pondok. Antara yang terbanyak memiliki pusat pengajian adalah di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perak Utara. Ia banyak memberi sumbangan dalam perkembangan pengajaran bahasa Arab.

Berbicara tentang kewujudan institusi pondok ini juga dilihat amat relevan dengan pengajian tahfiz di Malaysia. Dewasa ini dilihat bahawa pengajian pondok ini mempunyai kesinambungannya dengan kewujudan pengajian tahfiz. Hal ini dapat dilihat sejajar dengan pandangan Noor Hisham Md Nawawi, Nur Azuki Yusuff, Mohd

Binyamin Che Yaacob dan Nasrul Hakim Salleh (2014) yang menyatakan bahawa minat kepada proses pengajian tahfiz ini adalah amat ketara dan menjadi pilihan ibu bapa masa kini.

Jika diteliti secara mikro, jelas menunjukkan komitmen dan minat ibu bapa menghantar anak mereka ke pusat pengajian tahfiz adalah amat tinggi. Maka tidak hairanlah jika dilihat kewujudan pusat pengajian tahfiz ini adalah umpama “cendawan tumbuh selepas hujan” di negara kita. Maka bertitik tolak daripada itu, bagi memastikan pusat pengajian tahfiz ini adalah menepati sistem piawaian yang betul, pihak kerajaan telah menubuhkan Majlis Tahfiz Negara pada awal tahun 2019 yang berfungsi memastikan bahawa kerangka dasar pengajian tahfiz adalah seiring dengan sistem pendidikan negara dan seterusnya membuka ruang agar suatu akta yang komprehensif dapat dilaksanakan (Laporan Jabatan Perdana Menteri, 2019).

Hasrat kerajaan Malaysia ini adalah dilihat suatu usaha mengiktiraf pelaksanaan Maahad Tahfiz Negeri yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri sebelum ini iaitu negeri Kelantan pada 1979, negeri Terengganu, Kedah, Selangor, Perak dan Perlis pada tahun 1980, Terengganu, Perak, Kedah, Perlis dan Selangor telah menubuhkan Maahad Tahfiz Negeri. Selanjutnya dituruti kerajaan Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Sabah turut mempunyai Maahad Tahfiz Negeri pada tahun 1990. Dan yang paling akhir adalah kerajaan Pulau Pinang dan Johor pada tahun 1996. Kesemua sukatan pelajaran tahfiz ini adalah berpandukan sukatan pelajaran Maahad Tahfiz Darul Quran, JAKIM (Noor Hisham Md Naw, et. Al, 2014).

Pengajian tahfiz ini juga telah diperkuatkan dari segi pelanjutan pengajiannya di peringkat pendidikan tinggi di mana daripada Laporan JAKIM pada tahun 2002 menyatakan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam juga bersetuju agar suatu proses pengiktirafan kepada pengajian ini di peringkat pendidikan tinggi dilaksanakan dan ia

ditawarkan di universiti awam seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Noor Hisham Md Nawawi, et. Al, 2014). Kini pusat pengajian tahfiz ini juga telah berkembang ke pusat pengajian tinggi yang menitikberatkan pengajian kemahiran teknik dan vokasional seperti Politeknik Malaysia. Hal ini dapat dilihat di mana Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (dahulunya Jabatan Pengajian Politeknik) telah meluluskan suatu kertas proposal bagi menawarkan sijil tahfiz di politeknik Malaysia pada tahun 2014 (Nor Hayati, Bani Hidayat & Ab. Halim, 2017). Hal ini secara langsung membantu anak-anak tahfiz mempunyai kemahiran yang selari dengan revolusi industri 4.0 yang dihasratkan oleh kerajaan.

Maka daripada perbincangan di atas membuktikan bahawa pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab adalah suatu yang tidak boleh dipisahkan dan ia menjadi kehendak trend pengajian masa kini. Jika disorot kepada pandangan Mohd Hairuddin dan Kamarul Azmi (2012) menyatakan bahawa tradisi pengajian Pondok ini telah berkembang dan menjadi asas kepada penubuhan Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan pengajian institusi pengajian tahfiz di seluruh Malaysia. Maka adalah menjadi keperluan suatu kajian dijalankan untuk melihat kembali apakah kerangka domain pengajaran bahasa Arab bagi para pengajar di Pusat Tahfiz?. Hal ini adalah bertujuan agar dapat melahirkan pelajar tahfiz yang mampu mendepani abad ke 21 ini dan dapat bersaing diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.

1.2 Pernyataan Masalah


Pengajaran bahasa Arab di Malaysia khususnya lebih menjurus kepada keperluan akademik seperti mana yang ditawarkan di sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi. Antara objektif penawaran mata pelajaran bahasa Arab di peringkat persekolahan dan

pusat pengajian tinggi di Malaysia adalah untuk tujuan asas komunikasi dan pemahaman teks agama terutama untuk pelajar aliran agama. Walau bagaimanapun, pengajaran bahasa Arab dewasa kini telah berkembang dengan pesat. Pelbagai tokoh bahasa Arab telah tampil dengan membawa pelbagai model pengajaran bahasa Arab.

Namun, pengajaran bahasa Arab seharusnya tidak lari dari matlamat asalnya iaitu menguasai bahasa itu sendiri. Menguasai bahasa bermakna kebolehan untuk berkomunikasi dengan bahasa itu secara spontan dan lisan. Komunikasi secara lisan adalah yang terbaik ialah boleh difahami pendengar dan tanpa keupayaan lisan ini, komunikasi belum sempurna (Aziz Talib, 1993). Oleh itu, aspek pertuturan menjadi asas kepada hampir semua pembelajaran bahasa (Mohd Hilmi, 1982) khususnya bahasa Arab.

Menurut Chomsky (1965), kompetensi bahasa adalah berkait dengan pengetahuan seseorang tentang rumus linguistik yang bercorak abstrak terhadap sesuatu bahasa itu dalam perlakuan bahasanya. Prestasi bahasa yang ditunjukkan oleh seseorang pengguna bahasa itu akan menggambarkan pengetahuannya tentang rumus-rumus bahasa tersebut. Konsep prestasi dapat dilihat dari sudut pertuturan dan perlakuan.

Selinker (1992) menegaskan dalam kajiannya bahawa hanya lima peratus daripada pelajar bahasa kedua akhirnya dapat menguasai bahasa kedua dengan sempurna sepertimana penutur jati bahasa kedua tersebut. Sedangkan majoriti pelajar berada pada satu titik di tahap kompetensi bahasa kedua sepanjang kontinum sistem bahasa antara (interlanguage system) seperti dalam rajah 1.1 berikut :



Rajah 1.1: kontinum sistem bahasa antara

Seseorang pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua di sekolah-sekolah di Malaysia mungkin berada pada satu titik di antara A dan B. Jika ia berada menghampiri A, bermakna ia masih belum menguasai bahasa keduanya dan masih dipengaruhi bahasa ibundanya. Akan tetapi jika ia menghampiri B, pelajar ini boleh dikatakan sudah menguasai kompetensi bahasa keduanya iaitu bahasa Arab dengan sempurna. Persoalannya, mengapakah masih ramai para pelajar yang belum mampu menguasai bahasa Arab sebagai bahasa kedua mereka? Jika kita lihat dari sudut kompetensi dan domain pengajaran yang seharusnya dikuasai oleh para guru bahasa Arab pula memprlihatkan bahawa hampir tiada lagi suatu domain pengajaran yang dibentuk dan dibangunkan khusus bagi guru bahasa Arab sama ada di Sekolah Arus Perdana mahupun di Pusat Tahfuiz. Hal ini adalah bersandarkan kepada kajian Awatif Abdul Rahman, Mohd Shafie Zulkifli, Muhammad Hashimee dan Mohd Zaquwan Zakaria (2018) yang menegaskan bahawa sehingga tahun 2018, masih tidak terdapat satu panduan dan rujukan yang seragam bagi domain kompetensi guru yang terkandung di dalamnya domain pengajaran guru bahasa Arab secara khusus. Manakala jika difokuskan secara terperinci dalam penetapan dimensi atau domain pengajaran bahasa Arab bagi para guru, maka terdapat pandangan daripada Al Muslim dan Zamri (2015) yang mengusulkan agar satu kajian yang melibatkan para guru bahasa Arab dalam suatu kelompok sasaran dilakukan bagi mendapat pandangan yang lebih mantap dan jitu.

Oleh yang demikian, berasaskan pandangan literatur yang dibincangkan di atas, pengkaji merasakan betapa perlunya mengkaji tentang domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar khususnya di Pusat Tahfiz agar pelajar mampu menguasai bahasa Arab demi memartabatkan proses pendidikan di negara kita amnya dan kepada pelaksanaan program pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab khususnya. Selain itu juga, kajian ini akan dapat memudahkan guru-guru bahasa arab mengenal pasti apakah domain pengajaran yang patut dikuasai ketika sesi pembelajaran dijalankan sekaligus mampu membina minat pelajar untuk terus mempelajari bahasa Arab.

Di dalam kajian ini, pengkaji menumpukan kajian kepada pengaplikasian domain pengajaran guru bahasa Arab di Pusat Tahfiz memandangkan pelajar-pelajar ini kebanyakannya mempelajari kitab-kitab berbahasa Arab. Sekiranya guru tidak berjaya mencapai tujuan sebenar pembelajaran bahasa Arab, maka para pelajar turut menghadapi masalah dalam memahami kitab-kitab ini. Tambahan pula, permasalahan akan lebih teruk, apabila mereka tidak mampu untuk menghafaz Al quran dengan baik serta tidak memahami maksudnya. Akhirnya, Pusat Tahfiz itu sendiri tidak mampu melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang ini.

Melihat kepada permasalahan seperti ini, terdapat kewajaran dibangunkan suatu kerangka domain pengajaran Bahasa Arab bagi pengajar di Pusat Tahfiz . Justifikasi kajian ini dicadangkan adalah bahawa ia sebagai satu usaha awal untuk memudahkan para guru bahasa Arab di Pusat Tahfiz untuk mengaplikasikan domain-domain ini memandangkan para guru bahasa Arab di Pusat Tahfiz mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza. Malahan ada dalam kalangan mereka yang tidak pernah mengetahui tentang domain-domain ini.

1.3 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti domain pengajaran bahasa Arab bagi guru bahasa Arab. Objektif utama ini dapat dibahagikan kepada tiga objektif khusus iaitu :

1. Mengetahui pasti domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di Pusat Tahfiz berasaskan kesepakatan pakar.
2. Mengetahui pasti elemen bagi domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di Pusat Tahfiz berasaskan kesepakatan pakar.
3. Mengetahui pasti keutamaan elemen bagi setiap domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di Pusat Tahfiz berasaskan kesepakatan pakar.

1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif yang telah digariskan oleh pengkaji, kajian ini cuba menjawab persoalan berikut :

1. Adakah domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di Pusat Tahfiz berasaskan kesepakatan pakar?
2. Adakah elemen bagi domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di Pusat Tahfiz berasaskan kesepakatan pakar?
3. Adakah keutamaan elemen bagi setiap domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di Pusat Tahfiz berasaskan kesepakatan pakar?

1.5 Signifikasi Kajian

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai beberapa kepentingan sama ada kepada penyelidik, atau pihak-pihak yang terlibat. Kepentingan sesuatu kajian memberi implikasi yang besar dalam memperbaiki sesuatu masalah atau situasi bagi kajian yang

dijalankan. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini juga memberi kepentingan yang boleh dimanfaatkan oleh pihak-pihak tertentu terutama dalam mendidik pelajar tahfiz seterusnya meningkatkan perkembangan pendidikan bahasa Arab terutamanya bagi pelajar tahfiz di negara ini.

a. Kepentingan kepada pengkaji

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kaedah pengajaran guru yang dilaksanakan bagi mengajar pelajar tahfiz. Ia penting bagi pengkaji melihat bagaimana para guru menggunakan pelbagai kaedah yang telah dipelajari di Institut Perguruan dalam menangani permasalahan penguasaan bahasa Arab bagi pelajar tahfiz. Kajian ini membantu pengkaji memperoleh maklumat yang tepat bagi memenuhi kehendak tugas.

b. Kepentingan kepada guru.

Hasil kajian juga diharap dapat dijadikan sebagai sumber rujukan kepada guru bahasa Arab dalam melaksanakan kaedah pengajaran yang sesuai dengan tahap pembelajaran pelajar. Dengan itu, hasil dapatan ini berupaya menjadi suatu prosedur dan domain yang perlu dikuasai oleh setiap guru tahfiz didalam menjalankan proses pengajaran yang berkesan dalam membantu pelajar menguasai hafazan Al-Quran dengan menggunakan bahasa Arab. Maka, secara tidak langsung ia mampu membantu para guru tahfiz mengubahsuai kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran, masa bagi aktiviti dan susunan aktiviti mata pelajaran dan bahan bantu mengajar bagi mencapai tujuan dan matlamat pendidikan bahasa Arab. Bukan sahaja mengajar dari segi akademik, malah mendidik rohaninya. Seajar dengan Falsafah Pendidikan Negara yang menekankan lima unsur iaitu jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS).

c. Kepentingan kepada pelajar.

Apabila kajian ini telah membantu guru dalam mengaplikasikan kaedah pengajaran yang sesuai terhadap pelajar tahfiz, ia secara langsung memberi kepentingan kepada pelajar di mana pelajar turut mendapat kebaikan hasil dari kajian ini. Pelajar akan dibimbing oleh guru berpandukan kaedah yang terbaik dan berkesan hasil dari kajian ini. Tiada lagi pelajar yang mengalami masalah dalam penguasaan bahasa Arab ini. Diharapkan dapatan kajian ini akan memberi implikasi yang besar bukan sahaja kepada guru, tetapi juga kepada pelajar khususnya pelajar di pusat tahfiz.

d. Kepentingan kepada pusat tahfiz dan pentadbir.

Berdasarkan data-data yang dianalisis daripada kajian yang dijalankan, kaedah-kaedah pengajaran guru yang terbaik dilaksanakan terhadap pelajar akan dapat diketahui. Justeru, pihak pusat tahfiz dan pentadbir dapat menambahbaik modul pengajaran dan pembelajaran bagi kelas bahasa Arab hasil perbincangan bersama-sama guru berkenaan. Kajian ini juga dapat memberi kelebihan kepada pihak pusat tahfiz dan pentadbir yang telah memberi kebenaran kepada pengkaji untuk menjalankan kajian kerana ia dapat memberi satu bonus kepada pihak pusat tahfiz di mana ia amat bertepatan dengan Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPPB) yang memerlukan sekolah atau pusat tahfiz menjalankan kajian tindakan secara berterusan.

Sesungguhnya bahasa Arab adalah bahasa yang Allah turunkan bagi seluruh umat manusia. Buktinya adalah buku panduan hidup manusia iaitu Al Quran diturunkan dalam bahasa Arab. Alangkah mulianya golongan yang mempelajari dan menghafal Al Quran dengan penuh penghayatan. Dari segi perintahnya, larangannya, akidahnya, sirah para nabi, tuntutan ahlakunya, dan sebagainya. Ini semua demi melahirkan

generasi yang celik Al Quran demi mendepani era globalisasi. Oleh itu, kajian ini amat penting kerana ia mampu membantu guru untuk mengajar dengan kaedah yang terbaik dalam penguasaan bahasa Arab demi memudahkan para pelajar menghafaz dan mengamalkan akhlak Al Quran seterusnya membantu mereka agar lebih mengenali dunia dan mampu hidup dalam arus kemodenan. Ianya bukan untuk menandingi kemodenan tetapi mampu berjalan seiring dengan arus kemajuan dengan membawa imej pelajar agama yang mengShafaz Al Quran serta mampu menguasai bahasa Arab dari segi pemahaman, penulisan di samping mampu berkomunikasi dalam bahasa Arab.

1.6 Definisi Operasional

Berdasarkan tajuk kajian **“Pembangunan Kerangka Domain Pengajaran Bahasa Arab Bagi Pengajar Pusat Tahfiz”**, pengkaji akan menghuraikan definisi bagi istilah tertentu yang digunakan seperti berikut.

- 1) Domain : lapangan atau bidang seperti kegiatan, pemikiran, pengetahuan dan sebagainya. Antara istilah yang berkait rapat dengan domain ialah kaedah, pendekatan, metode dan strategi. Kesemua istilah ini mempunyai makna yang hampir sama iatu langkah, tindakan atau cara untuk menyampaikan sesuatu. Justeru, domain pengajaran yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah langkah, tindakan atau strategi yang dilakukan oleh guru agar para pelajar dapat memahami isi kandungan pelajaran yang disampaikan kepada mereka.
- 2) Bahasa Arab : merujuk kepada suatu bahasa dari rumpun Bahasa Semit Selatan yang digunakan oleh orang-orang yang mendiami Semenanjung Tanah Arab di bahagian barat daya benua Asia (Ensiklopedia Islam, 2001). Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang tertua di dunia, tetapi keadaannya pada

awal pertumbuhan dan perkembangannya tidak diketahui dengan pasti. Bahasa Arab diumumkan sebagai bahasa rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu selain beberapa bahasa lain. Bahasa Arab bukan sahaja dituturkan oleh sebahagian penduduk bumi ini, tetapi juga merupakan bahasa Al Quran sebagai alat komunikasi antara manusia dan penciptanya

- 3) Pusat Tahfiz : tempat yang menjadi tumpuan pelbagai kegiatan menghafaz Al Quran. Dalam kajian ini, pusat tahfiz merujuk kepada madrasah yang menjadikan bidang hafazan Al Quran sebagai subjek teras dengan menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam pembelajaran di samping bahasa melayu dan bahasa inggeris. Namun apa yang dimaksudkan di sini adalah pusat tahfiz yang dipilih sebagai tempat kajian iaitu di Pusat Pendidikan Islam Dar Attaqwa, Shah Alam, Selangor.

1.7 Kesimpulan

Bab ini menunjukkan bahawa pembelajaran bahasa merupakan satu bidang yang kompleks merangkumi pelbagai bidang disiplin ilmu. Dalam perancangan sesuatu program bahasa, antara aspek-aspek yang perlu dibincangkan sebelum program ini diwujudkan ialah pendekatan atau aspek-aspek psikolinguistik dalam pembelajaran bahasa. Satu pendekatan yang komprehensif dan sistematik perlu diambil kira. Namun, apa sahaja pendekatan yang diguna pakai dalam pembentukan program pembelajaran bahasa, satu unsur yang menjadi prasyarat yang penting adalah kesedaran tentang kepentingan bahasa ini dalam kehidupan seseorang individu. Dengan adanya kesedaran ini, matlamat dan objektif program pembelajaran bahasa ini akan dapat dikenal pasti dan mencapai sasarannya. Kesedaran ini adalah salah satu mekanisme yang akan berperanan membangkitkan dan memandu perlakuan atau tingkah laku pelajar

untuk mencapai keperluan berbahasa dan hala tuju dalam pembelajaran bahasa Arab khususnya. Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji akan mengetengahkan penghuraian tentang domain-domain pengajaran bahasa Arab yang akan menimbulkan kesedaran tentang perihal pentingnya penguasaan bahasa Arab ini dalam kalangan pelajar tahfiz.

Universiti Malaya

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bidang hafazan al-Quran bermula semenjak penurunan ayat al-Quran yang pertama. Ketika Rasulullah S.A.W berumur 40 tahun dan sedang beribadat di Gua Hira'. Allah S.W.T telah memerintahkan Jibril A.S untuk mengajarkan al-Quran kepada baginda. Ayat pertama yang dibaca adalah '*iqra*' yang diulang sebanyak tiga kali oleh Malaikat Jibril A.S dan kemudian dibaca kembali oleh baginda secara hafazan. Bacaan Rasulullah S.A.W. bukanlah hafazan semata-mata, tetapi bacaan untuk difahami dan diamati.

Pendidikan al-Quran merupakan salah satu bidang teras dalam mendalami agama Islam. Secara umumnya, pendidikan al-Quran bermula dengan pembelajaran paling asas tentang al-Quran seperti mengenal huruf hijaiyah dan mengeja, membaca dan mempelajari hukum tajwid, serta mengkhatamkan al-Quran. Formaliti tahap awal pendidikan al-Quran ini sebagai asas utama seorang muslim sebelum meneroka tentang ilmu al-Quran yang lain. Pendidikan tahfiz al-Quran merupakan salah satu daripada cabang pendidikan al-Quran. Tambahan pula al-Quran diturunkan dalam bahasa arab fushah sekaligus pendidikan bahasa arab adalah salah satu cabang ilmu yang paling utama untuk dipelajari.

2.1 Pendidikan Tahfiz di Malaysia

Seiring dengan kesedaran dan kebangkitan umat Islam di Malaysia, pendidikan menghafaz al-Quran semakin mendapat tempat. Ini terbukti dengan kemunculan

Pusat-pusat Tahfiz al-Quran di seluruh negara, samada di bawah kelolaan kerajaan atau swasta. Kesemua Pusat Tahfiz ini mempunyai persamaan dan perbezaan diantara satu sama lain yang meliputi struktur pentadbiran dan kewangan, sistem pendidikan dan kurikulum yang digunakan.

Asas pembangunan dalam bidang tahfiz secara formal telah digerakkan oleh pihak Kerajaan Pusat sejak tahun 1996. Pada ketika itu, Kerajaan Pusat telah menubuhkan kelas pengajian menghafaz al-Quran dan Ilmu Qiraat di Masjid Negara (Afaf Abdul Ghafor,2003). Penubuhan kelas ini adalah berdasarkan arahan daripada Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Hasrat ini dinyatakan sewaktu perasmian Masjid Negara dengan kehadiran Sheikh Mahmud Syaltut ketika beliau dalam rangka lawatan ke Malaysia. Faktor penyumbang kepada penubuhan Kelas Pengajian Menghafaz al-Quran adalah ekoran daripada penganjuran Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan yang diadakan semenjak tahun 1960. Pelaksanaan program ini ternyata mendapat sokongan dan dorongan daripada semua pihak. Kesannya masyarakat Islam pada ketika itu berusaha untuk mempertingkatkan mutu bacaan al-Quran (Wan Muhammad,1997, JAKIM,2003).

Seramai 8 orang pelajar merupakan perintis kepada kelas Pengajian Menghafaz al-Quran dan Ilmu Qiraat. Kelas tersebut dipimpin oleh Mohd Nor Hj. Ibrahim selaku mufti negeri Kelantan. Antara pelajar yang terlibat ialah Abu Hassan bin Lebai Din, Syeikh Ismail bin Mohammad dan Salahuddin bin Omar (JAKIM,2003)

Dari tahun 1966 hingga tahun 1978 pengajian ini diletakkan di bawah kelolaan Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Setelah beberapa tahun, Kelas Pengajian Menghafaz al-Quran dan Ilmu Qiraat dinaiktaraf oleh kerajaan menjadi unit Pengajian Menghafaz al-Quran Masjid Negara. Pada tahun 1984, fungsi Unit Menghafaz al-Quran telah diperluas

dengan menjadi salah satu jabatan di Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur yang dikenali sebagai Ma'had Tahfiz al-Quran wal Qiraat (MTQ) (Nordin Ahmad,2015).

Terdapat 2 objektif penubuhan MTQ. Pertama, MTQ berperanan menghasilkan para qari yang hafiz al-Quran dan alim dalam ilmu-ilmu al-quran bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam di negara ini. Kedua, MTQ menjadi pusat yang aktif dalam menggalakkan pengajaran dan pembelajaran tahfiz dan ilmu-ilmu al-Quran dalam masyarakat (JAKIM, 2003). Pada ketika itu, MTQ belum mempunyai lokasi tetap. Dalam tempoh hampir dua dekad, MTQ beroperasi di beberapa tempat iaitu rumah-rumah kerajaan di sekitar Jalan Chenderasih, Jalan Ledang, Lembah Kelang, Kompleks Pusat Islam Jalan Perdana dan bangunan yang disewa di pinggir Taman Tun Dr. Ismail dan Hulu Langat (Jakim, 2003).

Dari tahun 1966 hingga tahun 1978 pengajian ini diletakkan dibawah kelolaan Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, pada tahun 1972 dan ia diberi nama "Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat". Sekarang dikenali sebagai Darul Quran (JAKIM, 2003). MTQ terus melakar sejarah perkembangan yang positif dan memberangsangkan dengan menghasilkan graduan di peringkat diploma. Selari dengan penghasilan graduan Diploma Tahfiz al-Quran (BAHEIS) dan pengiktiragfan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), nama MTQ telah ditukar ke Institut Pengajian Tahfiz al-Quran wal Qiraat (IPTQ)(JAKIM,2003). Pada tahun 1997, IPTQ diberi penjenamaan baru iaitu Darul Quran (DQ). DQ beroperasi dibawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (JAKIM,2003). Kampus DQ bertempat di Kuala Kubu Baru, Selangor dan menjadi kampus tetap sehingga ke hari ini.

2.2 Pengajaran Bahasa Arab Untuk Pemahaman Ayat Al-Quran

Ilmu bahasa untuk tujuan khusus telah dikenal pasti bermula pada pertengahan kurun ke-20 dimana Bahasa Inggeris menjadi pelopor kepada bahasa-bahasa utama di dunia. Menyedari kepentingan Bahasa Arab kepada masyarakat global, beberapa cendekiawan dan sarjana Islam telah mengorak langkah untuk mengaplikasikan disiplin tersebut kepada Bahasa Arab. Maka, lahirlah kajian-kajian yang berkaitan dengan Bahasa Arab untuk tujuan khusus (Mohamad Najib, 2007).

Perkembangan semasa menunjukkan matlamat dan objektif pengajian Bahasa Arab lebih jelas selaras dengan pengiktirafan Bahasa Arab sebagai salah satu bahasa dunia. Implikasinya, Bahasa Arab telah mendapat perhatian semua pihak hingga diwujudkan modul pembelajaran bahasa Arab yang khusus. Pembelajaran bahasa Arab secara khusus lebih lebih menjurus kepada tajuk-tajuk yang tidak menyentuh bidang Bahasa Arab secara teknikal. Cabang-cabang ilmu seperti ilmu sintaksis, ilmu morfologi, ilmu makna dan ilmu fonologi tidak diajar secara optikal tetapi keutamaan diberi kepada aplikasi dalam pengajaran bahasa secara keseluruhan. Modul sebegini secara umumnya digubal untuk pelajar yang ingin mempelajari Bahasa Arab untuk mendalami ilmu-ilmu tertentu, antaranya adalah ilmu agama seperti memahami al-Quran, hadith, ilmu feqah dan sebagainya ataupun untuk mendalami ilmu-ilmu duniawi secara umum seperti sains, teknologi, kebudayaan dan sebagainya (Hasan Basri & Ahmad Zailani, 2005).

Pembelajaran Bahasa Arab di Negara-negara bukan Arab khususnya terus mendapat sambutan hangat lebih-lebih lagi daripada umat Islam. Bahasa Arab mempunyai hubungan yang rapat dengan dengan kehidupan masyarakat Islam bahkan mereka menyedari betapa perlunya kepada penguasaan bahasa Arab untuk melaksanakan ibadah dan tuntutan-tuntutan agama seperti solat, bacaan al-Quran,

menunaikan haji dan umrah, berdoa, berzikir dan sebagainya (Naemah et al., 2009). Rentetan daripada kecenderungan ini, terdapat pelbagai modul Bahasa Arab yang digubal khusus untuk mendalami bahasa Arab untuk tujuan ibadah. Antara modul yang boleh didapati selari dengan matlamat yang dinyatakan adalah modul hasil kajian Mohd Fauzi bertajuk *al A'rabiyah lil I'badah* yang telah dibukukan. Suhaila (2012) berpendapat bahawa modul ini menggunakan pendekatan baru untuk mempelajari bahasa Arab untuk tujuan agama.

Mohd Fauzi dalam pada itu berpendapat bahawa kebanyakan orang Islam yang bukan penutur Bahasa Arab mampu mempraktikkan zikir-zikir harian, membaca doa dalam Bahasa Arab dengan lancar tetapi tidak memahami makna zikir dan doa tersebut. Mereka juga tidak mampu menghayati perkataan yang disebut sebagaimana yang dituntut untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. (Mohd Puzhi, 2010).

Proses pemahaman ayat al-Quran dari segi bahasa adalah proses yang memakan masa bagi individu yang tidak berpeluang mempelajari asas Bahasa Arab secara formal. Terdapat beberapa teknik yang boleh diaplikasikan oleh pelajar tahfiz antaranya modul belajar bahasa arab menggunakan quran per kata dan pendidikan Bahasa Arab al-Furqan.

2.2.1 Modul Belajar Bahasa Arab Menggunakan al-Quran Per Kata

Modul Belajar Bahasa Arab Menggunakan al-Quran Per Kata ini terhasil daripada idea dan pengalaman peribadi Dr. Nadiyah Elias, seorang pensyarah kanan Jabatan Kaunseling dan Psikologi di Universiti Utara Malaysia. Modul Ini diinspirasi dari buku berjudul *Amaaniina* yang merupakan *muqaddam juz ammaa* (juzuk terakhir dalam al-Quran) terbitan Imej Bahasa Sdn Bhd. Buku ini bermatlamatkan kepada empat perkara iaitu pembacaan dan pembedaan bacaan, pemahaman ayat yang dibaca,

penelitian makna per kata dan hafazan satu persatu. Kesukaran mengadaptasi isi kandungan buku untuk membolehkannya memahami makna ayat dalam al-Quran membuatkan beliau cuba menghasilkan kaedah yang dirasakan lebih mudah dan bersesuaian untuk orang awam yang kurang pendedahan terhadap Bahasa Arab. Menurut beliau juga, objektif Modul Belajar Bahasa Arab Menggunakan al-Quran Per Kata ini terarah kepada membakar semangat dan menggalakkan orang awam memahami al-Quran. Penggunaan modul ini juga tidak bermatlamat untuk pengajaran ilmu nahu atau tatabahasa Arab.

Isi kandungan modul ini tidak dibukukan secara formal, namun secara keseluruhannya telah dikongsikan bersama masyarakat melalui siri-siri bengkel pengajaran yang disampaikan oleh Dr. Nadiyah sendiri. Antara perkara utama yang menjadi penekanan di awal modul adalah pemahaman struktur ayat di dalam al-Quran dan teknik mengenal akar kata perkataan. Kedua-dua perkara tersebut amat membantu dalam memahami bahasa Arab di dalam al-Quran.

Modul ini memberi penekanan mengikut surah yang terdapat dalam al-Quran. Surah yang menjadi subjek utama modul adalah Surah Yaasin berdasarkan kepada penggunaannya yang lebih kerap dan dekat dengan masyarakat Melayu di Malaysia. Setelah peserta diyakini telah menguasai teknik yang diajar dan berjaya mengaplikasi teknik tersebut didalam Surah berjaya mengaplikasi teknik tersebut didalam Surah Yaasin, peserta digalakkan untuk menggunakan teknik yang sama untuk surah amalan mereka yang lain. Manakala surah-surah didalam Juz Amma dipilih sebagai surah-surah terakhir untuk dipelajari kerana mengandungi perkataan-perkataan yang susah. Perkataan-perkataannya juga tidak berulang dan mengandungi struktur ayat-ayat sastera yang memerlukan ilmu Bahasa Arab yang lebih mendalam. Walaupun teknik modul ini diajar secara amali, peserta juga digalakkan menggunakan perisian-perisian

terkini dan tafsir atau terjemahan al-Quran yang sangat membantu dan memudahkan proses pengajaran.

Terdapat tujuh langkah yang digunakan dalam modul belajar bahasa Arab menggunakan al-Quran per kata ini iaitu:

- a. Menulis perkataan beserta terjemahan didalam sekeping kertas atau kad. Tulisan jawi ditulis di salah satu halaman manakala halaman sebaliknya ditulis menggunakan tulisan rumi.
- b. Perkataan Arab beserta maksudnya di dalam bahasa Melayu dihafal.
- c. Hafazan diuji dengan cara menyatakan makna bahasa Melayu bagi perkataan bahasa Arab yang terdapat pada kertas atau kad. Perkataan Arab yang dapat diterjemahkan akan diletakkan di sebelah kanan pelajar manakala perkataan yang gagal diterjemahkan di sebelah kiri. Ujian dilakukan berulang kali bagi perkataan di sebelah kiri sehingga semua perkataan berjaya diterjemahkan.
- d. Surah pilihan dalam al-Quran (tanpa terjemahan) di baca sambil menyebut maksud perkataan dengan terang dan jelas.
- e. Surah pilihan dibaca sekali lagi sambil maksudnya disebut didalam hati. Kaedah kelima ini turut termasuk mendengar bacaan dari qari-qari tertentu sambil menyebut maksud didalam hati.
- f. Mempelajari struktur ayat bahasa Arab dan tatabahasa ringkas.
- g. Pengukuhan bacaan iaitu membaca al-Quran dan menghayati atau memahami apa yang hendak disampaikan. Pembaca tidak digalakkan menterjemah bacaan bagi mengelakkan pelajar menghafaz semua perkataan di dalam surah tersebut tanpa memahami apa yang hendak disampaikan.

Jangkamasa yang diperlukan untuk mengajar langkah-langkah ini adalah selama dua hingga empat jam sahaja. Manakala masa yang diperlukan untuk bengkel (mengajar teknik dan praktikal untuk beberapa ayat sahaja) adalah dua hari. Pengalaman peribadi Dr. Nadiyah untuk memahami *Surah Yaasin* mengambil masa dua hingga tiga bulan. Namun begitu, masa sebenar tidak dapat dijangka kerana ia bergantung kepada individu dan tertakluk kepada kelapangan masa, karier dan komitmen-komitmen peribadi yang lain. Menurut Dr. Nadiyah lagi, walaupun beliau tidak membuat sebarang penyelidikan mengenai kaedah pengajaran bahasa Arab untuk memahami al-Quran ini, sesi ceramah atau bengkel beliau turut ditambah baik. Pembaharuan yang paling kerap dilakukan adalah dari segi penggunaan perisian tertentu seperti perisian al-Quran terjemahan, tafsir, tatabahasa dan seainya.

Kesimpulannya, Modul Belajar Bahasa Arab Menggunakan al-Quran Per Kata ini memberi pendedahan kepada peserta bengkel untuk memahami al-Quran melalui pembelajaran secara fokus pada perkataan. Ia memudahkan pembaca untuk memahami apa yang disampaikan di dalam al-Quran. Walaubagaimanapun, Dr. Nadiyah tetap menegaskan bahawa tiada jalan pintas untuk peserta memahami al-Quran, apa yang dikongsikan dalam modul tersebut adalah panduan kepada peserta sahaja.

2.2.2 Pendidikan Bahasa Arab al Furqan

Modul Pendidikan Bahasa Arab al Furqan telah diasaskan pada tahun 1997 oleh Ustaz Nasaruddin Hasim. Peserta modul ini kebanyakannya terdiri daripada golongan berusia empat puluh tahun keatas. Modul ini telah mendapat publisiti meluas sejak diperkenalkan di radio IKIM (Institut Kefahaman Islam Malaysia) sejak tahun 2007. Ia telah berkembang dan diajar di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia

seperti Kedah, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Johor dan Melaka. Modul yang berobjektifkan pemahaman tafsir al-Quran ini teretus dari penyangkalan persepsi orang Malaysia bahawa Bahasa Arab adalah bahasa yang susah difahami. Justeru ia membawa kepada pemahaman masyarakat bahawa hanya pelajar yang mengikuti pengajaran Bahasa Arab secara formal sahaja mampu untuk memahami Bahasa Arab dalam al-Quran.

Menurut Ustaz Nasaruddin, kekangan pertama dalam pengajaran Bahasa Arab semasa adalah masalah hafalan dimana pelajar diminta menghafal ganti nama Bahasa Arab di awal sesi pembelajaran. Dalam Pendidikan Bahasa Arab al-Furqan ini, kaedah hafalan diubah kepada pemahaman di mana satu diagram berkenaan ganti nama Bahasa Arab akan di tunjukkan kepada peserta pada sesi pertama modul. Pada sesi kedua modul pula, pengajaran dijalankan secara amali ke atas ayat-ayat terpilih dari surah-surah al-Quran.

Jangkamasa modul ini mengambil masa selama sepuluh bulan. Pelaksanaan modul hanya dilakukan sekali dalam seminggu dan mengambil masa selama dua jam sahaja. Dalam sesi dua jam modul ini, hanya satu ayat al-Quran yang dikupas terjemahannya. Kupasan ayat ini mengandungi tiga lapisan. Lapisan pertama mengkhususkan kepada makna perkataan secara tersurat dan penumpuan kepada ganti nama seperti yang ditekankan dalam diagram modul. Pada lapisan kedua pula, terjemahan akan mengkhususkan pada buku terjemahan yang digunakan dalam modul. Lapisan terakhir pula memfokuskan kepada terjemahan dari tafsir-tafsir yang lebih terkemuka seperti Tafsir al-Azhar dan Tafsir Ibnu Kathir. Dalam lapisan terakhir ini juga, tauladan dalam ayat akan diketengahkan. Namun begitu, lapisan ketiga kupasan ayat ini hanya dimulakan pada bulan ketiga modul.

Menurut Ustaz Nasaruddin lagi, kebanyakan peserta sudah boleh memahami ayat al-Quran selepas lima bulan penyertaan dalam modul. Namun begitu, peserta tidak dijangka dapat memahami keseluruhan al-Quran kerana hanya tujuh puluh hingga lapan puluh ayat al-Quran yang dikupas dalam jangkamasa sepuluh bulan modul. Sebagai inisiatif tambahan kepada peserta agar masih mempunyai rujukan selepas selesai modul, Ustaz Nasaruddin telah menghasilkan satu kamus yang menggunakan formula modul bertajuk Kamus Harfiyyah al-Quran.

2.3 Masalah Pembelajaran Bahasa Arab di Pusat Tahfiz

Pendidikan bahasa Arab di pusat tahfiz berkembang seiring dengan berkembangnya pusat tahfiz di Malaysia. Ia merupakan bahasa kedua yang perlu dipelajari oleh rakyat Malaysia. Antara tujuan mempelajari bahasa Arab adalah untuk memahami isi kandungan al-Quran, mendalami ajaran agama Islam dan memahami istilah-istilah Arab yang digunakan di dalam pelbagai bidang ilmu. Dengan adanya pelbagai jenis pendekatan dan kaedah ini, ia boleh membantu para pelajar menguasai bahasa Arab (AlMuslim Mustapa & Zamri Arifin, 2012; Zamri Ahmad & Ibtisam Abdullah, 2014; M. Ilham Muchtar, 2015). Bahasa Arab telah menjadi salah satu mata pelajaran di semua peringkat pendidikan sama ada sebagai subjek elektif atau subjek wajib di beberapa institusi secara amnya.

Justeru, untuk menguasai pembelajaran bahasa Arab, pelbagai proses pembelajaran perlu dijalankan dengan sebaiknya. Untuk mencapai penguasaan yang tinggi, strategi yang dipilih mestilah bersesuaian dan tenaga pengajar dapat memainkan peranan dalam membuat pelbagai aktiviti pengajaran supaya dapat menarik pelajar untuk mempelajari bahasa Arab serta menguasainya (Mohd Zulkifli Bin Muda, Harun Bin Baharudin, Siti Fatimah Salleh, 2015).

Namun yang demikian itu, terdapat beberapa isu dalam permasalahan dalam pengajaran bahasa Arab bahkan ianya bukan suatu perkara yang baharu. Malah ia sering diperdebatkan dalam kalangan pendidik dan pengkaji sejak sekian lama. Namun, senario permasalahan ini bukanlah dilihat sebagai suatu perkara yang negatif. Senario ini dilihat membuka ruang perbincangan dan percambahan idea dalam menambahbaik sistem pengajaran bahasa Arab di Malaysia khususnya dalam suasana perkembangan bahasa Arab yang dilihat semakin meluas dewasa ini.

Pengajar ataupun guru merupakan faktor penting dalam menjamin kelangsungan PdP khususnya dalam melahirkan pelajar yang berketerampilan dan berkemahiran dalam bahasa. Faktor kekurangan masa PdP bahasa Arab dan status bahasa Arab itu sendiri dalam sistem pendidikan di Malaysia menuntut kreativiti dan kemahiran guru bagi menjadikan pembelajaran bahasa Arab lebih berkesan dan bermakna.

Berdasarkan penelitian yang dilakukan ke atas kajian-kajian lalu, beberapa masalah yang dikenal pasti dalam pengajaran bahasa Arab adalah pengajaran berpusatkan guru (Rosni Samah, 2009), pendekatan nahu terjemahan (Ab. Gani Jalil, 1993, Rosni Samah, 2009), penggunaan bahan bantu mengajar (Ab. Gani Jalil, 1993, Rosni Samah, 2009, Rahimi Md. Saad et al.) , kekurangan bahan bacaan tambahan (Rosni Samah, 2009), kekurangan aktiviti (Ab. Gani Jalil, 1993, Rosni Samah, 2009), kekurangan komunikasi (Rosni Samah, 2009), persekitaran (Azman Che Mat dan Goh Ying Soon, 2010, Nik Rahimi, Kamarulzaman dan Zawawi, 2006, Kamarudin, 2000, Ab. Gani Jalil, 1993), motivasi (Rosni Samah, 2012).

Oleh itu, kaedah pengajaran merupakan perantara penting dalam mencapai sesuatu objektif pembelajaran. Dalam penyampaian sesuatu pengajaran khususnya

pengajaran bahasa Arab, penggunaan kaedah yang sesuai dan menarik dilihat sangat penting. Ini membantu para pelajar untuk menguasai bahasa Arab dengan lebih berkesan (Wan Azura & Lubna Abd Rahman, 2006) dan pengajaran yang berkualiti terhasil daripada guru yang berkeupayaan mengaplikasikan ilmu pedagogi iaitu ilmu mengajar secara saintifik dalam pendidikan formal (Mohammad Abdillah, Miss Asma & Zamri Arifin, 2014).

Selain itu, permasalahan dalam pengajaran bahasa Arab yang berlaku dikatakan berpunca daripada kekurangan kemahiran dalam mempelbagaikan teknik pengajaran. Ia juga berpunca daripada kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru tidak tepat, kurang sesuai dan kurang berkesan (Ishak Mohd Rejab, 1992). Sebahagian guru dilaporkan mempunyai pengetahuan yang terhad dalam memahami pendekatan pengajaran komunikasi dan kemahiran bahasa yang sesuai.

Satu hakikat yang perlu diterima adalah tidak semua guru bahasa Arab di Malaysia memiliki latar belakang pendidikan bahasa Arab yang khusus (M. Amarudin Shuheb, 2016). Pengajaran bahasa Arab juga turut diajar oleh guru yang bukan opsyen dan guru yang kurang berpengalaman. Namun begitu, pengajar yang mengajar bahasa Arab perlu sedar dan prihatin terhadap isu yang berlaku serta mencari jalan penyelesaian bagi permasalahan ini dari masa ke semasa. Permasalahan para pengajar ini menuntut komitmen pengajar itu sendiri secara keseluruhannya, walaupun mungkin ada masalah yang berpunca daripada pelajar. Ini kerana minat dan motivasi pelajar turut memainkan peranan dalam memastikan pembelajaran yang diajar itu berkesan. Tidak dapat dinafikan minat pelajar terhadap sesuatu pelajaran itu juga bergantung kepada pengajar yang mengajar juga. Sekiranya pengajar yang mengajar itu membosankan, minat pelajar terhadap pelajaran pasti merosot.

Oleh yang demikian, para pengajar perlulah lebih prihatin dan celik akan perkara yang telah dibincangkan ini agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan sejajar dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia supaya dapat dipastikan pengajaran dan pembelajaran yang diajarkan kepada pelajar-pelajar memberi manfaat kepada semua.

Lantaran itu, kajian ini dilakukan demi membantu para pengajar di pusat tahfiz dalam mengatasi masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Kerangka domain pengajaran yang terbina diharap dapat diaplikasikan di semua pusat tahfiz mahupun institusi lainya yang mengajarkan mata pelajaran bahasa Arab. Seterusnya objektif pembelajarana dapat dilaksanakan sepenuhnya.

2.4 Kaedah Pengajaran Guru

Kaedah pengajaran seseorang guru merupakan komponen yang penting dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Kaedah yang telah dirancang dengan baik akan membawa hasil prestasi yang dikehendaki. Seseorang guru perlu mempunyai sifat kreatif yang boleh dibina melalui pengalaman yang luas (Abd Razak Idris, 2010). Unsur-unsur kreatif perlu diterapkan dalam prinsip pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan guru, persekitaran dan kaedah pengajaran.

Menurut Rashidi Azizan dan Abdul Razak Habib (1995), kaedah pengajaran ialah tindakan yang dilakukan oleh guru dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Pada hakikatnya kaedah-kaedah ini melibatkan tindak balas antara guru dan pelajar. Setiap kaedah pengajaran boleh digunakan secara tersendiri atau diintegrasikan dengan kaedah-kaedah lain. Sharifah Alwiah Alsagoff pula menyatakan bahawa kaedah mengajar ialah peredaran ke arah satu tujuan pengajaran yang telah dirancang dengan teratur.

Hasan Langgulung turut menjelaskan bahawa kaedah itu sebenarnya bermaksud jalan untuk mencapai tujuan. Kaedah tersebut melibatkan langkah-langkah yang tersusun dan mempunyai kemahiran serta latihan yang terancang. Justeru, sebarang tindakan dan aktiviti yang dilakukan oleh guru untuk memberi kefahaman kepada murid bagi mencapai objektif pengajaran dinamakan sebagai kaedah pengajaran. Hal ini bermakna tidak ada satu kaedah yang terbaik untuk semua matapelajaran bagi semua murid dalam semua keadaan. Kaedah pengajaran harus berubah mengikut keadaan, masa, tempat dan murid. Oleh yang demikian, guru harus bijak memilih kaedah yang terbaik dan bersesuaian dengan keadaan dan latar belakang murid ketika menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran(P&P).

Penggunaan kaedah pengajaran yang pelbagai sangatlah diutamakan kerana ia dapat membantu pelajar memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran dan mengubah sikap dan tingkah laku serta menanam minat dan nilai-nilai yang diinginkan. Ia juga disokong oleh Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff iaitu proses pembinaan kurikulum dalam sistem pendidikan tidak akan lengkap dan sempurna sekiranya aspek yang berkaitan dengan P&P tidak dititikberatkan. Kurikulum yang lengkap dan disokong oleh kaedah pengajaran yang sempurna akan memantapkan lagi proses P&P menyokong ketokohan serta keperibadian guru. Secara umumnya, dalam menyampaikan ilmu pengetahuan, kaedah pengajaran adalah aspek yang perlu diberikan perhatian yang menjadi penggerak dua hala di antara guru dan pelajar kerana ianya sentiasa berinteraksi dan saling pengaruh-mempengaruhi.

2.5 Model Pengajaran

Model pengajaran merujuk kepada kerangka yang merangkumi keadaan kandungan, strategi serta iklim social bilik darjah yang dapat mewujudkan persekitaran

pembelajaran untuk para pelajar. Ini bermaksud, model pengajaran merupakan blueprint pengajaran. Menurut Azizi Yahaya (2007), pengurusan secara sistematik di dalam bengkel amat penting untuk memperolehi keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Model ini adalah strategi preskriptif yang direka bentuk untuk mencapai matlamat pengajaran. Model pengajaran yang terdiri daripada prosedur-prosedur mudah pengajaran dan pembelajaran boleh dijadikan panduan kepada perancang dan guru kerana prosedur mengajar amat penting untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan. Lanjutan daripada itu, selepas menggunakannya sebagai panduan pengajaran dan pembelajaran, model pengajaran membantu guru memperoleh maklum balas tentang keberkesanan pengajaran dan aktiviti susulan yang perlu diambil untuk penambahbaikan. Model – model ini berdasarkan pengketogorian yang diutarakan oleh Bruce, Weil, Calhoun (2009).

2.5.1 Model Pemprosesan Maklumat

Menurut Azizi Yahaya (2005) model pemprosesan maklumat menyamakan ingatan manusia dengan computer, iaitu menggunakan model input-output (Mohd Sharani Ahmad, 2003). Maklumat merupakan input yang diperolehi manusia daripada persekitaran pembelajaran. Maklumat diproses dan disimpan dalam ingatan. Kemudian, maklumat ini boleh menjadi output melalui proses *retrieval*. Maka, pemprosesan maklumat adalah sebagai satu operasi mental bagaimana manusia belajar melibatkan proses menerima, menyimpan dan mengingat kembali maklumat. Terdapat tiga fasa ingatan semasa pemprosesan maklumat berlaku dalam otak manusia. Tiga fasa ingatan tersebut adalah daftar sensori/deria, ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang (Robert m. Gagne', 1975).

2.5.1.1 Daftar sensori/Deria

- a. Input utama daripada penglihatan dan bunyi.
- b. Pemprosesan berlaku dalam 3-5 saat.
- c. Input disalur kepada ingatan jangka pendek untuk pemprosesan sebenar.
- d. Maklumat yang diterima biasanya dipantau pada tahap perhatian rendah dan oleh itu respon juga secara terpilih. Contohnya, apabila memandu kereta sambil bercakap, seseorang boleh terus memandu dan bercakap.

2.5.1.2 Ingatan Jangka Pendek

- a. Maklumat yang dipindah kedalam ingatan jangka pendek akan berada dalam keadaan aktif selama 15-20 saat tanpa latihan dan lebih lama jika ada praktis.
- b. Kapasiti ingatan jangka pendek terhad kepada $7 + 2$ item.
- c. Tiga cara untuk menangani tugas kognitif dalam ingatan jangka pendek :
 - i. *Chunking*, bermaksud bahagikan kepada bahagian-bahagian kecil.
 - ii. Proses satu persatu pada satu ketika (Pemprosesan serial)
 - iii. Kemahiran praktis sehingga mencapai tahap automatik. Contohnya mengingat nombor telefon, 84112110 kepada 84-11-21-10 iaitu 4 *chunk* berbanding 8 unit.
- d. Maklumat dalam ingatan jangka pendek akan hilang jika tidak diulangi dalam masa 20 saat atau bilangan item melebihi 5-9 unit.

2.5.1.3 Ingatan Jangka Panjang dan Simpanan

- a. Maklumat untuk rujukan masa depan disimpan dalam ingatan jangka panjang.
- b. Ingatan jangka panjang merupakan stor pengetahuan yang kekal, seperti kebolehan mengingat nombor telefon.
- c. Mempunyai kapasiti dan tempoh masa yang tidak terhad.

- d. Konsep yang dipelajari disimpan dalam jaringan perkaitan yang bermakna secara hierarki (skema).
- e. Tiga ketegori dalam ingatan jangka panjang iaitu sementik , episodik dan procedural.

2.5.2 Model *Concept Attainment* (Model Pencapaian Konsep)

Menurut Bruner, Goodnow dan Austin (Suherman 1992) menyatakan bahawa model pencapaian konsep dirancang bagi membantu pelajar mempelajari konsep-konsep yang dapat digunakan untuk mengorganisasikan maklumat, sehingga dapat memberi kemudahan bagi mereka mempelajari konsep itu dengan cara yang lebih efektif. Dengan kata lain, model pembelajaran ini adalah untuk menyusun data sehingga konsep-konsep penting dapat dipelajari secara cepat dan efisien. Sehubungan itu, model ini bermanfaat untuk memberikan pengalaman kaedah sains iaitu secara khususnya adalah untuk menguji hipotesis.

Dalam perancangan dan pelaksanaan pengajaran konsep, guru harus memilih konsep- konsep dan pendekatan yang sesuai seperti pengajaran secara langsung ataupun mendifinasikan konsep. Dalam penyampaian secara pencapaian konsep guru terus memberikan contoh sesuatu konsep sehingga penghujung pelajaran sepertimana dalam pengajaran berdasarkan kaedah pengajaran induktif.

Sehubungan itu, matlamat pengajaran pencapaian konsep adalah untuk membantu pelajar memperoleh pemahaman mata pelajaran yang dipelajari dan bagi menyediakan asas untuk pemikiran tahap tinggi. Pengajaran pencapaian konsep bukan direka untuk mengajar maklumat yang banyak kepada pelajar. Ia sekadar belajar konsep utama untuk diaplikasikan kepada pelajaran yang lain. Satu pelajaran konsep merangkumi empat fasa atau langkah, iaitu :

- a. Mengemukakan maklumat.
- b. Memberikan contoh-contoh input berkait dan tidak berkait.
- c. Melaksanakan ujian untuk pencapaian konsep.
- d. Menganalisis proses-proses pemikiran pelajar.

Pembelajaran konsep melibatkan pembinaan pengetahuan dan mengorganisasikan maklumat ke dalam struktur kognitif yang kompleks. Persekitaran pembelajaran untuk pengajaran konsep adalah berstruktur dan berpusatkan guru. Guru seharusnya membuat penilaian tentang konsep yang ingin diajar dan pelajaran konsep perlu disusun dalam unit pembelajaran yang lebih besar.

Pengajaran pencapaian konsep bermula dengan guru memaklumkan tentang tujuan pelajaran, memotivasi mereka dan sepanjang pelajaran, penyoalan serta perbincangan dilaksanakan oleh guru untuk membantu pelajar menganalisis proses pemikiran dan mengintegrasikan pembelajaran baru dengan pembelajaran lama pada akhir pembelajaran.

Konsep boleh dikategorikan dan dilebelkan. Menurut Bruner (1973) konsep boleh diklasifikasikan kepada tiga kategori iaitu konsep konjuktif, konsep disjuntif dan konsep hubungan.

Konsep konjuktif merujuk kepada konsep yang mempunyai dua atau lebih ciri-ciri yang tergabung dan tidak dapat dipisahkan ataupun dikurangkan, bermakna konsep boleh dikelaskan mengikut struktur peraturan yang tetap. Sebagai contoh, dalam konsep segi tiga sama ialah segi tiga yang mempunyai tiga sisi, sudut yang sama kerana peraturannya memang kekal dan tetap.

Konsep disjuntif pula merujuk kepada konsep yang mempunyai ciri-ciri yang lebih luas dan membolehkan pelbagai alternatif serta tiada peraturan struktur yang

tetap. Contohnya, konsep kata nama bukan sahaja terdiri daripada manusia tetapi objek, benda atau tempat.

Konsep hubungan merujuk kepada ciri-ciri dalam konsep itu mempunyai hubungan khas diantara satu sama lain. Kebanyakan konsep hubungan ini terdiri daripada ciri-ciri yang mengandungi masa atau ruang. Misalnya konsep emak saudara menghuraikan suatu perhubungan antara anak saudara dengan anak-anak lain. Contoh yang lain pula ialah, Malaysia terletak diantara Thailand dan Singapura mempunyai ciri ruang, iaitu konsep terletak diantara dua buah negara. Konsep ini merangkumi perhubungan peta dengan negara-negara dan juga merangkumi perhubungan negara-negara itu dengan peta dunia.

2.5.3 Model Inkuiri (Suchman)

Model inkuiri merangkumi segala proses soal selidik untuk mendapatkan jawapan atau kesimpulan daripada soalan, atau daripada masalah yang dikemukakan. Aktiviti soal selidik ini memerlukan murid mengenal pasti soalan bermasalah, membentuk hipotesis, merancang aktiviti kajian siasatan dan membuat rumusan atau mendapatkan jawapan.

Model inkuiri (Suchman) diperkenalkan oleh Richard Suchman berlandaskan andaian bahawa strategi-strategi yang digunakan oleh ahli sains untuk menjalankan kaji selidik dan boleh juga digunakan sebagai model pengajaran dalam mata pelajaran di sekolah, khususnya mata pelajaran sains. Langkah-langkah Model Inkuiri (Suchman)

- a. Guru menentukan dan mengemukakan masalah.
- b. Guru menerangkan proses inkuiri untuk penyelesaian masalah.
- c. Pelajar dibimbing membuat hipotesis dengan mengumpulkan data.

- d. Pelajar-pelajar menggunakan data untuk menguji hipotesis untuk membentuk teori.
- e. Pelajar-pelajar berbincang dan membuat rumusan tentang peraturan atau syarat yang berkaitan teori.
- f. Guru dan pelajar bersama berbincang dan menganalisis proses inkuiri untuk membaiki kelemahan penyelesaian masalah.


Implikasi Model Inkuiri (Suchman) dalam pengajaran dan pembelajaran :

- a. Menentukan objektif pelajaran mengikut tahap kebolehan pelajaran dan menyediakan bahan pelajaran yang sesuai.
- b. Merancang langkah-langkah membentuk sesuatu konsep, prinsip ataupun teori dengan jelas.
- c. Membimbing dan membetulkan aktiviti-aktiviti pelajar yang terpesong daripada objektif pelajaran.
- d. Menggalakan pelajar melibatkan diri secara aktif dalam proses inkuiri dengan guru memainkan peranan sebagai pemudah cara yang berkesan.
- e. Selepas peringkat akhir inkuiri, guru harus memberi ulasan atau penilaian terhadap hasil inkuiri pelajar.

2.5.4 Model Pengajaran Ekspositori (Ausubel)

Perkataan *ekspositori* bermaksud penerangan yang jelas dan terperinci. Dalam konteks pengajaran, *ekspositori* merupakan penyampaian maklumat atau isi kandungan pelajaran secara langsung kepada pelajar di dalam kelas. Oleh itu, kaedah *ekspositori* ialah cara penyampaian pelajaran melalui penerangan, bercerita atau demonstrasi dengan tujuan mengajar sesuatu.

Dalam model *ekspositori* ini, guru memberi penerangan terlebih dahulu dan pelajar mendengar dengan teliti hingga mereka memahami dan mengingatnya atau merekodkan isi penting dalam buku rekod mereka.



Rajah 2.1 : Model *Ekspositori*

Ini bermakna, model ini amat sesuai untuk menerangkan konsep, fakta, prinsip atau hukum dan idea, dimana ianya dipersembahkan dan difahami, bukan ditemukan. Pengajaran ekspositori menekankan pelajaran verbal yang bermakna, bukannya pembelajaran hafalan. Pembelajaran bermakna berlaku jika perkaitan-perkaitannya dibuat antara pengetahuan baharu dengan pengetahuan sedia ada.

Dalam bilik darjah, guru menyampaikan maklumat lengkap dalam susunan yang teratur supaya murid dapat menerimanya dengan baik. Maklumat yang diberikan akan diterima dan diasimilasikan dalam struktur kognitif pelajar dan pelajaran sebegini boleh dilaksanakan melalui kuliah dan ceramah. Pendekatan yang digunakan adalah secara deduktif dan secara umumnya, pelajaran sebegini adalah serupa dengan teori pembelajaran Asubel yang menggunakan penyusun awal (*advance organizer*) untuk memperkenalkan suatu pelajaran baru. Penyusun awal (*advance organizer*) merujuk kepada maklumat yang dipersembahkan sebelum pembelajaran dan ini digunakan untuk menyusun dan menginterpretasi maklumat baharu. Penyusun awal bertujuan untuk mengaitkan idea baru dengan idea yang lama serta menggerakkan struktur

kognitif pelajar supaya proses asimilasi maklumat baharu lebih mudah dan berkesan (Boon dan Ragbir, 1997).

Terdapat dua jenis penyusun awal, iaitu penyusun awal perbandingan dan penyusun awal ekspositori. Penyusun awal perbandingan digunakan apabila maklumat baharu hampir sama dan bertujuan untuk mentakrifkan pengetahuan sedia ada, dimana pelajar mengingat kembali maklumat yang telah wujud dalam pemikiran. Penyusun awal ekspositori menyediakan pengetahuan baharu yang perlu diketahui pelajar sebelum pelajar mengikuti pembelajaran topic baru. Tiga fasa utama dalam pengajaran ekspositori :

- a. Penyusun awal dikemukakan. Menghubungkan maklumat baharu dengan skema-skema sedia ada dan dikemukakan kepada pelajar.
- b. Tugas pembelajaran atau bahan dikemukakan. Bahan baharu disampaikan melalui kuliah, perbincangan, perbincangan, filem atau tugas pelajar.
- c. Pengukuhan organisasi kognitif. Mengaitkan maklumat baharu ke dalam struktur yang digambarkan dalam penyusun awal (*advance organizers*)

Implikasi modal pengajaran ekspositori terhadap pengajaran dan pembelajaran :

- a. Guru harus memastikan pelajar perlu menguasai fakta dan konsep asas terlebih dahulu tentang sesuatu topik pelajaran yang hendak diajar dengan menggunakan kaedah ekspositori .
- b. Bahan pembelajaran (input) harus disusun atur dengan baik. Perlu bermula dengan penyusun awal.
- c. Idea dan konsep baharu harus bermakna kepada pelajar. Guru digalakkan menyusun isi pembelajaran secara berperingkat. Pelajar juga dilibatkan dalam

proses pembelajaran seperti mengumpul maklumat, analisis, sintesis dan membauat kesimpulan.

- d. Guru perlu mengaitkan input baharu dengan pengetahuan sedia ada agar pelajar dapat menyimpan dalam skema secara tersusun.
- e. Pembelajaran deduktif diamalkan dimana guru akan memberikan prinsip-prinsip am sebelum memberikan contoh-contoh spesifik.

2.5.5 Model Behavioral

Model pengajaran ini menumpukan kepada tingkah laku yang dapat diperhati dan tugas yang jelas serta cara untuk memaklumkan kemajuan kepada murid, maka model pengajaran ini mempunyai asas penyelidikan yang luas (Joyce, Calhoun dan Hopkins, 2002). Antara model dalam kumpulan model pengajaran behavioural adalah Pembelajaran Masteri (Bloom, 1968) dan Pengajaran Langsung (Good, 1994)

2.5.5.1 Pengajaran Langsung

Pengajaran langsung berasaskan teori behaviorisme dan pembelajaran sosial. Guru yang mengajar mengikut prinsip-prinsip, merangka objektif yang mendeskripsikan dengan tepat tingkah laku yang perlu dilakukan pelajar, menyediakan pengalaman pembelajaran seperti amalan dimana pembelajaran pelajar boleh dipantau dan maklum balas disediakan serta memberikan perhatian kepada bagaimana tingkah laku di dalam bilik darjah diberikan ganjaran. Pengajaran langsung merupakan satu pendekatan untuk pengajaran kemahiran-kemahiran asas dimana pelajaran terarah matlamat dan persekitaran pembelajaran adalah berstruktur.

Pengajaran langsung terdiri daripada tiga aspek iaitu jenis hasil pembelajaran pelajar, aliran aktiviti pengajaran dan persekitaran pembelajaran. Pengajaran langsung

direka bentuk untuk merangsang pembelajaran pengetahuan pelajar yang distrukturkan serta diajar secara langkah demi langkah, maka pengajaran jenis ini berpusatkan guru dan mengandungi lima langkah iaitu :

- a. Penentuan set.
- b. Penerangan/demonstrasi.
- c. Praktis/latihan terbimbing.
- d. Maklum balas.
- e. Amalan/praktis lanjutan.

Pengajaran ini direka bentuk untuk merangsang pembelajaran pengetahuan pelajar yang distrukturkan dan diajar secara langkah demi langkah serta berpusatkan guru. Pengajaran langsung berasaskan teori behaviorisme dan pembelajaran sosial. Langkah-langkah dalam proses pembelajaran langsung :

- a. Pengenalan. Menarik perhatian pelajar dalam bentuk seperti mengenal maklumat baru.
- b. Perkembangan. Merangkumi penerangan jelas tentang maklumat dengan memberikan banyak contoh.
- c. Latihan terbimbing. Latihan secara aktif dapat meningkatkan ingatan. Pembelajaran akan lebih automatik dan membolehkan pelajar memindahkan pembelajaran kepada situasi baharu.
- d. Penutup. Pelajaran dirumuskan dan guru berpeluang untuk mengimbas kembali apa yang diajar.
- e. Latihan sendiri. Bertujuan menentukan tahap penguasaan yang dicapai oleh pelajar.

- f. Penilaian. Alat penilaian digunakan untuk mentaksir kemajuan pelajar sama ada secara formatif atau kumulatif.

2.5.5.2 Pembelajaran Masteri

Menurut Mohd Zuri Ghani (2011) pembelajaran masteri bermaksud penguasaan penuh terhadap sesuatu kemahiran yang telah dipelajari bagi mencapai satu tahap penguasaan yang menyeluruh dalam suatu kemahiran dan mata pelajaran. Ia merupakan satu kaedah pengajaran secara individu yang merupakan kurikulum berstruktur yang dibahagikan kepada unit kecil pengetahuan dan kemahiran yang akan dipelajari. Model ini memastikan majoriti pelajar sampai ke tahap masteri kerana masa pembelajaran adalah fleksibel dan setiap pelajar menerima arahan sasaran pembelajaran, latihan yang diperlukan dan maklum balas. Pelajaran masteri melibatkan pengajaran berasaskan kumpulan tradisional, pemulihan dan pengayaan secara individu. Pelajaran masteri adalah suatu pendekatan pengajaran dan pembelajaran untuk memastikan semua pelajar menguasai hasil pembelajaran yang dihasilkan dalam satu unit pembelajaran sebelum berpindah ke unit pembelajaran seterusnya (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Dalam strategi ini, guru mendiagnosis kebolehan murid dan kemudian mencadangkan aktiviti pengajaran individu yang sesuai. Dua unsur utama pembelajaran masteri adalah arahan yang tepat dan penggunaan masa.

Elemen penting dalam pembelajaran masteri ialah :

- a. Tentukan dengan jelas apa yang perlu dipelajari dan bagaimana penilaian dilaksanakan.
- b. Membenarkan murid belajar mengikut kemampuannya sendiri.
- c. Menilai kemajuan dan memberi maklum balas yang sepatutnya.
- d. Menguji untuk menentukan bahawa kriteria pembelajaran telah dicapai.

Prinsip-prinsip pembelajaran masteri :

- a. Semua murid normal boleh menguasai apa-apa yang diajar oleh guru.
- b. Pembelajaran dipecah kepada unit-unit kecil dimana pengetahuan disusun daripada mudah kepada sukar.
- c. Masa yang diperuntukkan harus mencukupi dan fleksibel untuk semua pelajar mencapai objektif pembelajaran.
- d. Guru berkeyakinan bahawa semua pelajar yang berbeza boleh menguasai apa apa yang diajar. Guru juga perlu mendorong pelajar untuk menguasai sesuatu perkara yang diajar.
- e. Guru harus merancang dan mempelbagaikan kaedah mengajar dengan mengambil kira gaya pembelajaran pelajar.
- f. Guru digalakkan untuk mempelbagaikan kaedah atau aktiviti pengajaran dan pembelajaran supaya mereka dapat menguasai apa-apa yang diajar dalam masa yang singkat.
- g. Guru perlu berkemahiran dalam :
 - i. Mendiagnosis pelajar untuk mengetahui tahap pencapaian pelajar.
 - ii. Mengetahui perbezaan antara pelajar.
 - iii. Menggunakan pelbagai kaedah pengajaran serta merancang pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan.
 - iv. Menguruskan pelbagai bahan bantu mengajar.
 - v. Menyimpan rekod kemajuan pelajar.
 - vi. Menjalankan penilaian sumatif untuk mengesan hasil pembelajaran.
 - vii. Merancang serta melaksanakan aktiviti pemulihan dan pengayaan yang sesuai.

2.5.6 Model sosial

Model sosial direka cipta untuk mengambil peluang demi membina komuniti pembelajaran. Model ini bertujuan untuk membantu pelajar menajamkan pemikiran melalui interaksi dan kerjasama dengan individu lain secara produktif dan cara-cara berfungsi sebagai seseorang ahli dalam kumpulan (*teamwork*). Model ini membantu untuk memperkembangkan perspektif individu dan kumpulan dalam memperjelas dan mengembangkan idea-idea.

Menurut Joyce (2001), model sosial melatih pelajar menggunakan kemahiran mendengar dan memahami konteks, berkebolehan menyusun maklumat serta merta dan merangka soalan untuk memperoleh data serta dapat menggabung semua maklumat untuk menyelesaikan masalah. Ini bermakna modal sosial mementingkan unsur interaksi sosial sambil pelajar-pelajar bekerjasama untuk menyempurnakan suatu tugas yang melibatkan aktiviti-aktiviti berikut:

- a. Mengumpul maklumat.
- b. Mengkaji dan menganalisis maklumat.
- c. Menilai dan mentafsir.
- d. Membuat kesimpulan.

2.5.6.1 Pembelajaran koperatif

Pembelajaran koperatif yang di pelopori Slavin (2005) merupakan pembelajaran aktif yang berupaya untuk mengubah suatu situasi pembelajaran yang pasif kepada suatu yang dinamik serta berpusatkan pelajar. Mereka dapat belajar dalam satu pasukan yang heteragon, saling bergantung, tidak bersaing sesama mereka, tetapi sama-sama menuju kepada pencapaian satu matlamat secara berpasukan (Hemich, 2005).

Aktiviti pembelajaran koperatif dilaksanakan dalam persekitaran pembelajaran yang demokratik, dimana pelajar memainkan peranan aktif dalam menentukan cara pencapaian pembelajaran mereka, manakala guru memainkan peranan dalam menstrukturkan kumpulan dan prosedur. Enam konsep pembelajaran koperatif ialah pasukan, keinginan untuk bekerjasama, pengurusan koperatif, kemahiran bekerjasama, prinsip asas pembelajaran koperatif dan struktur pembelajaran koperatif (Kagen, 1994).

- Pasukan

Mewujudkan satu pasukan biasanya mengandungi 3 atau 4 ahli yang heteragen, iaitu terdiri daripada ahli-ahli yang cerdas, sederhana dan lemah. Pembentukan kumpulan adalah secara rawak atau ditentukan oleh guru berdasarkan kebolehan, jantina dan etnik dengan tujuan untuk mencapai heterogeniti dalam pasukan.

- Pengurusan pembelajaran koperatif

Penyediaan suatu situasi yang kondusif, antaranya peraturan kelas, kedudukan pelajar yang sesuai, kemahiran memberikan arahan, memperoleh perhatian pelajar, kemahiran menyoal serta peranan dalam memerhati dan membimbing kumpulan.

- Keinginan untuk bekerjasama

Tiga cara keinginan untuk bekerjasama diwujudkan dan dikekalkan, iaitu pembentukan pasukan, kegunaan tugas koperatif dan sistem ganjaran atau penghargaan. Guru perlu mereka bentuk tugas yang memerlukan sumbangan daripada semua ahli dalam kumpulan dimana pelajar yang lemah akan dibimbing oleh ahli-ahli lain untuk mencapai keseluruhan gred yang baik.

- Kemahiran untuk bekerjasama

Pelajar perlu bantuan dalam aspek kemahiran mendengar, menyelesaikan konflik, menentu dan mengubah sesuatu serta mahir mendorong ahli lain untuk memperoleh pembelajaran. Cara untuk memupuk pembentukan kemahiran sosial merangkumi pelajar melalui pemerhatian, pemodelan dan peneguhan, tugas main peranan, penstrukturan dan refleksi.

- Prinsip-prinsip pembelajaran koperatif

Pembelajaran koperatif mempunyai prinsip-prinsip, iaitu PIES, yang terdiri daripada bergantung positif (*Positive Independence*), akauntabiliti individu (*Individual Accountability*), penglibatan seimbang (*Equal Participation*), interaksi bersemuka (*Simultaneous Interaction*).

2.5.7 Model Personal

Model pembelajaran personal bermula dari perspektif sendiri seseorang individu. Model ini menekankan kepada pembentukan sendiri seseorang individu dan mendorong pelajar untuk berdikari serta produktif serta mempunyai kesedaran diri dan bertanggungjawab terhadap matlamat sendiri.

Tujuan model personal adalah untuk membentuk personaliti yang kompeten, bersepadu dan berkeyakinan. Matlamat utama ialah pembentukan individu serta pencapaian harga diri individu. Maka, model personal terdiri daripada pendekatan untuk membentuk dan menyepadukan aspek emosi serta intelek dalam melahirkan personaliti yang seimbang.


2.5.8 Model Tidak Direktif (pembelajaran melalui kaunseling)

Model tidak direktif (*non-directive*) oleh Carl Rogers menggambarkan falsafah dan teknik pengajaran model personal. Model ini ingin membentuk satu komuniti pelajar yang berdisiplin serta mempunyai kesedaran peribadi yang tinggi. Dalam model ini, pengajaran dengan berfokuskan hubungan manusia berbanding pengajaran konsep mata pelajaran. Rogers menggunakan terapi sebagai cara pengajaran.

Guru dianggap sebagai kaunselor, di mana penekanan merupakan satu pakatan antara guru dengan pelajar. Guru memainkan peranan untuk membimbing pelajar ke arah memahami bagaimana pelajar boleh memainkan peranan utama dalam pembelajaran mereka demi pencapaian matlamat sendiri. Dalam proses perkembangan diri, guru memberikan maklum balas tentang kemajuan diri dan membantu pelajar menyelesaikan masalah ataupun tugas. Menurut Joyce et al.,(2002), tujuan model tidak direktif (*non-directive*) adalah :

- a. Menghala tuju pelajar kearah kesihatan mental dan emosi yang lebih tinggi dengan me bentuk keyakinan sendiri, penghargaan diri yang realistik dan perasaan empati terhadap orang lain
- b. Meningkatkan bahagian yang menekankan keperluan dan aspirasi ,di mana setiap pelajar diambil sebagai pakatan untuk menentukan apa dan bagaimana pelajar akan belajar.
- c. Membentuk jenis pemikiran kualitatif yang khusus seperti kreativiti dan ekspresi peribadi.

Rajah 2.2 menunjukkan adalah fasa-fasa dalam model pembelajaran *non-directive* seperti yang dinyatakan sebelum ini:



Rajah 2.2: Model of Learning. Diterjemahkan daripada Joyce (2002). Models of Learning: Tools for Teaching (edisi kedua) Bukhingham: Open University Press.

Implikasi model personal dalam pengajaran dan pembelajaran :

- a. Persekitaran pembelajaran perlu diwujudkan supaya individu membentuk kesedaran diri dan identiti sejak awal lagi.
- b. Model personal membantu setiap pelajar bertanggungjawab terhadap perkembangan dan berjaya mencapai penghargaan diri serta keharmonian sendiri.
- c. Guru perlu membentuk serta menggabungkan aspek intelek dengan emosi demi melahirkan suatu personaliti seimbang.
- d. Kandungan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran tidak dipreskripsikan, tetapi ditentukan oleh pelajar apabila bertemu dan berinteraksi dengan guru, maka model non-direktif ini bergantung pada faktor semula jadi dan bukan ditentukan oleh kesan pengajaran. Oleh itu, guru perlu menyediakan iklim sosial yang mengizinkan pelajar meluahkan perasaan dan bebas untuk mengekspresi perasaan mereka.

2.5.9 Teori Rangsangan-Tindakbalas Thorndike

Teori ini telah dicetuskan dan dikembangkan oleh Edward L. Thorndike pada tahun 1911. Ia juga dikenali sebagai teori cuba-jaya atau *try and error*. Jika dilihat daripada literatur, beliau banyak melakukan eksperimen yang melibatkan haiwan di mana dalam suatu kajian beliau teori rangsangan-tindakbalas. Ia dibuktikan dengan memberikan rangsangan kepada subjek yang dikaji dan ia mampu untuk bertindak balas (Dina Amsari, 2018).

Dalam konteks pelajar, di mana Thorndike telah menghuraikan tiga situasi yang boleh berlaku bagi pelajar yang melalui proses pengajaran dan pembelajaran iaitu

- 1) Seorang pelajar yang mempunyai kesediaan untuk belajar akan dapat mengikuti sesi

PdP dengan baik dan bekesan; 2) Seorang pelajar yang mempunyai kesediaan untuk belajar, namun ia tidak berupaya untuk mengikuti sesi PdP yang berkesan akan mengakibatkan mereka mengalami situasi yang tidak menyeronokkan sekali gus mengganggu minat pencapaian mereka dalam PdP, manakala; 3) Seorang pelajar yang tidak mempunyai kesediaan untuk belajar, namun dipaksa untuk belajar akan menyebabkan pelajar itu mengalami perasaan yang membosankan dan menyebabkan mereka gagal. Maka dalam konteks kajian ini, domain dan elemen yang terhasil haruslah diaplikasikan oleh para guru dan pengajar sekali gus ia mampu memberi suntikan kepada pelajar atau huffaz dalam memastikan mereka lebih bermotivasi dalam hasrat menjadi huffaz yang bernilai.

2.6 Domain-Domain Pengajaran Berasaskan Kajian Literatur Melalui Model Sedia Ada

Bagi memastikan penghasilan domain bagi pengajaran Bahasa Arab Bagi Pengajar di Pusat Tahfiz ini bersifat emperikal dan akademik. Terdapat beberapa model pengajaran sedia ada dipilih dan dijustikasikan pemilihannya bagi memastikan domain ini bertepatan dengan keperluan pengajaran. Pemilihan model sedia ada ini juga sebagai sandaran dan dasar kepada kajian yang dijalankan.

Seterusnya Jadual 2.1 memaparkan Pemilihan Model pengajaran Sebagai Dasar Kajian dan Pembentukan Domain Pengajaran Bahasa Arab di Pusat Tahfiz. Manakala Jadual 2.2 adalah justifikasi bagi domain pengajaran yang diterbitkan beserta elemen-elemen yang terkandung di dalam domain pengajaran berasaskan elemen daripada model sedia ada daripada Jadual 2.1.

Jadual 2.1:

Pemilihan Model pengajaran Sebagai Dasar Kajian dan Pembentukan Domain Pengajaran Bahasa Arab di Pusat Tahfiz

Bil.	Model Sandaran	Elemen Model Sandaran	Domain Kajian
	Model Concept Attainment (Model Pencapaian Konsep)	<ul style="list-style-type: none"> ○ Mengemukakan maklumat ○ Memberikan contoh-contoh input berkait dan tidak berkait ○ Melaksanakan ujian untuk pencapaian konsep ○ Menganalisis proses-proses pemikiran pelajar 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Persediaan Guru 2. Pemahaman Konsep 3. Penyediaan Tugas & latihan 4. Pengukuhan PnP 5. Penilaian
	Model Inkuiri (Suchman)	<ul style="list-style-type: none"> ○ Guru menentukan dan mengemukakan masalah ○ Guru menerangkan proses inkuiri untuk menyelesaikan masalah ○ Pelajar dibimbing membuat hipotesis dengan mengumpulkan data ○ Pelajar-pelajar menggunakan data untuk menguji hipotesis untuk membentuk teori ○ Pelajar-pelajar berbincang dan membuat rumusan tentang peraturan atau syarat yang berkaitan teori ○ Guru dan pelajar bersama berbincang dan menganalisis proses inkuiri untuk membaiki kelemahan penyelesaian masalah 	
	Model Pengajaran Ekspositori (Ausubel)	<ul style="list-style-type: none"> ○ Penyusun awal dikemukakan menghubungkan maklumat baharu dengan skema-skema sedia ada dan dikemukakan kepada pelajar. 	

- Tugas pembelajaran atau bahan dikemukakan bahan baharu disampaikan melalui kuliah, perbincangan, filem atau tugas pelajar.
- Pengukuhan organisasi kognitif mengaitkan maklumat baharu ke dalam struktur yang digambarkan dalam penyusun awal (*advance organizer*)

Model
Behavioural

- Pengenalan menarik perhatian pelajar, dalam bentuk seperti mengenal maklumat baru.
- Perkembangan - Merangkumi penerangan jelas tentang maklumat dengan memberikan banyak contoh
- Latihan terbimbing Latihan secara aktif dapat meningkatkan ingatan, pembelajaran akan lebih automatik dan membolehkan pelajar memindahkan pembelajaran kepada situasi baharu.
- Penutup Pelajaran dirumuskan dan guru berpeluang untuk mengimbas kembali apa yang diajar
- Latihan sendiri Bertujuan menentukan tahap penguasaan yang dicapai yang dicapai oleh pelajar
- Penilaian Alat penilaian digunakan untuk mentaksir kemajuan pelajar sama ada secara formatif atau kumulatif.

Jadual 2.2:

Domain pengajaran dan justifikasi beserta justifikasi bagi domain pengajaran yang diterbitkan beserta elemen bagi soal selidik melibatkan kaedah Fuzzy Delphi.

Domain Kajian	Elemen Bagi Setiap Domain	Justifikasi Domain Kajian
Persediaan Guru	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru tahfiz hendaklah menjalankan penyusunan awal proses PdP yang berasaskan penggunaan Bahasa Arab meliputi skema sedia ada kepada pelajar. 2. Guru tahfiz hendaklah menjalankan proses pengenalan menggunakan Bahasa Arab yang mampu menarik perhatian pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran. 3. Guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan proses PdP yang mengikut tahap kepada para pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran. 	<p>Persediaan Guru amat diperlukan dalam sesebuah model pengajaran kerana ia akan melibatkan persediaan guru di mana antaranya adalah menjalankan proses penyusunan awal tentang maklumat yang akan diajar dan menyediakan set pengenalan yang menarik sebelum menjalankan sesi PdP. Disamping itu, ia juga melibatkan guru menjalankan proses pengenalan yang menarik dan mampu menarik perhatian pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran yang melibatkan penggunaan bahasa arab. Ia juga secara langsung melihat kepada keperluan guru tahfiz dalam menyediakan marhalah bagi sesi pembelajaran kepada pelajar agar ia membantu pelajar mampu menggunakan bahasa arab dengan baik dalam proses menghafaz Al-Quran.</p>
Pemahaman Konsep	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru tahfiz hendaklah mampu mengemukakan maklumat yang berguna dalam Al-Quran sebagai asas kepada pementapan hafazan pelajar. 2. Guru tahfiz hendaklah mampu memberikan contoh-contoh 	<p>Pemahaman Konsep dipilih sebagai domain pengajaran adalah kerana seorang guru seharusnya memahami konsep sesuatu ilmu yang akan diajar dan mampu memberi contoh yang berkaitan dengan</p>

	<p>input yang berguna sebagai motivasi kepada pelajar dalam menjalankan proses hafazan.</p> <p>3. Guru tahfiz hendaklah mampu melakukan pengembangan yang merangkumi penerangan jelas tentang maklumat yang baik dalam Al-Quran kepada pelajar.</p>	<p>pengajaran. Ia secara langsung akan membantu proses penerangan yang jelas tentang maklumat pengajaran yang diberikan serta memberi motivasi kepada pelajar dalam menguasai bahasa arab semasa proses menghafaz Al-Quran dijalankan.</p>
<p>Penyediaan Tugas & latihan</p>	<p>1. Guru tahfiz hendaklah mampu menentukan dan mengemukakan masalah yang sering terjadi dalam proses menghafaz Al-Quran</p> <p>2. Guru menerangkan proses inkuiri yang perlu diaplikasikan oleh pelajar dalam menyelesaikan masalah hafazan yang dihadapi.</p> <p>3. Guru tahfiz hendaklah mampu memberikan tugas pembelajaran kepada pelajar melalui kuliah dan perbincangan kepada pelajar.</p> <p>4. Guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan latihan terbimbing secara aktif bagi meningkatkan ingatan kepada pelajar.</p>	<p>Penyediaan Tugas dan Latihan pula adalah menjadi salah satu komponen pengajaran yang perlu dikuasai oleh guru di mana ia meliputi permasalahan yang ada dalam sesi PdP, melibatkan pelajar dengan proses inkuiri dalam menyelesaikan suatu permasalahan selanjutnya mampu memberikan tugas kepada pelajar dan diikuti dengan latihan yang terbimbing kepada pelajar.</p>
<p>Pengukuhan PdP</p>	<p>1. Guru tahfiz hendaklah berupaya membimbing pelajar dalam membuat membuat hipotesis dengan mengumpulkan data permasalahan yang mereka hadapi dalam proses menghafaz Al-Quran.</p> <p>2. Guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar untuk menguji hipotesis yang dijalankan dalam proses</p>	<p>Pengukuhan PdP adalah melibatkan proses membantu pelajar membuat suatu hipotesis dalam sesi PdP disamping membantu pelajar untuk menguji hipotesis dalam sesebuah teori. Pengukuhan ini juga secara langsung mampu untuk membantu pelajar dalam mengaitkan maklumat baharu ke dalam sesi PdP.</p>

menghafaz Al-Quran
berasaskan teori.

3. Guru tahfiz hendaklah
berupaya membantu pelajar
dalam menajamkan dan
mengukuhkan kognitif dalam
proses menghafaz Al-Quran.

Penilaian

1. Guru tahfiz hendaklah mampu melaksanakan ujian untuk melihat pencapaian hafazan pelajar.
2. Guru tahfiz hendaklah berupaya mengkalsifikasikan pelajar yang baik dan lemah dalam menghafaz Al-Quran.
3. Guru tahfiz hendaklah mampu untuk menjalankan proses perbincangan dengan pelajar bagi mengatasi masalah menghafaz yang dihadapi oleh pelajar.
4. Guru tahfiz hendaklah berupaya merumuskan proses pengajaran hafazan yang diajar kepada para pelajar setelah selaesai pengkuliahannya dijalankan.
5. Guru tahfiz hendak mampu menjalankan penilaian latihan sendiri yang bertujuan untuk membantu pelajar menentukan tahap penguasaan yang dicapai pelajar
6. Guru tahfiz hendaklah mahir dengan proses penilaian yang digunakan untuk mentaksir kemajuan pelajar sama ada secara formatif atau kumulatif.


Penilaian pula diperlukan dalam domain pengajaran kerana ia untuk membantu guru dalam melaksanakan ujian bagi menilai keupayaan pelajar memahami sesi PdP yang diikuti. Selain itu penilaian juga mampu digunakan untuk mentaksir kemajuan pelajar samada secara formatif mahupun kumulatif.

2.7 Kerangka Konseptual

Diketahui bahawa kerangka konseptual adalah suatu rajah yang meliputi di dalamnya tajuk kajian yang dijalankan, teori-teori yang digunakan dalam menghasilkan kajian yang diharapkan sebagai sandaran bagi memastikan kajian dijalankan adalah bersifat empirikel, metodologi kajian yang memaparkan metod yang digunakan bagi mengukur objektif kajian seterusnya mengisi kelompongan kajian yang dihasratkan.

Rajah 2.3 memaparkan konseptual kajian ini yang meliputi teori dan metodologi yang digunakan serta elemen-elemen yang akan dikaji berasaskan kepada teknik yang diperlukan bagi mendapatkan dapatan kajian yang menepati kehendak persoalan kajian.

Universiti Malaysia



Rajah 2.3: Rajah Konseptual Kajian

2.8 Kesimpulan

Fenomena menghantar anak belajar di pusat tahfiz adalah suatu tindakan dalam membangun generasi yang cintakan al Quran. Silibus bagi setiap pusat tahfiz juga adalah berbeza mengikut objektif penubuhan sesebuah intitusi tersebut. Namun begitu, mata pelajaran bahasa arab adalah menjadi keutamaan bagi sesetengah pusat tahfiz. Pengajaran bahasa Arab di Malaysia meletakkan empat kemahiran asas bahasa (Ku Fatahiyah 2014). Kemahiran dalam mendengar, membaca, bertutur dan menulis. Lantaran itu, masalah kelemahan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sering kali diperkatakan. Kelemahan ini adalah melibatkan pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah, menengah serta penuntut di institusi pengajian tinggi. Menurut Kamarul Shukri & Mohd Hazli 2008, kelemahan bahasa Arab ini turut dihadapi oleh pelajar-pelajar IPT bahkan pelajar yang mengambil pengkhususan Pengajian Islam dan Bahasa Arab juga masih berada pada tahap penguasaan bahasa Arab yang membimbangkan. Terdapat banyak kajian terdahulu yang dijalankan bagi mengatasi masalah dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sehingga mencapai objektif sebenar pengajaran bahasa Arab.

Oleh itu, pengkaji dalam bab ini telah membangunkan kerangka domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di pusat tahfiz. Domain- domain yang terbina berdasarkan teori dan model kajian yang terpilih iaitu Teori Rangsangan- Tindakbalas Thorndike, Model Concept Attainment (Model Pencapaian Konsep), Model Inkuiri (Suchman), Model Pengajaran Ekspositori (Ausubel) dan Model Behavioral. Dengan berasaskan model kajian berikut, terdapat lima domain pengajaran yang telah dibangunkan. Iaitu Domain Persediaan Guru, Domain Pemahaman Konsep, Domain Penyediaan Tugas & Latihan, Domain Pengukuhan Pdp dan yang terakhir Domain Penilaian. Bagi setiap domain pengajaran terdapat beberapa elemen yang tersusun

tidak mengikut keutamaan. Lantaran itu, setiap keutamaan bagi domain dan elemen akan diperincikan di dalam bab seterusnya dengan menggunakan pendekatan kaedah Fuzzy Delphi.

Universiti Malaya

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Perkataan metodologi adalah berasal dari perkataan Yunani iaitu “methods” dan “logos”. “Methods” membawa erti cara dan “logos” membawa erti ilmu. Dengan kata lain, metodologi memberi erti ilmu tentang cara. Metodologi dianggap sebagai satu falsafah dalam proses penyelidikan yang meliputi andaian-andaian dan nilai-nilai yang menjadi dasar alasan penyelidikan serta ukuran ataupun kriteria yang digunakan oleh pengkaji untuk mentafsir data dan membuat kesimpulan.

Penyelidikan adalah satu proses untuk mencari dan mendapatkan pengetahuan atau ilmu terhadap perkara-perkara baru yang dikaji atau mencari kesahihan tentang sesuatu perkara seterusnya menyelesaikan sesuatu masalah tertentu yang dihadapi. Penyelidikan boleh juga dikatakan sebagai suatu aktiviti yang tersusun dan sistematik berdasarkan data kritikal dan penyiasatan yang saintifik kepada masalah khusus yang dilakukan bertujuan mendapat jawapan atau penyelesaian kepada masalah berkenaan.

Tujuan penyelidikan pada asasnya adalah untuk mendapat maklumat atau mencari jawapan kepada soalan yang dibangkitkan. Cara yang dilakukan untuk mencari jawapan ialah melalui satu tatacara saintifik. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Winardis, metodologi penyelidikan didefinisikan sebagai satu cara atau usaha yang bersifat sistematik dan objektif bertujuan untuk memperoleh, mengumpul data dan menganalisa data yang tepat dan berkesan bagi mendapatkan

kepastian tentang sesuatu perkara dan seterusnya memperolehi pengetahuan baru atau mengembangkan sesuatu pengetahuan.

Oleh itu, kajian kaedah pengajaran guru terhadap pelajar tahfiz ini dijalankan menggunakan pelbagai metode kajian yang bersifat sistematik dan objektif bertujuan untuk memperoleh, mengumpul data dan menganalisa data yang tepat berkenaan kaedah pengajaran guru terhadap murid pemulihan.

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah Fuzzy Delphi dalam mendapatkan kesepakatan pakar dalam menghasilkan kerangka domain pengajaran bagi pengajar pusat tahfiz.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Bagi mendapatkan dapatan yang kukuh, pendekatan kajian reka bentuk dan pembangunan (DDR) adalah dicadangkan. Menurut Richey dan Klein (2007), pendekatan DDR adalah satu kajian yang melibatkan proses reka bentuk pembangunan sesuatu produk dan penggunaan proses penilaian dalam menilai hasil kajian. Jika diperincikan terhadap reka bentuk kajian yang berpaksikan DDR, penguraian melalui tiga fasa akan digunakan. Namun dalam konteks kajian ini, hanya terdapat satu fasa sahaja digunakan iaitu fasa pembangunan kerangka yang akan melibatkan sekumpulan pakar yang akan menyatakan persetujuan berasaskan elemen yang dibentuk melalui kajian literatur.

Secara ringkasnya, Jadual 3.1 menunjukkan kaedah kajian yang dijalankan berdasarkan setiap fasa yang diadaptasikan dari buku *Design and Developmental Research: Emergent Trends in Educational Research (2013)*.

Jadual 3.1:

Proses kajian mengikut Fasa

Fasa	Kaedah
Fasa 1: Pembangunan Soal Selidik	Berasaskan Literatur
Fasa 2: Reka Bentuk & Pembangunan Kerangka	Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)

3.2 Kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM)

Menurut Hsu dan Sandford (2007) menyatakan bahawa kaedah Delphi adalah kaedah yang digunakan dalam pelbagai bidang berasaskan pendapat sekumpulan pakar. Mohd Ridhuan (2016) pula menghujahkan bahawa antara kebaikan kaedah ini adalah ia berupaya untuk dipelbagaikan teknik dalam mendapatkan data yang empirikal. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan bahawa kajian ini akan menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) dalam membangunkan domain pengajaran bagi pengajar di pusat tahfiz.

Jika diperhalusi, Kaedah *Fuzzy Delphi* ini telah dipelopori secara mendalam oleh Kaufman dan Gupta pada tahun 1988. Ia adalah suatu kombinasi antara kaedah Delphi tradisional (klasik) dan teori set *fuzzy* (kabur) yang menggunakan penomboran binari (ya dan tidak). Dipercayai bahawa seorang pakar matematik iaitu Lotfi Zadeh telah mengembangkan teori ini pada tahun 1965.

3.2.1 Kebaikan Kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM)

Linstone dan Turoff (2002) menghujahkan bahawa kaedah Delphi adalah suatu kaedah dalam membuat keputusan dengan melalui beberapa pusingan soal selidik bagi

mendapatkan pandangan pakar berkenaan sesuatu isu atau perkara yang sedang dikaji. Manakala Hill dan Fowles (1975) pula berpendapat bahawa kaedah ini berupaya menjadi suatu alat dalam membuat jangkaan bagi suatu perkara yang ingin dicapai berdasarkan pandangan sekumpulan pakar. Maka, kesimpulan yang boleh dibuat adalah kaedah Delphi ini yang berupaya untuk mendapatkan sesuatu keputusan dengan mengambil pandangan sekumpulan pakar yang arif dalam bidang yang dikaji. Menurut Powell (3003) menghujahkan bahawa kaedah Delphi adalah suatu kaedah yang unik di mana ia membenarkan segala kaedah analisis dijalankan selagi ia menepati syarat iaitu mencapai kesepakatan kumpulan pakar, manakala hujah Dullfield's (1993) pula menyatakan bahawa isu atau elemen bagi perbincangan pakar boleh di dapati melalui temu bual, soalan terbuka dan kajian literatur.

Walau bagaimanapun terdapat juga kelemahan bagi teknik Delphi ini. Hal ini dapat dilihat kepada pandangan Ho dan Chen (2007) yang menyatakan bahawa antara kelemahannya adalah (1) Kelemahan dalam proses analisis juga akan menyebabkan beberapa pendapat pakar tidak diambil kira dalam mencapai konsensus; (2) Peningkatan kos berlaku kerana pandangan daripada pakar yang melibatkan beberapa pusingan dan analisis yang dilakukan; (3) Pengulangan pusingan Delphi untuk mencapai kesepakatan pakar akan menyebabkan masa kajian bertambah panjang; dan (4) Pendapat antara pakar hanya boleh diperoleh pada peringkat tertentu sahaja. Sebarang kekaburan tidak akan dipertimbangkan, keadaan ini akan membawa kepada salah tafsir antara pakar.

Maka bertitik tolak daripada kelemahan ini, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah Fuzzy Delphi dalam menjalankan penganalisan bagi mendapatkan kesepakatan kumpulan pakar bagi membangunkan kerangka domain pengajaran bagi pengajar di pusat tahfiz.

Jika dilihat daripada hujah Mohd Ridhuan, et. al (2017; 2014) dan Mohd Ridhuan (2016) menyenaraikan antara kebaikan kaedah Fuzzy Delphi adalah seperti yang disenaraikan berikut:


1. Kaedah ini mampu mengurangkan pusingan Delphi kerana bilangan pusingan pengumpulan data dapat dikurangkan.
2. Kaedah ini mengelakkan kehilangan dan kebocoran data yang dikutip oleh pengkaji terhadap sekumpulan pakar dalam kajian.
3. Pakar sepenuhnya boleh meluahkan pendapat mereka, memastikan kesempurnaan dan pendapat yang konsisten.

Maka dapat disimpulkan bahawa, kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) ini mampu digunakan berupaya mengumpulkan konsensus pakar berasaskan penggunaan kaedah kuantitatif. Banyak kajian terdahulu dilihat menggunakan kaedah ini dalam menjalankan kajian dan ia digunakan dalam pelbagai lapisan bidang ilmu iaitu seperti kajian bidang kejuruteraan (Hsu, Lee & Kreng, 2010; Chang, Hsu & Chang, 2011), bidang perbankan (Liu, 2013); bidang pendidikan (Mohd Ridhuan, Shariza & Mohd Ibrahim, 2014; Shariza, et. al, 2014), bidang ketenteraan (Cheng & Lin, 2002), bidang sumber manusia (Abduljabbar, 2015) dan sebagainya.

3.2.2 Elemen dalam Kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM)

Berdasarkan pandangan Mohd Ridhuan, et. al (2017; 2014) dan Mohd Ridhuan (2016) , di dalam kaedah *Fuzzy Delphi* terdapat dua elemen utama yang harus diketahui oleh pengkaji dalam menjalankan kajian menggunakan teknik ini iaitu *Triangular Fuzzy Number* dan *Defuzzification Process*.

Tambah para sarjana ini lagi bahawa bagi elemen *Triangular Fuzzy Number*, ia adalah mengandungi tiga nilai purata *fuzzy* yang diwakili dengan simbol (m) iaitu m_1 adalah nilai minimum (*smallest value*), m_2 adalah nilai paling munasabah (*most plausible value*) dan m_3 adalah nilai maksimum (*maximum value*). Bagi memahami lebih lanjut, Rajah 3.1 memaparkan kedudukan nilai m yang dinyatakan dan elemen *triangular fuzzy number* ini juga adalah berpaksikan bentuk segi tiga yang terdapat dalam rajah yang dipaparkan. Paparan Rajah 3.1 ini juga menunjukkan bahawa julat penomboran *fuzzy* ini adalah melibatkan hanya nilai 0 hingga 1 sahaja dan ia sendiri menepati pandangan Ragin (2007) yang menyatakan bahawa nilai nombor *fuzzy* adalah dalam lingkungan 0 ke 1 sahaja.




Rajah 3.1: Graf segi tiga min melawan nilai *triangular*

Jika diteliti lagi, bagi elemen *Triangular Fuzzy Number*, terdapat dua syarat yang akan menentukan bahawa kesepakatan kumpulan pakar menerima atau menolak isu yang dikaji di mana syarat tersebut nilai *threshold* (d) haruslah kurang atau sama daripada 0.2 dan peratusan kumpulan pakar bagi sesuatu elemen haruslah sama atau lebih 75.0%.

Manakala bagi elemen *Defuzzification Process* pula berfungsi sebagai analisis yang menentukan kedudukan dan keutamaan satu isu yang dikaji. Matlamat elemen ini dianalisis juga adalah untuk membantu para pengkaji melihat bahawa sesuatu isu tersebut diterima atau sebaliknya berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar melalui penganalisan melibatkan perbandingan nilai *alpha-cut* (α -cut).

3.2.3 Tatacara Menjalankan Kajian Menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM)

Rajah 3.2 menunjukkan carta alir tatacara kajian yang menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM). Rajah ini diadaptasi daripada Mohd Ridhuan (2016).



Rajah 3.2: Carta alir tatacara pendekatan Kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM)

Daripada Rajah 3.2, terdapat 10 langkah dalam menjalankan kajian berasaskan kaedah Fuzzy Delphi iaitu seperti berikut:

- a) Penentuan dan pemilihan pakar yang terlibat dalam konteks kajian. Pemilihan pakar ini amat penting bagi memastikan pakar yang dipilih mampu memberikan pandangan yang tepat dengan konteks kajian yang dijalankan.
- b) Pembinaan soal selidik pakar dijalankan. Dalam proses ini, pembinaan soal selidik pakar boleh dijalankan melalui beberapa kaedah iaitu (1) temu bual; (2) perbincangan melalui *focus group*; (3) pembinaan melalui analisis dokumen dan kajian literatur; dan (4) soalan format terbuka.
- c) Bagi proses penyebaran dan pengutipan data, terdapat beberapa pendekatan yang boleh digunakan iaitu sama melalui (1) Seminar perbengkelan dengan menjemput pakar yang terlibat; (2) Pertemuan dengan pakar secara individu; (3) Penyebaran soal selidik kepada pakar yang dipilih melalui e-mel dan sebagainya.
- d) Menukarkan kesemua pemboleh ubah linguistik ke dalam penomboran segi tiga *fuzzy* (*triangular fuzzy number*). Andaikan nombor *fuzzy* r_{ij} adalah pemboleh ubah untuk setiap kriteria untuk pakar K untuk $i= 1, \dots, m, j=1, \dots, n, k=1, \dots, k$ dan $r_{ij} = 1/K (r_{ij}^1 \pm r_{ij}^2 \pm r_{ij}^k)$. Jadual 3.1 menunjukkan pemboleh ubah linguistik bagi 7 skala di mana ia memaparkan pernyataan pengukuran bagi sesuatu item dan nilai skala *fuzzy* yang diwakilinya.

Jadual 3.2:

Skala pemboleh ubah linguistik 7 mata

Pemboleh Ubah Linguistik	Skala <i>Fuzzy</i>
Teramat tidak setuju	(0.0, 0.0, 0.1)
Sangat tidak setuju	(0.0, 0.1, 0.3)
Tidak setuju	(0.1, 0.3, 0.5)
Sederhana setuju	(0.3, 0.5, 0.7)
Setuju	(0.5, 0.7, 0.9)
Sangat setuju	(0.7, 0.9, 1.0)
Teramat setuju	(0.9, 1.0, 1.0)

- e) Penganalisan data berdasarkan *triangular fuzzy number* di mana ia bertujuan untuk mendapatkan nilai *threshold* (d). Oleh yang demikian syarat pertama yang perlu dipatuhi adalah nilai *threshold* (d) mestilah kurang atau sama dengan 0.2 (Cheng & Lin, 2002). Penggunaan kaedah *vertex* dijalankan untuk mengira jarak di antara purata r_{ij} . Nilai *threshold* (d) bagi dua nombor fuzzy $m = (m_1, m_2, m_3)$ dan $n = (n_1, n_2, n_3)$ dikira menggunakan rumus:

$$d(\tilde{m}, \tilde{n}) = \sqrt{\frac{1}{3} [(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}.$$

Jadual 3.2 memaparkan contoh nilai *threshold* (d) yang terhasil bagi 3 item yang dikaji berdasarkan pandangan 10 orang pakar. Di dalam jadual ini menunjukkan nilai-nilai *threshold* bagi setiap item dan pakar seta nilai *threshold* (d) keseluruhan bagi setiap item. Nilai *threshold* (d) yang dihitamkan adalah nilai *threshold* (d) yang melebihi 0.2.

Jadual 3.3:

Contoh nilai threshold (d) bagi 3 item dan 12 pakar

Pakar	Isu	
	1	2
1	0.059	0.072
2	0.300	0.072
3	0.059	0.072
4	0.059	0.072
5	0.095	0.082
6	0.059	0.082
7	0.095	0.082
8	0.095	0.082
9	0.095	0.082
10	0.095	0.082
11	0.095	0.082
12	0.059	0.311
Nilai <i>Threshold</i> (d) setiap item	0.101	0.027

- f) Di dalam proses ini penentuan syarat kedua dilakukan di mana penentuan nilai peratusan kesepakatan pakar dijalankan. Syarat kedua yang perlu dipatuhi adalah nilai peratusan kesepakatan pakar mestilah sama atau lebih daripada 75.0% (Chu & Hwang, 2008 ; Murry & Hammons, 1995). Jadual 3.3 memaparkan peratusan kesepakatan pakar bagi tiga item yang dikaji dengan menggunakan kesepakatan 10 orang pakar dalam kajian.

Jadual 3.4:

Contoh peratusan kesepakatan pakar

Perkara	Isu	
	1	2
Bilangan Item $d \leq 0.2$	9	9
Peratus Setiap Item $d \leq 0.2$	90.0%	90.0%

g) Penganalisan data menggunakan *average of fuzzy numbers @ average response (Defuzzification Process)*. Dalam penganalisan ini adalah bertujuan mendapatkan nilai skor *fuzzy* (A). Untuk memastikan syarat ketiga dipatuhi, nilai skor *fuzzy* (A) mestilah melebihi atau sama dengan nilai median (nilai α – cut) iaitu 0.5 (Tang & Wu, 2010; Bodjanova, 2006). Ini menunjukkan bahawa elemen tersebut diterima oleh kesepakatan pakar. Antara fungsi lain nilai skor *fuzzy* (A) adalah boleh digunakan sebagai penentu kedudukan dan keutamaan sesuatu elemen mengikut pandangan kesepakatan pakar. Rumus yang terlibat di dalam mendapat nilai skor *fuzzy* (A) adalah seperti berikut:

$$A = (1/3)*(m_1 + m_2 + m_3)$$

Jadual 3.4 memaparkan contoh nilai skor *fuzzy* (A) yang dijalankan menggunakan penganalisan *defuzzification process* berdasarkan pendekatan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM).

Jadual 3.5:

Contoh nilai skor fuzzy (A)

Isu	1			3		
Purata Setiap Unsur	m_1	m_2	m_3	m_1	m_2	m_3
	0.780	0.930	0.990	0.820	0.960	1.000
Nilai Skor <i>Fuzzy</i> (A)	0.900			0.927		
Kedudukan	3			2		

3.2.4 Bilangan dan Kriteria Pakar Bagi Kaedah *Fuzzy* Delphi (FDM)

Dalam kajian ini pengkaji telah memilih 25 orang pakar yang terlibat sebagai responden. Bilangan pakar ini adalah sejajar dengan pandangan Jones dan Twiss (1978) yang mencadangkan bahawa dalam menjalankan kaedah Delphi, bilangan pakar terlibat adalah seramai 10 hingga 50 orang pakar. Hal ini juga adalah berpadanan dengan Roscoe yang menyatakan bahawa sampel di antara 30 hingga 50 orang adalah bersesuaian dalam sesuatu kajian.

Manakala bagi kriteria pakar pula, pengkaji memilih pakar dalam kajian ini adalah berasaskan beberapa kriteria iaitu:

- a) 20 orang para pengajar yang mempunyai pengalaman mengajar di pusat tahfiz sekurang-kurangnya lima tahun.
- b) 5 orang guru bahasa arab.

Selanjutnya para pakar yang dipilih ini juga mestilah diklasifikasikan sebagai pakar dalam proses PdP dengan berasaskan pandangan Berliney (2004) yang menghujahkan bahawa seorang guru dianggap pakar apabila mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada lima tahun.

3.3 Kaedah Pembentukan Soal Selidik Kaedah Fuzzy Delphi

Kajian literatur akan dijalankan oleh pengkaji bagi membangunkan soal selidik pakar dalam kajian ini. Pengkaji memilih menggunakan kajian literatur adalah kerana berasaskan pandangan Dullfield's (1993) dan Powell (2003) yang menghujahkan bahawa pembinaan sesuatu isu bagi sesuatu kajian yang menggunakan kaedah Delphi mempunyai pelbagai cara sama ada menggunakan literature kajian, temu bual mahupun menggunakan soalan format terbuka.

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian berbentuk soal selidik akan meliputi tujuh bahagian iaitu (1) Latar belakang pakar; (2) Domain Pengajaran Guru Tahfiz; dan (3) Elemen Bagi Domain Guru Tahfiz. **Lampiran A** menunjukkan soal selidik pakar yang telah digunakan dalam kajian ini. Manakala **Lampiran B** dan **Lampiran C** adalah borang kesahan pakar yang melibatkan kandungan dan bahasa bagi soal selidik kajian yang telah dijalankan. Kesahan pakar ini adalah melibatkan dua orang individu yang arif dan berkelayakan iaitu pakar dalam bidang tahfiz dan kurikulum.

Jika diimbaz kepada **Bab 2 Sub Topik 2.5 (Jadual 2.1 dan Jadual 2.2)** menerangkan proses pembentukan elemen soal selidik bagi kajian ini melalui kajian literatur dengan berasaskan model sedia ada. Pembentukan elemen soal selidik pakar yang menggunakan kaedah Fuzzy Delphi boleh dibentuk melalui pelbagai cara samada melalui temu bual, set soalan terbuka dan melalui kajian literatur. Pandangan ini bertepatan dengan pandangan Powell (2003); dan Dullfield's (1993) yang menyatakan bahawa teknik delphi adalah suatu teknik yang unik kerana instrumennya boleh dibina daripada pelbagai cara dengan syarat responden kajian adalah dalam kalangan pakar.

Oleh demikian penerangan bagi setiap bahagian dalam soal selidik adalah seperti berikut:

Bahagian A – Demografi Pakar

Bahagian ini akan mengandungi tiga item yang berkaitan dengan diri pakar seperti jantina, tahap pendidikan dan tempoh pengalaman mengajar.

Bahagian B – Domain Pengajaran Bahasa Arab bagi Guru Tahfiz

Bahagian ini akan meliputi lima domain utama yang perlu ada pada para guru tahfiz berasaskan kajian teratur yang dijalankan. Berdasarkan literatur, domain-domainnya adalah (1) Persediaan Guru; (2) Pemahaman Konsep; (3) Penyediaan Tugas & latihan; (4) Pengukuhan PdP; dan (5) Penilaian.

Bahagian C – Elemen Bagi Domain Persediaan Guru Bagi Guru Tahfiz

Bahagian ini akan mengandungi dua elemen yang akan diukur iaitu (1) Guru tahfiz hendaklah menjalankan penyusunan awal berasaskan penggunaan Bahasa Arab dalam menghubungkan maklumat baharu dengan skema-skema sedia ada kepada pelajar, (2) Guru tahfiz hendaklah menjalankan proses pengenalan menggunakan Bahasa Arab yang mampu menarik perhatian pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran, dan (3) Guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan proses PdP yang mengikut peringkat kepada para pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran.

Bahagian D – Elemen Bagi Domain Pemahaman Konsep Bagi Guru Tahfiz

Bahagian ini akan mengandungi tiga elemen yang akan diukur iaitu (1) Guru tahfiz hendaklah mampu mengemukakan maklumat yang berguna dalam Al-Quran sebagai asas kepada pemantapan hafazan pelajar, (2) Guru tahfiz hendaklah mampu memberikan contoh-contoh input yang berguna sebagai motivasi kepada pelajar dalam menjalankan proses hafazan, dan (3) Guru tahfiz hendaklah mampu melakukan pengembangan yang merangkumi penerangan jelas tentang maklumat yang baik dalam Al-Quran kepada pelajar.

Bahagian E – Elemen Bagi Domain Penyediaan Tugas dan Latihan Bagi Guru Tahfiz

Bahagian ini akan mengandungi tiga elemen yang akan diukur iaitu (1) Guru tahfiz hendaklah mampu menentukan dan mengemukakan masalah yang sering terjadi dalam proses menghafaz Al-Quran, (2) Guru menerangkan proses inkuiri yang perlu diaplikasikan oleh pelajar dalam menyelesaikan masalah hafazan yang dihadapi, (3) Guru tahfiz hendaklah mampu memberikan tugas pembelajaran kepada pelajar melalui kuliah dan perbincangan kepada pelajar, (4) Guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan latihan terbimbing secara aktif bagi meningkatkan ingatan kepada pelajar.

Bahagian F – Elemen Bagi Domain Pengukuhan PdP Bagi Guru Tahfiz

Bahagian ini akan mengandungi tiga elemen yang akan diukur iaitu (1) Guru tahfiz hendaklah berupaya membimbing pelajar dalam membuat membuat hipotesis dengan mengumpulkan data permasalahan yang mereka hadapi dalam proses

menghafaz Al-Quran menggunakan penggunaan Bahasa Arab, (2) Guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar untuk menguji hipotesis yang dijalankan dalam proses menghafaz Al-Quran menggunakan Bahasa Arab, (3) Guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar dalam menajamkan dan mengukuhkan kognitif dalam proses menghafaz Al-Quran dengan menggunakan Bahasa Arab.

Bahagian G – Elemen Bagi Domain Penilaian Bagi Guru Tahfiz

Bahagian ini akan mengandungi tiga elemen yang akan diukur iaitu (1) Guru tahfiz hendaklah mampu melaksanakan ujian yang menggunakan bahasa Arab untuk melihat pencapaian hafazan pelajar, (2) Guru tahfiz hendaklah berupaya mengklasifikasikan pelajar yang baik dan lemah dalam menghafaz Al-Quran, (3) Guru tahfiz hendaklah mampu untuk menjalankan proses perbincangan dengan pelajar bagi mengatasi masalah menghafaz yang dihadapi oleh pelajar dengan menggunakan bahasa Arab, (4) Guru tahfiz hendaklah berupaya merumuskan proses pengajaran hafazan yang diajar kepada para pelajar setelah selesai pengkuliah dijalankan, (5) Guru tahfiz hendak mampu menjalankan penilaian latihan sendiri dengan menggunakan bahasa Arab yang bertujuan untuk membantu pelajar menentukan tahap penguasaan yang dicapai pelajar, dan (5) Guru tahfiz hendaklah mahir dengan proses penilaian yang digunakan untuk mentaksir kemajuan pelajar sama ada secara formatif atau kumulatif.

3.5 Kesimpulan

Dalam bab ini pengkaji telah memberikan penjelasan yang terperinci berkaitan dengan metodologi kajian yang telah diaplikasikan. Ia merangkumi penerangan

tentang pembangunan soal selidik, reka bentuk & pembangunan kerangka, tatacara menjalankan kajian menggunakan kaedah Fuzzy Delphi (FDM), bilangan kriteria pakar, kaedah pembentukan soal selidik dan instrumen kajian. Dalam bab seterusnya pengkaji akan melaporkan penemuan kajian bersesuaian dengan objektif yang telah digariskan.

Universiti Malaya

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Dapatan kajian ini adalah merujuk kepada tiga soalan kajian yang dikutip daripada sekumpulan pakar dalam menentukan domain pengajaran Bahasa Arab yang diperlukan oleh setiap guru tahfiz dalam membantu para pelajar. Seramai 25 orang pakar dilibatkan dalam kajian ini dan analisis dapatan adalah menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM). Kriteria pakar adalah berasaskan pandangan Berliner (2004) yang menghujahkan bahawa seorang individu boleh dikategorikan pakar sekiranya ia mempunyai kelayakan dan pengalaman melebihi tempoh 5 tahun. Dalam konteks kajian ini, kriteria, pecahan dan bilangan pakar adalah seperti berikut:

- a) 20 orang guru tahfiz yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 5 tahun.
- b) 5 orang guru bahasa Arab yang memahami dan berpengalaman dalam mengajar pelajar tahfiz melebihi tempoh 5 tahun.

Oleh yang demikian, soalan-soalan kajian di dalam fasa kajian adalah seperti berikut:

- a) Apakah domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di pusat tahfiz berasaskan kesepakatan pakar?
- b) Apakah elemen bagi domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di pusat tahfiz berasaskan kesepakatan pakar.
- c) Apakah keutamaan elemen bagi setiap domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di pusat tahfiz berasaskan kesepakatan pakar.

4.1 Demografi Responden

Seramai 25 pakar menjadi responden dalam kajian ini. Jadual 4.1 menunjukkan rumusan bagi Bahagian A di dalam borang soal selidik iaitu demografi responden.

Jadual 4.1:

Demografi responden

Aspek	Peratus (%)
Jantina	Lelaki 32.0% (N=8)
	Perempuan 68.0% (N=17)
Tahap Pendidikan	SPM 12.0% (N=3)
	Diploma 44.0% (N=11)
	Ijazah 44.0% (N=11)
Tempoh Pengalaman Mengajar Dalam Institusi Tahfiz	6-10 tahun 64.0% (N=16)
	11-15 tahun 24.0% (N=6)
	16 ke atas 12.0% (N=3)

Jika diteliti Jadual 4.1, bilangan responden pakar lelaki adalah seramai 8 (32.0%) orang dan responden pakar perempuan adalah seramai 17 (68.0%). Oleh demikian seramai 25 orang responden pakar telah terlibat di dalam kajian ini dan ia menepati kehendak Kaedah Fuzzy Delphi (FDM) dalam mendapatkan kesepakatan kumpulan pakar (Adler & Ziglio, 1996). Bagi tahap pendidikan pula, bilangan pakar yang mendapat pendidikan melalui peringkat pengajian SPM adalah seramai 3 (12.0%), manakala bagi peringkat diploma adalah seramai 11 (44.0%). Berikutnya bagi pakar yang memiliki pendidikan tahap ijazah adalah seramai 11 (44.0%). Berbicara tentang

tempoh pengalaman mengajar dalam institusi tahfiz pula, bagi tempoh pengalaman 6-10 tahun adalah seramai 16 (64.0%), tempoh pengalaman 11-15 tahun adalah 6 (24.0%) dan 16 tahun ke atas adalah seramai 3 (12.0%). Jelas disini memperlihatkan bahawa kesemua pakar adalah menepati kriteria dianggap pakar jika dilihat daripada pandangan Berliner (2004) yang menyatakan bahawa seseorang dianggap pakar sekiranya memiliki pengalaman dalam sesuatu bidang melebihi tempoh lima tahun.

4.2 Domain Pengajaran Bahasa Arab bagi pengajar di pusat tahfiz

Jadual 4.2 menunjukkan terdapat lima domain pengajaran Bahasa Arab bagi pengajar tahfiz yang meliputi nilai *threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (5) dan nilai skor *fuzzy* (A). Manakala Jadual 4.3 menunjukkan nilai *threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (5) dan nilai skor fuzzy (A) melibatkan setiap pakar.

Jadual 4.2:

Dapatan Domain Pengajaran Bahasa Arab Bagi Pengajar Tahfiz Berdasarkan Kesepakatan Pakar Menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi

DOMAIN PENGAJARAN BAHASA ARAB BAGI PENGAJAR TAHFIZ								
Bi l.	Domain	Triangular Fuzzy Numbers		Defuzzification Process				Keputu san Kumpu lan Pakar
		Nilai Thres hold (d)	Peratus Kesepak atan Kumpula n Pakar (%)	m1	m2	m3	Skor Fuzz y (A)	
1	Persediaan Guru	0.075	96.0%	0.8 36	0.96 4	0.99 6	0.93 2	TERIM A
2	Pemahaman Konsep	0.073	92.0%	0.8 52	0.96 8	0.99 2	0.93 7	TERIM A
3	Penyediaan Tugasan & latihan	0.108	100.0%	0.7 48	0.90 8	0.98 4	0.88 0	TERIM A
4	Pengukuhan PdP	0.119	84.0%	0.8 04	0.93 6	0.98 4	0.90 8	TERIM A
5	Penilaian	0.075	96.0%	0.8 36	0.96 4	0.99 6	0.93 2	TERIM A

* Syarat Bagi PENERIMAAN KESEPAKATAN PAKAR:

- 1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar (%) $\geq 75.0\%$
- 3) Skor *Fuzzy* ≥ 0.5

Berdasarkan kepada jadual 4.2, kesemua elemen dalam domain pengajian guru tahfiz mendapat nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2 , peratus kesepakatan kumpulan pakar bagi

setiap item melebihi nilai a-cut = 0.5. Ini menunjukkan bahawa elemen-elemen yang telah dianalisis dalam aspek membina kerangka domain pengajaran bagi pengajar bahasa Arab di pusat tahfiz. Telah mendapat konsensus daripada kumpulan pakar.

Elemen-elemen ini akan dijadikan sebagai standard untuk mengukur sejauh mana domain pengajaran bagi pengajar bahasa Arab di pusat tahfiz berasaskan kesepakatan pakar. Jadual 4.2 turut menunjukkan bahawa terdapat lima domain yang dipersetujui pakar iaitu persediaan guru dengan peratus 96% diikuti pemahaman konsep sebanyak 92%, kemudian penyediaan tugas dan latihan sebanyak 100% seterusnya pengukuhan PdP sebanyak 84% dan yang terakhir penilaian sebanyak 96%.

Jadual 4.3:

Pengiraan Nilai Threshold (d), Peratus Kesepakatan Pakar (%) dan Nilai Skor Fuzzy (A) bagi DOMAIN PENGAJARAN BAHASA ARAB BAGI PENGAJAR TAHFIZ Berasaskan Kaedah Fuzzy Delphi

PAKAR	ITEM				
	1	2	3	4	5
1	0.052	0.043	0.128	0.086	0.101
2	0.052	0.043	0.128	0.086	0.052
3	0.101	0.349	0.033	0.086	0.052
4	0.052	0.349	0.033	0.086	0.052
5	0.052	0.043	0.033	0.072	0.052
6	0.052	0.043	0.033	0.072	0.052
7	0.052	0.111	0.033	0.086	0.052
8	0.101	0.111	0.128	0.086	0.052
9	0.101	0.043	0.128	0.086	0.052

10	0.341	0.043	0.033	0.086	0.341
11	0.052	0.043	0.033	0.086	0.101
12	0.052	0.043	0.033	0.086	0.052
13	0.052	0.043	0.266	0.086	0.052
14	0.052	0.043	0.033	0.086	0.052
15	0.101	0.043	0.033	0.086	0.052
16	0.101	0.043	0.266	0.306	0.101
17	0.052	0.043	0.266	0.072	0.101
18	0.052	0.043	0.266	0.072	0.101
19	0.052	0.043	0.128	0.306	0.052
20	0.052	0.043	0.128	0.306	0.052
21	0.052	0.043	0.128	0.306	0.052
22	0.052	0.043	0.128	0.086	0.052
23	0.052	0.043	0.033	0.086	0.101
24	0.052	0.043	0.128	0.086	0.052
25	0.101	0.043	0.128	0.086	0.052
Nilai Threshold (d) setiap item	0.075	0.073	0.108	0.119	0.075
Peratus Setiap Item $d \leq 0.2$	96.0%	92.0%	100.0%	84.0%	96.0%
Skor Fuzzy (A)	0.932	0.937	0.880	0.908	0.932

Berdasarkan kepada jadual 4.3, pengiraan nilai *Threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (%) dan nilai skor fuzzy (A) bagi domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di pusat tahfiz berasaskan kaedah Fuzzy Delphi mendapat nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2 , peratus kesepakatan kumpulan pakar bagi setiap elemen melebihi nilai a-cut = 0.5. Ini menunjukkan bahawa elemen-elemen yang telah dianalisis dalam aspek membina kerangka domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di pusat tahfiz telah mendapat konsensus daripada kumpulan pakar. Elemen-elemen ini akan dijadikan sebagai standard untuk mengukur sejauh mana domain pengajaran bahasa

Arab bagi pengajar di pusat tahfiz berasaskan kesepakatan pakar. Jadual 4.3 turut menunjukkan bahawa terdapat lima domain yang dipersetujui pakar iaitu persediaan guru dengan peratus 96% diikuti pemahaman konsep sebanyak 92%, kemudian penyediaan tugas dan latihan sebanyak 100% seterusnya pengukuhan PdP sebanyak 84% dan yang terakhir penilaian sebanyak 96%.

4.3 Elemen Domain Pengajaran Bahasa Arab dan keutamaannya bagi pengajar di pusat tahfiz

Bagi bahagian 4.3 ini, terdapat lima domain pengajaran yang melibatkan elemen-elemennya yang telah dianalisis menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi bagi merumuskan kesepakatan pakar.

4.3.1 Elemen Domain Persediaan Guru dan Keutamaannya

Jadual 4.4 menunjukkan elemen domain PERSEDIAAN GURU bagi guru tahfiz yang meliputi nilai *threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (5) dan nilai skor *fuzzy* (A). Manakala Jadual 4.5 menunjukkan nilai *threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (5) dan nilai skor *fuzzy* (A) melibatkan setiap pakar.

Jadual 4.4:

Dapatan Elemen Domain PERSEDIAAN GURU bagi Pengajar Tahfiz Berdasarkan Kesepakatan Pakar Menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi

DOMAIN PERSEDIAAN GURU									
Bil.	Domain	Triangular Fuzzy Numbers		Defuzzification Process			Keputusan	Keputusan Kumpulan Pakar	
		Nilai Threshold (d)	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar (%)	m ₁	m ₂	m ₃			Skor Fuzzy (A)
1	Guru tahfiz hendaklah menjalankan penyusunan awal proses PdP yang berasaskan penggunaan Bahasa Arab meliputi skema sedia ada kepada pelajar.	0.064	96.0%	0.852	0.972	0.996	0.940	1	TERIMA
2	Guru tahfiz hendaklah menjalankan proses pengenalan menggunakan Bahasa Arab yang mampu menarik perhatian pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran.	0.099	100.0%	0.756	0.916	0.988	0.887	2	TERIMA
3	Guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan proses PdP yang mengikut tahap	0.079	100.0%	0.700	0.884	0.984	0.856	3	TERIMA

kepada para
pelajar dalam
proses
menghafaz Al-
Quran

* Syarat Bagi PENERIMAAN KESEPAKATAN PAKAR:

- 1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar (%) $\geq 75.0\%$
- 3) Skor *Fuzzy* ≥ 0.5

Berdasarkan kepada jadual 4.4, dapatan elemen domain persediaan guru bagi pengajar bahasa Arab di tahfiz berdasarkan kesepakatan pakar mendapat nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2 , peratus kesepakatan kumpulan pakar bagi setiap elemen melebihi 75% dan nilai defuzzification bagi setiap elemen melebihi nilai a-cut = 0.5. Ini menunjukkan bahawa elemen pertama iaitu guru tahfiz hendaklah menjalankan penyusunan awal proses PdP yang berasaskan penggunaan Bahasa Arab meliputi skema sedia ada kepada pelajar mendapat nilai skor fuzzy yang tertinggi sebanyak 0.40 sekali gus menjadikan elemen yang paling utama. Seterusnya diikuti dengan elemen kedua tertinggi dengan skor fuzzy sebanyak 0.887 guru tahfiz hendaklah menjalankan proses pengenalan menggunakan bahasa Arab yang mampu menarik perhatian pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran. Elemen yang ketiga pula dengan skor fuzzy sebanyak 0.856 iaitu guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan proses PdP yang mengikut tahap kepada para pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran.

Jadual 4.5:

Pengiraan Nilai Threshold (d), Peratus Kesepakatan Pakar (%) dan Nilai Skor Fuzzy (A) bagi Domain PERSEDIAAN GURU bagi Guru Tahfiz Berasaskan Kaedah Fuzzy Delphi

PAKAR	ITEM		
	1	2	3
1	0.040	0.038	0.023
2	0.040	0.038	0.023
3	0.040	0.038	0.023
4	0.040	0.038	0.023
5	0.040	0.038	0.023
6	0.114	0.276	0.023
7	0.040	0.276	0.023
8	0.040	0.038	0.023
9	0.040	0.038	0.023
10	0.040	0.038	0.023
11	0.353	0.119	0.023
12	0.040	0.119	0.233
13	0.040	0.119	0.233
14	0.040	0.119	0.233
15	0.040	0.119	0.023
16	0.040	0.038	0.023
17	0.114	0.119	0.023
18	0.114	0.276	0.233
19	0.114	0.038	0.023
20	0.040	0.038	0.023
21	0.040	0.038	0.023

22	0.040	0.119	0.164
23	0.040	0.119	0.164
24	0.040	0.119	0.164
25	0.040	0.119	0.164
Nilai Threshold (d) setiap item	0.064	0.099	0.079
Peratus Setiap Item $d \leq 0.2$	96.0%	100.0%	100.0%
Skor Fuzzy (A)	0.940	0.887	0.856

Berdasarkan kepada jadual 4.5, pengiraan nilai *Threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (%) dan nilai skor *Fuzzy* (A) bagi domain persediaan guru berdasarkan kesepakatan pakar mendapat nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2 , peratus kesepakatan kumpulan pakar bagi setiap item melebihi 75% dan nilai defuzzification bagi setiap elemen melebihi nilai α -cut = 0.5. Ini menunjukkan bahawa elemen pertama iaitu guru tahfiz hendaklah menjalankan penyusunan awal proses PdP yang berasaskan penggunaan Bahasa Arab meliputi skema sedia ada kepada pelajar mendapat nilai skor fuzzy yang tertinggi sebanyak 0.940 sekali gus menjadikan elemen yang paling utama. Seterusnya diikuti dengan elemen kedua tertinggi dengan skor fuzzy sebanyak 0.887 guru tahfiz hendaklah menjalankan proses pengenalan menggunakan bahasa Arab yang mampu menarik perhatian pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran. Elemen terakhir pula dengan skor fuzzy sebanyak 0.856 iaitu guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan proses PdP yang mengikut tahap kepada para pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran.

4.3.2 Elemen Domain PEMAHAMAN KONSEP Guru dan

Keutamaannya

Jadual 4.6 menunjukkan elemen domain PEMAHAMAN KONSEP bagi guru tahfiz yang meliputi nilai *threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (5) dan nilai skor *fuzzy* (A). Manakala Jadual 4.7 menunjukkan nilai *threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (5) dan nilai skor *fuzzy* (A) melibatkan setiap pakar.

Jadual 4.6:

Dapatan Elemen Domain PEMAHAMAN KONSEP bagi Guru Tahfiz Berdasarkan Kesepakatan Pakar Menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi

DOMAIN PEMAHAMAN KONSEP									
Bil.	Domain	Triangular Fuzzy Numbers		Defuzzification Process				Keputusan	Keputusan Kumpulan Pakar
		Nilai Threshold (d)	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar (%)	m ₁	m ₂	m ₃	Skor Fuzzy (A)		
1	Guru tahfiz hendaklah mampu mengemukakan maklumat yang berguna dalam Al-Quran sebagai asas kepada pemantapan hafazan pelajar.	0.095	92.0%	0.812	0.948	0.992	0.917	2	TERIMA

2	Guru tahfiz hendaklah mampu memberikan contoh-contoh input yang berguna sebagai motivasi kepada pelajar dalam menjalankan proses hafazan.	0.083	96.0%	0. 82 0	0. 95 6	0. 9 9 6	0.9 24	1	TERIMA
3	Guru tahfiz hendaklah mampu melakukan pengembangan yang merangkumi penerangan jelas tentang maklumat yang baik dalam Al- Quran kepada pelajar	0.086	96.0%	0. 80 4	0. 94 8	0. 9 9 6	0.9 16	3	TERIMA

*Syarat Bagi PENERIMAAN KESEPAKATAN PAKAR:

- 1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar (%) $\geq 75.0\%$
- 3) Skor *Fuzzy* ≥ 0.5

Berdasarkan kepada jadual 4.6, pengiraan nilai *Threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (%) dan nilai skor *Fuzzy* (A) bagi domain pemahaman konsep bagi pengajar bahasa Arab di tahfiz kaedah fuzzy delphi berdasarkan peratus kesepakatan pakar (5) mendapat nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2 , peratus kesepakatan kumpulan pakar bagi setiap elemen melebihi 75% dan nilai defuzzification melibatkan setiap pakar bagi setiap elemen melebihi nilai α -cut = 0.5. Ini menunjukkan bahawa elemen pertama iaitu guru tahfiz hendaklah mampu mengemukakan maklumat yang berguna dalam Al-Quran sebagai asas kepada pemantapan hafazan pelajar mendapat nilai skor fuzzy

kedua tertinggi sebanyak 0.917 sekali gus menjadikan elemen kedua yang paling utama. Seterusnya diikuti dengan elemen tertinggi dengan skor fuzzy sebanyak 0.924 guru tahfiz hendaklah mampu memberikan contoh-contoh input yang berguna sebagai motivasi kepada pelajar dalam menjalankan proses hafazan. Elemen terakhir pula dengan skor fuzzy sebanyak 0.916 iaitu guru tahfiz hendaklah mampu melakukan pengembangan yang merangkumi penerangan jelas tentang maklumat yang baik dalam Al-Quran kepada pelajar.

Jadual 4.7:

Pengiraan Nilai Threshold (d), Peratus Kesepakatan Pakar (%) dan Nilai Skor Fuzzy (A) bagi Domain PEMAHAMAN KONSEP bagi Guru Tahfiz Berasaskan Kaedah Fuzzy Delphi

PAKAR	ITEM		
	1	2	3
1	0.073	0.064	0.076
2	0.073	0.064	0.076
3	0.081	0.089	0.077
4	0.081	0.064	0.076
5	0.073	0.089	0.077
6	0.320	0.064	0.076
7	0.073	0.089	0.077
8	0.073	0.089	0.076
9	0.073	0.064	0.076
10	0.073	0.064	0.077
11	0.073	0.064	0.076

12	0.073	0.064	0.077
13	0.073	0.064	0.076
14	0.073	0.064	0.077
15	0.081	0.064	0.077
16	0.081	0.064	0.077
17	0.081	0.089	0.076
18	0.081	0.089	0.076
19	0.073	0.089	0.076
20	0.073	0.064	0.076
21	0.320	0.330	0.319
22	0.073	0.064	0.077
23	0.073	0.089	0.077
24	0.073	0.064	0.076
25	0.081	0.064	0.076
Nilai Threshold (d) setiap item	0.095	0.083	0.086
Peratus Setiap Item $d \leq 0.2$	92.0%	96.0%	96.0%
Skor Fuzzy (A)	0.917	0.924	0.916

Berdasarkan kepada jadual 4.7, pengiraan nilai *Threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (%) dan nilai skor *Fuzzy* (A) bagi domain pemahaman konsep bagi pengajar bahasa Arab di tahfiz kaedah Fuzzy Delphi berdasarkan kesepakatan pakar mendapat nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2 , peratus kesepakatan kumpulan pakar bagi setiap item melebihi 75% dan nilai defuzzification bagi setiap elemen melebihi nilai a-cut = 0.5. Ini menunjukkan bahawa elemen pertama iaitu pertama iaitu guru tahfiz hendaklah mampu mengemukakan maklumat yang berguna dalam Al-Quran sebagai asas kepada pemantapan hafazan pelajar mendapat nilai skor fuzzy kedua tertinggi

sebanyak 0.917 sekali gus menjadikan elemen kedua yang paling utama. Seterusnya diikuti dengan elemen tertinggi dengan skor fuzzy sebanyak 0.924 guru tahfiz hendaklah mampu memberikan contoh-contoh input yang berguna sebagai motivasi kepada pelajar dalam menjalankan proses hafazan. Elemen terakhir pula dengan skor fuzzy sebanyak 0.916 iaitu guru tahfiz hendaklah mampu melakukan pengembangan yang merangkumi penerangan jelas tentang maklumat yang baik dalam Al-Quran kepada pelajar.

4.3.3 Elemen Domain PENYEDIAAN TUGASAN & LATIHAN dan Keutamaannya

Jadual 4.8 menunjukkan elemen domain PENYEDIAAN TUGASAN & LATIHAN bagi guru tahfiz yang meliputi nilai *threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (5) dan nilai skor *fuzzy* (A). Manakala Jadual 4.9 menunjukkan nilai *threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (5) dan nilai skor *fuzzy* (A) melibatkan setiap pakar.

Jadual 4.8:

Dapatan Elemen Domain PENYEDIAAN TUGASAN DAN LATIHAN bagi Guru

Tahfiz Berdasarkan Kesepakatan Pakar menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi

DOMAIN PENYEDIAAN TUGASAN & LATIHAN									
Bil.	Domain	Triangular Fuzzy Numbers		Defuzzification Process			Skor Fuzzy (A)	Keputusan	Keputusan Kumpulan Pakar
		Nilai Thresh old (d)	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar (%)	m 1	m 2	m 3			
1	Guru tahfiz hendaklah mampu menentukan dan mengemukakan masalah yang sering terjadi dalam proses menghafaz Al-Quran	0.086	96.0%	0.804	0.948	0.996	0.916	2	TERIMA
2	Guru menerangkan proses inkuiri yang perlu diaplikasikan oleh pelajar dalam menyelesaikan masalah hafazan yang dihadapi.	0.076	100.0%	0.804	0.952	1.000	0.919	1	TERIMA
3	Guru tahfiz hendaklah mampu memberikan tugas pembelajaran	0.131	100.0%	0.772	0.916	0.980	0.889	4	TERIMA

	kepada pelajar melalui kuliah dan perbincangan kepada pelajar.									
4	Guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan latihan terbimbing secara aktif bagi meningkatkan ingatan kepada pelajar.	0.086	96.0%	0.788	0.94	0.99	0.908	3	TERIMA	

*Syarat Bagi PENERIMAAN KESEPAKATAN PAKAR:

- 1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar (%) $\geq 75.0\%$
- 3) Skor *Fuzzy* ≥ 0.5

Berdasarkan kepada jadual 4.8, pengiraan nilai *Threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (%) dan nilai skor *Fuzzy* (A) bagi domain penyediaan tugas & latihan bagi pengajar bahasa Arab di tahfiz dengan menggunakan kaedah fuzzy delphi mendapat nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2 , peratus kesepakatan kumpulan pakar bagi setiap elemen melebihi 75% dan nilai defuzzification melibatkan setiap pakar bagi setiap elemen melebihi nilai α -cut = 0.5. Ini menunjukkan bahawa elemen pertama iaitu Guru tahfiz hendaklah mampu menentukan dan mengemukakan masalah yang sering terjadi dalam proses menghafaz Al-Quran mendapat nilai skor fuzzy kedua

tertinggi sebanyak 0.916 sekali gus menjadikan elemen kedua yang paling utama. Seterusnya diikuti dengan elemen tertinggi dengan skor fuzzy sebanyak 0.919 iaitu guru menerangkan proses inkuiri yang perlu diaplikasikan oleh pelajar dalam menyelesaikan masalah hafazan yang dihadapi. Elemen yang mendapat skor fuzzy paling rendah iaitu guru tahfiz hendaklah mampu memberikan tugas pembelajaran kepada pelajar melalui kuliah dan perbincangan kepada pelajar dengan nilai skor fuzzy sebanyak 0.889. Elemen terakhir iaitu guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan latihan terbimbing secara aktif bagi meningkatkan ingatan kepada pelajar mendapat skor fuzzy sebanyak 0.908 menjadikan ia sebagai elemen ketiga yang digunakan dalam penyediaan tugas & latihan bagi pengajar bahasa Arab di tahfiz.

Jadual 4.9:

Pengiraan Nilai Threshold (d), Peratus Kesepakatan Pakar (%) dan Nilai Skor Fuzzy (A) bagi Domain PENYEDIAAN TUGASAN DAN LATIHAN bagi Guru Tahfiz Berasaskan Kaedah Fuzzy Delphi

PAKAR	ITEM			
	1	2	3	4
1	0.076	0.073	0.114	0.088
2	0.076	0.073	0.114	0.088
3	0.076	0.073	0.114	0.088
4	0.076	0.073	0.114	0.088
5	0.076	0.073	0.114	0.088
6	0.077	0.079	0.279	0.307
7	0.077	0.079	0.279	0.065

8	0.077	0.079	0.279	0.065
9	0.077	0.079	0.049	0.065
10	0.076	0.073	0.049	0.065
11	0.076	0.073	0.049	0.065
12	0.076	0.079	0.049	0.065
13	0.319	0.079	0.049	0.065
14	0.077	0.073	0.114	0.088
15	0.077	0.073	0.279	0.065
16	0.077	0.079	0.049	0.065
17	0.077	0.079	0.279	0.088
18	0.076	0.073	0.114	0.065
19	0.076	0.073	0.114	0.065
20	0.076	0.073	0.114	0.065
21	0.076	0.073	0.114	0.088
22	0.077	0.079	0.114	0.088
23	0.077	0.079	0.114	0.088
24	0.076	0.079	0.114	0.088
25	0.076	0.079	0.114	0.088
Nilai Threshold (d) setiap item	0.086	0.076	0.131	0.086
Peratus Setiap Item $d \leq 0.2$	96.0%	100.0%	100.0%	96.0%
Skor Fuzzy (A)	0.916	0.919	0.889	0.908

Berdasarkan kepada jadual 4.9, pengiraan nilai *Threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (%) dan nilai skor *Fuzzy* (A) bagi domain penyediaan tugas dan latihan bagi pengajar bahasa Arab di tahfiz kaedah fuzzy delphi berdasarkan kesepakatan pakar mendapat nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2 , peratus kesepakatan kumpulan pakar bagi setiap elemen melebihi 75% dan nilai defuzzification bagi setiap elemen melebihi nilai $\alpha\text{-cut} = 0.5$. Ini menunjukkan bahawa elemen pertama iaitu Guru tahfiz

hendaklah mampu menentukan dan mengemukakan masalah yang sering terjadi dalam proses menghafaz Al-Quran mendapat nilai skor fuzzy kedua tertinggi sebanyak 0.916 sekali gus menjadikan elemen kedua yang paling utama. Seterusnya diikuti dengan elemen tertinggi dengan skor fuzzy sebanyak 0.919 guru menerangkan proses inkuiri yang perlu diaplikasikan oleh pelajar dalam menyelesaikan masalah hafazan yang dihadapi. Elemen yang mendapat skor fuzzy paling rendah iaitu guru tahfiz hendaklah mampu memberikan tugas pembelajaran kepada pelajar melalui kuliah dan perbincangan kepada pelajar dengan nilai skor fuzzy sebanyak 0.889. Elemen terakhir iaitu guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan latihan terbimbing secara aktif bagi meningkatkan ingatan kepada pelajar mendapat skor fuzzy sebanyak 0.908 menjadikan ia sebagai elemen ketiga yang digunakan dalam penyediaan tugas dan latihan bagi pengajar bahasa Arab di tahfiz.

4.3.4 Elemen Domain PENGUKUHAN PdP dan Keutamaannya

Jadual 4.8 menunjukkan elemen domain PENGUKUHAN PdP bagi guru tahfiz yang meliputi nilai *threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (5) dan nilai skor *fuzzy* (A). Manakala Jadual 4.9 menunjukkan nilai *threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (5) dan nilai skor *fuzzy* (A) melibatkan setiap pakar.

Jadual 4.10:

Dapatan Elemen Domain PENGUKUHAN PdP bagi Guru Tahfiz Berdasarkan Kesepakatan Pakar Menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi

DOMAIN PENGUKUHAN PdP									
Bil.	Domain	Triangular Fuzzy Numbers		Defuzzification Process				Kesepakatan Pakar	Keputusan Kumpulan Pakar
		Nilai Threshold (d)	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar (%)	m1	m2	m3	Skor Fuzzy (A)		
1	Guru tahfiz hendaklah berupaya membimbing pelajar dalam membuat membuat hipotesis dengan mengumpulkan data permasalahan yang mereka hadapi dalam proses menghafaz Al-Quran menggunakan penggunaan Bahasa Arab.	0.089	100.0%	0.740	0.908	0.988	0.879	2	TERIMA
2	Guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar untuk menguji hipotesis yang dijalankan dalam proses menghafaz Al-Quran	0.108	88.0%	0.796	0.936	0.988	0.907	1	TERIMA

	menggunakan Bahasa Arab.								
3	Guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar dalam menajamkan dan mengukuhkan kognitif dalam proses menghafaz Al-Quran dengan menggunakan Bahasa Arab.	0.046	100.0%	0.72	0.9	0.9	0.8	3	TERIMA
				4	08	96	76		A

*Syarat Bagi PENERIMAAN KESEPAKATAN PAKAR:

- 1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar (%) $\geq 75.0\%$
- 3) Skor *Fuzzy* ≥ 0.5

Berdasarkan kepada jadual 4.10, pengiraan nilai *Threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (%) dan nilai skor *Fuzzy* (A) bagi domain pengukuhan PdP bagi pengajar bahasa Arab di tahfiz mendapat nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2 , peratus kesepakatan kumpulan pakar bagi setiap item melebihi 75% dan nilai defuzzification melibatkan setiap pakar bagi setiap elemen melebihi nilai $a\text{-cut} = 0.5$. Ini menunjukkan bahawa elemen pertama iaitu guru tahfiz hendaklah berupaya membimbing pelajar dalam membuat membuat hipotesis dengan mengumpulkan data permasalahan yang mereka hadapi dalam proses menghafaz Al-Quran menggunakan penggunaan Bahasa Arab memperoleh nilai skor fuzzy kedua tertinggi sebanyak 0.879. Elemen kedua iaitu guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar untuk menguji hipotesis yang dijalankan dalam proses menghafaz Al-Quran menggunakan Bahasa Arab mendapat skor fuzzy yang tertinggi sebanyak 0.907. Akhirnya, guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar dalam menajamkan dan mengukuhkan kognitif dalam proses

menghafaz Al-Quran dengan menggunakan Bahasa Arab memperoleh nilai skor fuzzy sebanyak 0.876 sekali gus menempatkan ia sebagai keutamaan yang terakhir oleh pakar.

Jadual 4.11:

Pengiraan Nilai Threshold (d), Peratus Kesepakatan Pakar (%) dan Nilai Skor Fuzzy (A) bagi Domain PENGUKUHAN PdP bagi Guru Tahfiz Berasaskan Kaedah Fuzzy Delphi

PAKAR	ITEM		
	1	2	3
1	0.265	0.304	0.016
2	0.265	0.304	0.016
3	0.027	0.089	0.016
4	0.027	0.089	0.016
5	0.027	0.089	0.016
6	0.027	0.067	0.016
7	0.027	0.067	0.016
8	0.027	0.067	0.016
9	0.027	0.067	0.016
10	0.131	0.089	0.016
11	0.131	0.089	0.263
12	0.027	0.089	0.137
13	0.027	0.089	0.016
14	0.027	0.067	0.016
15	0.131	0.089	0.016
16	0.131	0.089	0.016

17	0.131	0.089	0.016
18	0.131	0.089	0.016
19	0.131	0.089	0.137
20	0.131	0.089	0.137
21	0.265	0.089	0.016
22	0.027	0.304	0.016
23	0.027	0.067	0.016
24	0.027	0.067	0.016
25	0.027	0.089	0.137
Nilai Threshold (d) setiap item	0.089	0.108	0.046
Peratus Setiap Item $d \leq 0.2$	100.0%	88.0%	100.0%
Skor Fuzzy (A)	0.879	0.907	0.876

Berdasarkan kepada jadual 4.11, pengiraan nilai *Threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (%) dan nilai skor *Fuzzy* (A) bagi domain pengukuhan PdP bagi pengajar bahasa Arab di tahfiz dengan kaedah fuzzy delphi berdasarkan kesepakatan pakar mendapat nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2 , peratus kesepakatan kumpulan pakar bagi setiap elemen melebihi 75% dan nilai defuzzification bagi setiap elemen melebihi nilai α -cut = 0.5. Ini menunjukkan bahawa elemen pertama iaitu guru tahfiz hendaklah berupaya membimbing pelajar dalam membuat membuat hipotesis dengan mengumpulkan data permasalahan yang mereka hadapi dalam proses menghafaz Al-Quran menggunakan penggunaan Bahasa Arab memperoleh nilai skor fuzzy kedua tertinggi sebanyak 0.879. Elemen kedua iaitu guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar untuk menguji hipotesis yang dijalankan dalam proses menghafaz Al-Quran menggunakan Bahasa Arab mendapat skor fuzzy yang tertinggi sebanyak 0.907. Akhirnya, guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar dalam menajamkan dan mengukuhkan kognitif dalam proses menghafaz Al-Quran dengan

menggunakan Bahasa Arab memperoleh nilai skor fuzzy sebanyak 0.876 sekali gus menempatkan ia sebagai keutamaan yang terakhir oleh pakar.

4.3.5 Elemen Domain PENILAIAN dan Keutamaannya

Jadual 4.10 menunjukkan elemen domain PENILAIAN bagi guru tahfiz yang meliputi nilai *threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (5) dan nilai skor *fuzzy* (A). Manakala Jadual 4.11 menunjukkan nilai *threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (5) dan nilai skor *fuzzy* (A) melibatkan setiap pakar.

Jadual 4.12

Dapatan Elemen Domain PENILAIAN bagi Guru Tahfiz Berdasarkan Kesepakatan Pakar Menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi

DOMAIN PENILAIAN									
Bil.	Domain	Triangular Fuzzy Numbers		Defuzzification Process				Keutamaan	Keputusan Kumpulan Pakar
		Nilai Threshold (d)	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar (%)	m1	m2	m3	Skor Fuzzy (A)		
1	Guru tahfiz hendaklah mampu melaksanakan ujian yang	0.089	100.0%	0.740	0.908	0.988	0.879	4	TERIMA

	menggunakan bahasa arab untuk melihat pencapaian hafazan pelajar.								
2	Guru tahfiz hendaklah berupaya mengklasifikan pelajar yang baik dan lemah dalam menghafaz Al-Quran.	0.0 49	100.0%	0.86 0	0.9 80	1.00 0	0.94 7	1	TERIMA
3	Guru tahfiz hendaklah mampu untuk menjalankan proses perbincangan dengan pelajar bagi mengatasi masalah menghafaz yang dihadapi oleh pelajar dengan menggunakan bahasa arab.	0.0 93	100.0%	0.72 4	0.8 96	0.98 4	0.86 8	5	TERIMA
4	Guru tahfiz hendaklah berupaya merumuskan proses pengajaran hafazan yang diajar kepada para pelajar setelah selesai pengkuliahan dijalankan.	0.0 79	96.0%	0.82 8	0.9 60	0.99 6	0.92 8	2	TERIMA
5	Guru tahfiz hendak mampu menjalankan	0.0 78	100.0%	0.76 4	0.9 28	0.99 6	0.89 6	3	TERIMA

	penilaian latihan sendiri dengan menggunakan bahasa arab yang bertujuan untuk membantu pelajar menentukan tahap penguasaan yang dicapai pelajar								
6	Guru tahfiz hendaklah mahir dengan proses penilaian yang digunakan untuk mentaksir kemajuan pelajar sama ada secara formatif dan sumatif	0.0 83	100.0%	0.70 8	0.8 88	0.98 4	0.86 0	6	TERIMA

*Syarat Bagi PENERIMAAN KESEPAKATAN PAKAR:

- 1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar (%) $\geq 75.0\%$
- 3) Skor *Fuzzy* ≥ 0.5

Berdasarkan kepada jadual 4.12, pengiraan nilai *Threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (%) dan nilai skor *Fuzzy* (A) bagi domain penilaian dengan kaedah fuzzy delphi mendapat nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2 , peratus kesepakatan kumpulan pakar

bagi setiap elemen melebihi 75% dan nilai defuzzification melibatkan setiap pakar bagi setiap elemen melebihi nilai α -cut = 0.5. Ini menunjukkan bahawa elemen pertama iaitu Guru tahfiz hendaklah mampu melaksanakan ujian yang menggunakan bahasa arab untuk melihat pencapaian hafazan pelajar mendapat skor fuzzy sebanyak 0.879 di tempat ke empat bagi keutamaan setiap pakar. Elemen kedua iaitu guru tahfiz hendaklah berupaya mengklasifikasikan pelajar yang baik dan lemah dalam menghafaz Al-Quran dengan jumlah skor fuzzy sebanyak 0.947 merupakan keutamaan paling utama buat pengajar bahasa Arab di tahfiz. Seterusnya, dengan nilai skor fuzzy sebanyak 0.868 iaitu guru tahfiz hendaklah mampu untuk menjalankan proses perbincangan dengan pelajar bagi mengatasi masalah menghafaz yang dihadapi oleh pelajar dengan menggunakan bahasa Arab merupakan keutamaan kelima yang digunakan oleh pengajar bahasa Arab di tahfiz. Selain itu, skor fuzzy sebanyak 0.928 iaitu guru tahfiz hendaklah berupaya merumuskan proses pengajaran hafazan yang diajar kepada para pelajar setelah selesai pengkuliahan dijalankan di tempat kedua dalam keutamaan pakar. Berikutnya, guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan penilaian latihan sendiri dengan menggunakan bahasa Arab yang bertujuan untuk membantu pelajar menentukan tahap penguasaan yang dicapai pelajar memperoleh skor fuzzy sebanyak 0.896 di tempat ketiga. Akhirnya, skor fuzzy sebanyak 0.860, guru tahfiz hendaklah mahir dengan proses penilaian yang digunakan untuk mentaksir kemajuan pelajar sama ada secara formatif dan sumatif merupakan skor fuzzy yang terakhir memperoleh skor yang paling rendah.

Jadual 4.13:

Pengiraan Nilai Threshold (d), Peratus Kesepakatan Pakar (%) dan Nilai Skor Fuzzy

(A) bagi Domain PENILAIAN PdP bagi Guru Tahfiz Berasaskan Kaedah Fuzzy

Delphi

PAKAR	ITEM					
	1	2	3	4	5	6
1	0.265	0.031	0.022	0.058	0.047	0.021
2	0.265	0.031	0.022	0.058	0.047	0.021
3	0.027	0.031	0.022	0.058	0.047	0.021
4	0.027	0.031	0.022	0.058	0.047	0.021
5	0.027	0.031	0.022	0.058	0.107	0.021
6	0.027	0.122	0.022	0.058	0.047	0.021
7	0.027	0.122	0.022	0.058	0.047	0.021
8	0.027	0.122	0.022	0.058	0.047	0.021
9	0.027	0.122	0.146	0.058	0.047	0.021
10	0.131	0.031	0.146	0.058	0.107	0.158
11	0.131	0.031	0.146	0.058	0.107	0.158
12	0.027	0.031	0.146	0.058	0.047	0.158
13	0.027	0.031	0.022	0.058	0.047	0.021
14	0.027	0.122	0.022	0.058	0.047	0.158
15	0.131	0.031	0.022	0.058	0.047	0.021
16	0.131	0.031	0.022	0.058	0.047	0.158
17	0.131	0.031	0.022	0.058	0.047	0.021
18	0.131	0.031	0.022	0.095	0.107	0.021
19	0.131	0.031	0.146	0.095	0.107	0.021
20	0.131	0.031	0.146	0.095	0.107	0.021
21	0.265	0.031	0.249	0.095	0.107	0.238

22	0.027	0.031	0.249	0.095	0.107	0.238
23	0.027	0.031	0.249	0.336	0.107	0.238
24	0.027	0.031	0.249	0.095	0.291	0.238
25	0.027	0.031	0.146	0.095	0.047	0.021
Nilai Threshold (d) setiap item	0.089	0.049	0.093	0.079	0.078	0.083
Peratus Setiap Item $d \leq 0.2$	100.0%	100.0%	100.0%	96.0%	100.0%	100.0%
Skor Fuzzy (A)	0.879	0.947	0.868	0.928	0.896	0.860

Berdasarkan kepada jadual 4.13, pengiraan nilai *Threshold* (d), peratus kesepakatan pakar (%) dan nilai skor *Fuzzy* (A) bagi domain penilaian PdP bagi pengajar bahasa Arab di tahfiz kaedah fuzzy delphi berdasarkan kesepakatan pakar mendapat nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2 , peratus kesepakatan kumpulan pakar bagi setiap item melebihi 75% dan nilai defuzzification bagi setiap elemen melebihi nilai a-cut = 0.5. Ini menunjukkan bahawa yang pertama iaitu Guru tahfiz hendaklah mampu melaksanakan ujian yang menggunakan bahasa arab untuk melihat pencapaian hafazan pelajar mendapat skor fuzzy sebanyak 0.879 di tempat ke empat bagi keutamaan setiap pakar. Elemen kedua iaitu guru tahfiz hendaklah berupaya mengklasifikasikan pelajar yang baik dan lemah dalam menghafaz Al-Quran dengan jumlah skor fuzzy sebanyak 0.947 merupakan keutamaan paling utama buat pengajar bahasa Arab di tahfiz .

Seterusnya, dengan nilai skor fuzzy sebanyak 0.868 iaitu guru tahfiz hendaklah mampu untuk menjalankan proses perbincangan dengan pelajar bagi mengatasi masalah menghafaz yang dihadapi oleh pelajar dengan menggunakan bahasa Arab merupakan keutamaan kelima yang digunakan oleh pengajar bahasa Arab di tahfiz. Selain itu, skor fuzzy sebanyak 0.928 iaitu guru tahfiz hendaklah berupaya merumuskan proses pengajaran hafazan yang diajar kepada para pelajar setelah selesai pengkuliah di jalankan di tempat kedua dalam keutamaan pakar.

Berikutnya, guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan penilaian latihan sendiri dengan menggunakan bahasa Arab yang bertujuan untuk membantu pelajar menentukan tahap penguasaan yang dicapai pelajar memperoleh skor fuzzy sebanyak 0.896 di tempat ketiga. Akhirnya, skor fuzzy sebanyak 0.860, guru tahfiz hendaklah mahir dengan proses penilaian yang digunakan untuk mentaksir kemajuan pelajar sama ada secara formatif dan sumatif merupakan skor fuzzy yang terakhir memperoleh skor yang paling rendah.

4.4 Matriks Domain Pengajaran Bahasa Arab Bagi Pengajar di Pusat Tahfiz

Jadual 4.14 adalah memaparkan matriks Domain Pengajaran bahasa Arab Bagi Pengajar di Pusat Tahfiz. Matriks ini adalah paparan secara jadual yang merangkumi lima domain berserta keutamaan elemen-elemen yang terkandung di dalamnya berdasarkan kesepakatan kumpulan pakar melalui analisis Kaedah Fuzzy Delphi (FDM).

Jadual 4.14:

Matriks Domain Pengajaran Bahasa Arab Bagi Pengajar di Pusat Tahfiz

Domain Pengajaran Bahasa Arab Bagi Pengajar di Pusat Tahfiz					
Domain Persediaan Guru	Domain Pemahaman Konsep	Domain Penyediaan Tugas & Latihan	Domain Pengukuhan PdP	Domain Penilaian	
KEUTAMAAN ELEMEN	Guru tahfiz hendaklah menjalankan penyusunan awal proses PdP yang berasaskan penggunaan Bahasa Arab meliputi skema sedia ada kepada pelajar	Guru tahfiz hendaklah mampu memberikan contoh-contoh input yang berguna sebagai motivasi kepada pelajar dalam menjalankan proses hafazan.	Guru menerangkan proses inkuiri yang perlu diaplikasikan oleh pelajar dalam menyelesaikan masalah hafazan yang dihadapi.	Guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar untuk menguji hipotesis yang dijalankan dalam proses menghafaz Al-Quran menggunakan Bahasa Arab.	Guru tahfiz hendaklah berupaya mengklasifikasikan pelajar yang baik dan lemah dalam menghafaz Al-Quran.
	Guru tahfiz hendaklah menjalankan proses pengenalan menggunakan Bahasa Arab yang mampu menarik perhatian pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran.	Guru tahfiz hendaklah mampu mengemukakan maklumat yang berguna dalam Al-Quran sebagai asas kepada pemantapan hafazan pelajar.	Guru tahfiz hendaklah mampu menentukan dan mengemukakan masalah yang sering terjadi dalam proses menghafaz Al-Quran.	Guru tahfiz hendaklah berupaya membimbing pelajar dalam membuat membuat hipotesis dengan mengumpulkan data permasalahan yang mereka hadapi dalam proses menghafaz Al-Quran menggunakan bahasa Arab.	Guru tahfiz hendaklah berupaya merumuskan proses pengajaran hafazan yang diajar kepada para pelajar setelah selesai pengkuliahannya dijalankan.

<p>Guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan proses PdP yang mengikut tahap kepada para pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran.</p>	<p>Guru tahfiz hendaklah mampu melakukan pengembangan yang merangkumi penerangan jelas tentang maklumat yang baik dalam Al-Quran kepada pelajar</p>	<p>Guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan latihan terbimbing secara aktif bagi meningkatkan ingatan kepada pelajar.</p>	<p>Guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar dalam menajamkan dan mengukuhkan kognitif dalam proses menghafaz Al-Quran dengan menggunakan bahasa Arab.</p>	<p>Guru tahfiz hendak mampu menjalankan penilaian latihan sendiri dengan menggunakan bahasa Arab yang bertujuan untuk membantu pelajar menentukan tahap penguasaan yang dicapai pelajar.</p>
		<p>Guru tahfiz hendaklah mampu memberikan tugas pembelajaran kepada pelajar melalui kuliah dan perbincangan kepada pelajar.</p>		<p>Guru tahfiz hendaklah mampu melaksanakan ujian yang menggunakan bahasa Arab untuk melihat pencapaian hafazan pelajar.</p>
				<p>Guru tahfiz hendaklah mampu untuk menjalankan proses perbincangan dengan pelajar bagi mengatasi masalah menghafaz yang dihadapi oleh pelajar dengan menggunakan bahasa Arab.</p>
				<p>Guru tahfiz hendaklah mahir dengan proses penilaian yang digunakan untuk mentaksir kemajuan pelajar sama ada secara formatif dan sumatif.</p>

Merujuk kepada jadual 4.14, setelah setiap domain pengajaran dihuraikan menggunakan aplikasi Fuzzy Delphi Metode, elemen-elemen bagi setiap domain pengajaran pula disusun mengikut keutamaan. Bagi domain pengajaran yang pertama iaitu Domain Persediaan Guru terdapat tiga elemen didalamnya. Bagi elemen yang paling mendapat keutamaan adalah guru tahfiz hendaklah menjalankan penyusunan awal proses PdP yang berasaskan penggunaan Bahasa Arab meliputi skema sedia ada kepada pelajar. Elemen yang kedua pula adalah Guru tahfiz hendaklah menjalankan proses pengenalan menggunakan Bahasa Arab yang mampu menarik perhatian pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran. Manakala elemen yang ketiga adalah guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan proses PdP yang mengikut tahap kepada para pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran.

Seterusnya, domain pengajaran yang kedua adalah Domain Pemahaman Konsep dimana terdapat tiga elemen didalamnya. Bagi elemen yang paling utama adalah guru tahfiz hendaklah mampu memberikan contoh-contoh input yang berguna sebagai motivasi kepada pelajar dalam menjalankan proses hafazan. Manakala elemen yang kedua adalah guru tahfiz hendaklah mampu mengemukakan maklumat yang berguna dalam Al-Quran sebagai asas kepada pemantapan hafazan pelajar. Elemen yang terakhir bg keutamaannya adalah guru tahfiz hendaklah mampu melakukan pengembangan yang merangkumi penerangan jelas tentang maklumat yang baik dalam Al-Quran kepada pelajar.

Domain pengajaran yang ketiga pula adalah Domain Penyediaan Tugas & Latihan dimana terdapat empat elemen didalamnya. Elemen yang paling utama adalah guru menerangkan proses inkuiri yang perlu diaplikasikan oleh pelajar dalam menyelesaikan masalah hafazan yang dihadapi. Diikuti dengan elemen yang kedua iaitu guru tahfiz hendaklah mampu menentukan dan mengemukakan masalah yang

sering terjadi dalam proses menghafaz Al-Quran. Seterusnya untuk elemen yang ketiga adalah guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan latihan terbimbing secara aktif bagi meningkatkan ingatan kepada pelajar. Elemen yang terakhir adalah guru tahfiz hendaklah mampu memberikan tugas pembelajaran kepada pelajar melalui kuliah dan perbincangan kepada pelajar.

Manakala domain pengajaran yang keempat adalah Domain Pengukuhan PdP yang mana terdapat tiga elemen didalamnya. Bagi elemen yang paling utama adalah guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar untuk menguji hipotesis yang dijalankan dalam proses menghafaz Al-Quran menggunakan Bahasa Arab. Diikuti dengan elemen yang kedua iaitu guru tahfiz hendaklah berupaya membimbing pelajar dalam membuat membuat hipotesis dengan mengumpulkan data permasalahan yang mereka hadapi dalam proses menghafaz Al-Quran menggunakan penggunaan bahasa Arab. Manakala elemen yang ketiga adalah guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar dalam menajamkan dan mengukuhkan kognitif dalam proses menghafaz Al-Quran dengan menggunakan bahasa Arab.

Domain pengajaran yang terakhir pula adalah, Domain Penilaian dimana terdapat enam elemen didalamnya. Kenam-enam elemen ini telah disusun mengikut keutamaanya iaitu yang pertama adalah guru tahfiz hendaklah berupaya mengklasifikasikan pelajar yang baik dan lemah dalam menghafaz Al-Quran diikuti elemen yang kedua adalah guru tahfiz hendaklah berupaya merumuskan proses pengajaran hafazan yang diajar kepada para pelajar setelah selesai pengkuliah dijalankan. Manakala elemen yang ketiga pula adalah guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan penilaian latihan sendiri dengan menggunakan bahasa Arab yang bertujuan untuk membantu pelajar menentukan tahap penguasaan yang dicapai pelajar. Seterusnya adalah guru tahfiz hendaklah mampu melaksanakan ujian yang

menggunakan bahasa Arab untuk melihat pencapaian hafazan pelajar diikuti dengan elemen guru tahfiz hendaklah mampu untuk menjalankan proses perbincangan dengan pelajar bagi mengatasi masalah menghafaz yang dihadapi oleh pelajar dengan menggunakan bahasa Arab. Elemen yang terakhir adalah guru tahfiz hendaklah mahir dengan proses penilaian yang digunakan untuk mentaksir kemajuan pelajar sama ada secara formatif dan sumatif.

4.5 KESIMPULAN

Daripada keseluruhan data yang diperolehi, dapatlah disimpulkan secara ringkas bahawa setiap kerangka domain pengajaran bahasa Arab yang terbina adalah bertepatan dengan objektif kajian sekaligus telah menjawab soalan kajian secara tidak langsung. Pengkaji juga telah menghuraikan secara terperinci dapatan kajian berdasarkan instrumen kajian yang telah digunakan dalam pelaksanaan kajian ini. Instrumen kajian tersebut adalah soal selidik pakar dan borang kesahan pakar yang melibatkan kandungan dan bahasa bagi soal selidik kajian yang telah dijalankan.

Perbincangan dan analisis data ini memberikan penjelasan yang mendalam mengenai domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di pusat tahfiz. Selain daripada itu juga, analisis data juga tertumpu pada keutamaan bagi setiap domain dan elemen yang mana sangat berperanan dalam keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di pusat tahfiz khususnya.

BAB 5

PERBINCANGAN DAPATAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Dalam bab 5 ini, perbincangan dapatan kajian, implikasi dan cadangan terhadap kerangka domain pengajaran Bahasa Arab bagi pengajar di Pusat Tahfiz. Maka dengan itu, proses perbincangan yang dijalankan adalah bersifat kepada peneguhan dapatan dengan bantuan daripada kajian literatur yang dilakukan.

5.1 Perbincangan Dapatan Kajian

Untuk mereka bentuk kerangka domain pengajaran Bahasa Arab bagi pengajar di Pusat Tahfiz, terdapat tiga soalan kajian iaitu:

1. Apakah domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di Pusat Tahfiz berasaskan kesepakatan pakar?
2. Apakah elemen bagi domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di Pusat Tahfiz berasaskan kesepakatan pakar?
3. Apakah keutamaan elemen bagi setiap domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di Pusat Tahfiz berasaskan kesepakatan pakar?

5.1.1 Perbincangan Domain Pengajaran Bahasa Arab

Bagi dapatan kajian 1 iaitu berkaitan domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di Pusat Tahfiz memaparkan bahawa kesemua panel pakar bersepakat menerima lima domain yang perlu diketahui dan difahami oleh seorang pengajar iaitu

1) Persediaan Guru; 2) Pemahaman Konsep; 3) Penyediaan Tugas & latihan; 4) Penguatan PdP; dan 5) Penilaian.

Jika dilihat semula, kelima-lima domain ini diambil dan disorot daripada kajian literatur, disahkan melalui kesahan bahasa dan kandungan seterusnya dimurnikan oleh kesepakatan pakar melalui kaedah Fuzzy Delphi (FDM). Hal ini tidak menjadi suatu kesalahan kerana menurut Powell (2003) menghujahkan secara terperinci tentang keunikan kaedah delphi di mana pembentukan domain atau sesuatu isu boleh melalui pelbagai cara iaitu temubual, soalan terbuka dan melalui pencarian literatur.

Berbalik kembali kepada kelima-lima domain pengajaran ini iaitu 1) Persediaan Guru; 2) Pemahaman Konsep; 3) Penyediaan Tugas & latihan; 4) Penguatan PdP; dan 5) Penilaian jelas membuktikan ia adalah berpadanan dengan keperluan seorang tenaga pengajar itu sendiri. Selain itu ia menepati model-model pengajaran terdahulu yang menyenaraikan komponen yang terdapat dalam sesuatu model pengajaran. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan model pengajaran Robert Glaser yang menyenaraikan empat komponen utama iaitu objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada pelajar, kaedah mengajar dan penilaian. Manakala model pengajaran Sim pula menggabungkan elemen guru dan pelajar di mana ia meliputi domain guru, pelajar, kandungan pelajaran serta objektif.

Justeru itu, penghasilan kerangka domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di Pusat Tahfiz ini adalah bersesuaian kerana ia senada dengan model pengajaran sedia ada. Selain daripada keselarian terhadap model pengajaran sedia ada, hasil dapatan kerangka domain ini juga selari dengan keperluan kompetensi seorang pengajar dan di mana ia mengkehendaki para pengajar ini mampu untuk menyediakan keperluan pengajaran yang baik dan lengkap, ia turut meliputi konsep pengajaran yang perlu dikuasai. Manakala setiap pengajar ini juga seharusnya mampu menyediakan

tugas dan latihan bagi membantu para pelajar selain mampu mengukuhkan kefahaman para pengajar dan pelajar. Seterusnya mampu melakukan proses penilaian terhadap diri pengajar sendiri dan terhadap pelajar yang diajar.

Apabila berbicara tentang kesemua domain pengajaran ini jelas memperlihatkan ia adalah seiring dengan keperluan bagi seorang pengajar bahasa Arab di Pusat Tahfiz. Hal ini adalah bersesuaian dengan pandangan Lunenberg (2011) yang menghujahkan bahawa seorang pengajar haruslah berobjektif, mampu menguasai kandungan yang diajar, berupaya menjelmakan kaedah pengajaran yang berkesan serta melakukan penilaian kepada diri pengajar sendiri dan para pelajar terhadap apa yang diajar.

5.1.2 Perbincangan Elemen Bagi Domain Pengajaran Bahasa Arab

Bagi menjawab soalan kajian 2 iaitu *Apakah elemen bagi domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di Pusat Tahfiz berasaskan kesepakatan pakar?* Penggunaan kaedah Fuzzy Delphi (FDM) juga digunakan bagi mendapatkan kesepakatan panel pakar bagi menilai dan mengesahkan elemen bagi setiap domain pengajaran bahasa Arab. Kesemua elemen dalam setiap domain ini juga turut terhasil daripada kajian literatur dan ia bersesuaian dengan pandangan Powell (2003) yang menghujahkan bahawa kaedah delphi membenarkan proses mengenal pasti setiap isu atau elemen yang dikaji, ia boleh dikutip daripada kajian terdahulu selain menggunakan temu bual mahu pun soalan terbuka.

Bagi domain pengajaran 1 iaitu Persediaan Guru, ia mengandungi tiga elemen di dalamnya iaitu 1) Guru tahfiz hendaklah menjalankan penyusunan awal proses Pdp yang berasaskan penggunaan Bahasa Arab meliputi skema sedia ada kepada pelajar; 2) Guru tahfiz hendaklah menjalankan proses pengenalan menggunakan bahasa Arab

yang mampu menarik perhatian pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran; dan 3) Guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan proses PdP yang mengikut tahap kepada para pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran.

Jika kita sorot kepada kajian lampau jelas menunjukkan bahawa para pengajar mahu pun guru haruslah berupaya untuk melengkapkan diri mereka serta bersedia dalam kesemua aspek yang melibatkan PdP serta berupaya mengimbangi tahap-tahap PdP. Ini bertujuan untuk menghasilkan PdP yang berkesan dan membantu para pelajar mengikuti PdP dengan baik. Hal ini adalah sejajar dengan penegasan daripada Norfazila (2013) yang menghujahkan bahawa proses pengajaran yang berkesan adalah menjadi satu kemestian yang ada pada setiap pengajar. Maka para pengajar hendaklah berupaya melakukan persediaan yang terbaik di mana ia meliputi pengetahuan dan kemahiran penyampaian kandungan proses PdP agar mampu membuka minda dan minat pelajar. Sekiranya hal ini berlaku secara langsung ia mampu membangunkan suatu suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan pembelajaran aktif dapat diterjemahkan di dalam kelas.

Bagi domain pengajaran kedua pula iaitu Pemahaman Konsep turut mengandungi tiga elemen iaitu 1) Guru tahfiz hendaklah mampu mengemukakan maklumat yang berguna dalam Al-Quran sebagai asas kepada pemantapan hafazan pelajar; 2) Guru tahfiz hendaklah mampu memberikan contoh-contoh input yang berguna sebagai motivasi kepada pelajar dalam menjalankan proses hafazan; dan 3) Guru tahfiz hendaklah mampu melakukan pengembangan yang merangkumi penerangan jelas tentang maklumat yang baik dalam Al-Quran kepada pelajar. Jika diteliti daripada pandangan Noor Hisham (2011) menghujahkan bahawa proses PdP adalah sentiasa ada perubahan mengikut keadaan zaman, namun pemahaman terhadap konsep adalah suatu yang kekal dan ia amat penting dikuasai walaupun teknik

penyampaian PdP bertukar. Manakala menurut pandangan Yahya dan Dayang Raini (2011) pula menekankan bahawa pemahaman konsep yang jelas diperlukan oleh para guru mestilah boleh difahami agar pemahaman konsep tersebut mampu diterjemahkan kepada pelajar dalam kelas sekali gus mewujudkan sesi PdP yang menyeronokkan.

Jika difikirkan secara terperinci jelas memaparkan bahawa sebagai seorang guru amatlah berperanan dalam memahami segala konsep dalam PdP kerana ia juga melibatkan pemindahan pengetahuan daripada seorang guru kepada pelajar. Hal ini senada dengan kajian yang dijalankan oleh Abdul Rasid et. al (2013) yang memberi pandangan bahawa keupayaan guru dalam menyampaikan proses PdP yang berkesan adalah amat penting kerana ia akan memberi idea yang segar dan motivasi kepada pelajar di dalam kelas. Hal ini adalah bertepatan dengan Yahya dan Dayang Raini (2011) yang menghujahkan bahawa sekiranya pelajar tidak dapat menguasai dan memahami konsep PdP yang diajar oleh guru, maka ia akan menghilangkan minat murid itu sendiri terhadap suatu mata pelajaran yang dipelajari.

Manakala seterusnya adalah domain pengajaran ketiga iaitu Penyediaan Tugas dan Latihan yang terdiri daripada empat elemen iaitu 1) Guru tahfiz hendaklah mampu menentukan dan mengemukakan masalah yang sering terjadi dalam proses menghafaz Al-Quran; 2) Guru menerangkan proses inkuiri yang perlu diaplikasikan oleh pelajar dalam menyelesaikan masalah hafazan yang dihadapi; 3) Guru tahfiz hendaklah mampu memberikan tugas pembelajaran kepada pelajar melalui kuliah dan perbincangan kepada pelajar; dan 4) Guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan latihan terbimbing secara aktif bagi meningkatkan ingatan kepada pelajar.

Jika kita teliti bahawa proses penyediaan tugas dan latihan ini adalah salah satu aspek dan tunjang bagi proses menguruskan sesi pengajaran dan pembelajaran, Hal ini kerana ia adalah melibatkan secara keseluruhan proses merancang suatu sesi pengajaran dan pembelajaran agar ia berupaya mencapai matlamat yang dihasratkan, para guru juga harus mampu memberi garis panduan kepada para pelajar terhadap perkara yang perlu dilakukan dalam menyelesaikan tugas yang diberi. Hal ini mestilah menjadi kepakaran dan kemahiran para guru dalam membimbing, mengawal aktiviti serta memantau proses menyelesaikan latihan dan tugas yang diberikan (Raedah, 2013).

Domain pengajaran keempat pula adalah domain Pengukuhan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang mengandungi tiga elemen iaitu 1) Guru tahfiz hendaklah berupaya membimbing pelajar dalam membuat hipotesis dengan mengumpulkan data permasalahan yang di hadapi dalam proses menghafaz Al-Quran menggunakan penggunaan Bahasa Arab; 2) Guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar untuk menguji hipotesis yang dijalankan dalam proses menghafaz Al-Quran menggunakan Bahasa Arab; dan 3) Guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar dalam menajamkan dan mengukuhkan kognitif dalam proses menghafaz Al-Quran dengan menggunakan Bahasa Arab. Berbicara tentang domain Pengukuhan PdP ini, banyak kajian yang menekankan tentang kepentingannya dalam kalangan pengajar mahupun guru.

Berdasarkan satu artikel ilmiah yang ditulis Muhamad Suhaimi Taat (2012) menjelaskan bahawa bagi mengukuhkan proses PdP dalam kalangan pengajar, para pengajar haruslah sentiasa menjalankan proses pembacaan dan sorotan bahan yang diajar dari semasa ke semasa. Hal ini secara langsung memantapkan pengetahuan guru

itu sendiri selain mampu membantu menyebarkan maklumat dan ilmu terkini kepada murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.

Seterusnya domain pengajaran yang terakhir iaitu domain Penilaian meliputi enam elemen iaitu 1) Guru tahfiz hendaklah mampu melaksanakan ujian yang menggunakan bahasa Arab untuk melihat pencapaian hafazan pelajar; 2) Guru tahfiz hendaklah berupaya mengklasifikasikan pelajar yang baik dan lemah dalam menghafaz Al-Quran; 3) Guru tahfiz hendaklah mampu untuk menjalankan proses perbincangan dengan pelajar bagi mengatasi masalah menghafaz yang dihadapi oleh pelajar dengan menggunakan bahasa Arab; 4) Guru tahfiz hendaklah berupaya merumuskan proses pengajaran hafazan yang diajar kepada para pelajar setelah selesai pengkuliahannya dijalankan; 5) Guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan penilaian latihan sendiri dengan menggunakan bahasa Arab yang bertujuan untuk membantu pelajar menentukan tahap penguasaan yang dicapai pelajar; dan 6) Guru tahfiz hendaklah mahir dengan proses penilaian yang digunakan untuk mentaksir kemajuan pelajar sama ada secara formatif dan sumatif. Bagi domain penilaian pula, jika dilihat daripada maksud penilai itu sendiri ia adalah merujuk kepada kecekapan seseorang guru atau pengajar dalam melakukan proses menilai kerja pelajar mereka dan seterusnya berupaya menganalisis data yang telah dinilai (Mohammed Sani, Ahmad Zabidi, Husaina Banu, 2015).

Dalam konteks kajian ini, domain penilaian adalah sangat penting dalam suatu sesi PdP kerana ia merupakan satu elemen penting dalam membantu pengurusan menentukan keberkesanan dan kecekapan. Penilaian yang bersistematik adalah meliputi semua faktor yang boleh mempengaruhi maklumat atau dapatan yang diperolehi supaya dapat membantu pengajar dalam membuat sebarang keputusan yang tepat. (Zaipah et. al, 2014)

5.1.3 Perbincangan Turutan (Keutamaan) Elemen Bagi Domain Pengajaran Bahasa Arab

Perbincangan mengenai turutan (keutamaan) elemen bagi setiap domain pengajaran Bahasa Arab ini turut menggunakan pendekatan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM). Inilah kekuatan FDM di mana kaedah ini mampu melakukan proses keutamaan bagi setiap elemen berdasarkan kepada kesepakatan pakar.

Bagi domain pengajaran pertama iaitu domain Persediaan Guru memperlihatkan elemen yang perlu diberi keutamaan dahulu oleh pengajar adalah *Guru tahfiz hendaklah menjalankan penyusunan awal proses PdP yang berasaskan penggunaan Bahasa Arab meliputi skema sedia ada kepada pelajar*. Apabila diimbangi kembali proses penyusunan awal bagi setiap maklumat yang hendak diajar oleh para pengajar adalah perkara yang amat penting kerana dengan penyediaan yang rapi dan berkesan ini mampu membantu para pengajar untuk melaksanakan elemen kedua iaitu *Guru tahfiz hendaklah menjalankan proses pengenalan menggunakan Bahasa Arab yang mampu menarik perhatian pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran*. Jelas disini menunjukkan proses pengenalan menggunakan bahasa Arab mampu menarik minat pelajar dalam usaha menjadi hafiz mahupun hafizah.

Apabila para pelajar seronok dan berminat dalam proses PdP yang dijalankan oleh pengajar secara langsung ia berupaya menjelmakan elemen ketiga iaitu *Guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan proses PdP yang mengikut tahap kepada para pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran*. Jelas disini memperlihatkan keutamaan elemen bagi domain Persediaan Guru amat bersesuaian berdasarkan kesepakatan pakar dalam menetapkan setiap elemen ini. Jika disingkap dengan teliti, jelas kumpulan pakar telah mencapai kata putus bagi domain ini, para guru haruslah memiliki kemahiran dalam melakukan penyediaan awal dengan menyusun penggunaan bahasa

dengan menyediakan skema dan panduan yang baik kepada pelajar. Hal ini mampu untuk mengelakkan daripada proses PdP terganggu. Apabila berbicara tentang proses PdP yang terganggu ini, jelas terdapat dalam kajian terdahulu yang mengakui para pelajar agak kurang mampu menulis dengan baik terhadap patah-patah Arab walaupun sistem pembelajaran Bahasa Arab telah lama dipraktikkan di negara ini (Che Radiah Mezah, 2014; Rosni Samah, 2012; Abd. Halim Mohammad, 2009).

Seterusnya bagi domain pengajaran ke dua iaitu Pemahaman Konsep memperlihatkan bahawa elemen yang menduduki keutamaan pertama adalah *Guru tahfiz hendaklah mampu memberikan contoh-contoh input yang berguna sebagai motivasi kepada pelajar dalam menjalankan proses hafazan*. Diketahui bahawa keupayaan guru dalam memberi contoh input yang menarik mampu menjadi motivasi kepada para pelajar. Maka apabila input yang baik dapat diterjemahkan oleh para pengajar secara langsung ia dapat mengaplikasikan elemen kedua dan ketiga mengikut keutamaan iaitu *Guru tahfiz hendaklah mampu mengemukakan maklumat yang berguna dalam Al-Quran sebagai asas kepada pementapan hafazan pelajar* dan *Guru tahfiz hendaklah mampu melakukan pengembangan yang merangkumi penerangan jelas tentang maklumat yang baik dalam Al-Quran kepada pelajar*. Jelas di sini memperlihatkan bahawa pemahaman konsep yang perlu dikuasai oleh para pengajar adalah bermula dengan penerapan motivasi kepada para pelajar, menyampaikan dan berkongsi maklumat yang berguna berdasarkan Al-Quran ke dalam diri pelajar. Pemahaman konsep dipilih sebagai domain yang perlu dikuasai oleh para guru mahupun pengajar Bahasa Arab terutama di Pusat Tahfiz adalah kerana bahasa Arab itu sendiri adalah bahasa Al-Quran. Maka para pengajar sewajibnya perlu memahami konsep bagaimana proses PdP yang dijalankan kepada para bakal huffaz ini.

Berdasarkan kajian Mohamad Azrien et. al (2016) memaparkan dapatan bahawa sebanyak 47.2 peratus para guru yang mengajar berkenaan bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia bukannya daripada bidang bahasa Arab itu sendiri sebaliknya ia adalah dari bidang Syariah, Pendidikan Islam dan Usuluddin. Maka ini menjadi satu indikator bahawa berkemungkinan pemahaman konsep tentang pengajaran bahasa Arab secara menyeluruh itu tidak berlaku kepada guru. Hal ini jelas menunjukkan hasil dapatan bahawa antara keutamaan para guru dan pengajar bahasa Arab adalah ia mestilah mampu memberi input dan pengetahuan yang berguna kepada pelajar secara langsung pemahaman konsep itu sendiri perlu ada dalam diri para pengajar dan guru ini.

Manakala domain pengajaran ketiga adalah merujuk kepada domain Penyediaan Tugas & Latihan . Bagi domain ini, ia bermula daripada elemen *Guru menerangkan proses inkuiri yang perlu diaplikasikan oleh pelajar dalam menyelesaikan masalah hafazan yang dihadapi* menjadi keutamaan pertama yang seharusnya para guru praktiskan. Manakala elemen kedua pula adalah *Guru tahfiz hendaklah mampu menentukan dan mengemukakan masalah yang sering terjadi dalam proses menghafaz Al-Quran*. Elemen *Guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan latihan terbimbing secara aktif bagi meningkatkan ingatan kepada pelajar* pula menjadi elemen ketiga dan diakhiri dengan elemen keempat iaitu *Guru tahfiz hendaklah mampu memberikan tugas pembelajaran kepada pelajar melalui kuliah dan perbincangan kepada pelajar*.

Berkisar pula tentang keutamaan elemen domain Penyediaan Tugas dan latihan jelas menunjukkan bahawa para pengajar seharusnya mampu menerangkan proses inkuiri atau pun pertanyaan yang boleh dilakukan oleh pelajar dalam menyelesaikan masalah hafazan Al-Quran itu sendiri. Apabila pelajar mampu untuk

melakukan pertanyaan berkenaan permasalahan yang berkisar dengan masalah hafazan, ia sekali gus memerlukan para pengajar bersedia dalam menjawab sebarang persoalan daripada pelajar. Oleh itu proses penyediaan tugas dan latihan daripada para pengajar perlu diperkasakan agar ia mampu menyediakan tugas dan latihan yang mempunyai tahap yang bersesuaian pada setiap pelajar. Hal ini adalah sejajar dengan pandangan yang menghujahkan bahawa para guru atau pengajar dalam bidang bahasa Arab haruslah menerima kenyataan bahawa mereka sememangnya memerlukan pengorbanan dalam memastikan sesi PdP yang berkaitan pengajaran bahasa Arab dapat dilaksanakan dengan berjaya (Mohamad Azrein , et. al, 2016).

Domain pengajaran keempat pula adalah merupakan domain Pengukuhan PdP dan elemen yang menjadi keutamaan daripada kesepakatan pakar adalah elemen *Guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar untuk menguji hipotesis yang dijalankan dalam proses menghafaz Al-Quran menggunakan Bahasa Arab*. Ia diikuti dengan elemen *Guru tahfiz hendaklah berupaya membimbing pelajar dalam membuat membuat hipotesis dengan mengumpulkan data permasalahan yang mereka hadapi dalam proses menghafaz Al-Quran menggunakan penggunaan Bahasa Arab*. Dan elemen yang terakhir pula adalah *Guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar dalam menajamkan dan mengukuhkan kognitif dalam proses menghafaz Al-Quran dengan menggunakan Bahasa Arab*. Pengukuhan PdP pula adalah suatu domain yang telah dipersetujui oleh kumpulan pakar dalam kajian ini. Pengukuhan adalah suatu proses yang sentiasa dilalui oleh mereka yang bergelar pendidik bagi memastikan sesi PdP berlangsung dengan baik dan berjaya mencapai matlamatnya.

Pengukuhan sesuatu PdP juga adalah melibatkan kemampuan para pengajar atau guru melakukan hipotesis dalam sesi hafazan Al-Quran yang dijalankan oleh pelajar. Hal ini memerlukan para pengajar melakukan kajian dan perbandingan

terhadap metode yang terbaik yang boleh digunakan oleh pelajar dalam sesi hafazan. Jika dilihat kepada Hafiza (2012) menjelaskan bahawa pengukuhan PdP yang baik oleh para guru adalah suatu elemen motivasi yang berkesan kepada pelajar dalam menjalani sesi PdP mereka di dalam kelas.

Bagi domain pengajaran yang kelima dan pula merujuk kepada domain penilaian. Bagi domain ini, elemen yang menjadi keutamaan adalah bermula dengan *Guru tahfiz hendaklah berupaya mengklasifikasikan pelajar yang baik dan lemah dalam menghafaz Al-Quran*. Ia diikuti dengan elemen *Guru tahfiz hendaklah berupaya merumuskan proses pengajaran hafazan yang diajar kepada para pelajar setelah selesai pengkuliah di jalankan*. Elemen berada kedudukan ketiga adalah *Guru tahfiz hendak mampu menjalankan penilaian latihan sendiri dengan menggunakan bahasa Arab yang bertujuan untuk membantu pelajar menentukan tahap penguasaan yang dicapai pelajar*. Manakala elemen keempat merujuk kepada *Guru tahfiz hendaklah mampu melaksanakan ujian yang menggunakan bahasa Arab untuk melihat pencapaian hafazan pelajar*. Elemen kelima pula adalah *Guru tahfiz hendaklah mampu untuk menjalankan proses perbincangan dengan pelajar bagi mengatasi masalah menghafaz yang dihadapi oleh pelajar dengan menggunakan bahasa Arab*. Dan yang terakhir adalah melibatkan elemen *Guru tahfiz hendaklah mahir dengan proses penilaian yang digunakan untuk mentaksir kemajuan pelajar sama ada secara formatif dan sumatif*. Seterusnya bagi domain terakhir yang perlu dikuasai oleh para guru atau pengajar Bahasa Arab adalah domain penilaian. Dalam domain ini jelas menunjukkan bahawa ia meliputi keperluan guru menguasai kemahiran dan pengetahuan dalam melihat tahap hafazan pelajar.

Selain itu sesi refleksi juga perlu dilakukan oleh para guru dalam menilai keupayaan mereka setelah tamat sesi pengajaran bahasa Arab di dalam kelas. Hal ini adalah bagi memastikan para guru mampu melakukan penambahbaikan pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan PdP yang berkesan dalam diri mereka.

Namun begitu para pengajar juga haruslah bukan hanya mahir dalam melakukan refleksi dalam diri mereka, malah para pengajar juga wajib berupaya melakukan perbincangan dengan pelajar dalam memastikan masalah hafazan dapat diatasi seterusnya berupaya melakukan penilaian yang berbentuk formatif dan sumatif kepada pelajar. Maka jelas membuktikan bahawa domain penilaian adalah amat penting untuk dikuasai oleh para pengajar bahasa Arab di Pusat Tahfiz. Hal ini adalah bertepatan dengan kajian bahawa domain penilaian adalah amat penting kerana ia mempunyai hubungan langsung dengan keberkesanan pengajaran para guru (Syed Kamaruzaman, Faizul & Norkhalid Salimin, 2018).

5.2 Matriks Bagi Domain Pengajaran Bahasa Arab Bagi Pengajar di Pusat Tahfiz

Rajah 5.1 memaparkan suatu bentuk matriks bagi domain pengajaran Bahasa Arab Bagi Pengajar di Pusat Tahfiz. Matriks ini adalah output akhir kajian dan ia boleh digunakan sebagai panduan kepada para guru tahfiz dalam memastikan keperluan dan pelaksanaan domain pengajaran dan elemen yang terkandung di dalamnya dilaksanakan dan dipraktikkan.

Jadual 5.1:

Matriks Domain Pengajaran Bahasa Arab Bagi Pengajar di Pusat Tahfiz

Domain Pengajaran Bahasa Arab Bagi Pengajar di Pusat Tahfiz				
Domain Persediaan Guru	Domain Pemahaman Konsep	Domain Penyediaan Tugas & Latihan	Domain Pengukuhan PdP	Domain Penilaian
Guru tahfiz hendaklah menjalankan penyusunan awal proses PdP yang berasaskan penggunaan Bahasa Arab meliputi skema sedia ada kepada pelajar	Guru tahfiz hendaklah mampu memberikan contoh-contoh input yang berguna sebagai motivasi kepada pelajar dalam menjalankan proses hafazan.	Guru tahfiz menerangkan proses inkuiri yang perlu diaplikasikan oleh pelajar dalam menyelesaikan masalah hafazan yang dihadapi.	Guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar untuk menguji hipotesis yang dijalankan dalam proses menghafaz Al-Quran menggunakan Bahasa Arab.	Guru tahfiz hendaklah berupaya mengklasifikasikan pelajar yang baik dan lemah dalam menghafaz Al-Quran.
Guru tahfiz hendaklah menjalankan proses pengenalan menggunakan Bahasa Arab yang mampu menarik perhatian pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran.	Guru tahfiz hendaklah mampu mengemukakan maklumat yang berguna dalam Al-Quran sebagai asas kepada pemantapan hafazan pelajar.	Guru tahfiz hendaklah mampu menentukan dan mengemukakan masalah yang sering terjadi dalam proses menghafaz Al-Quran	Guru tahfiz hendaklah berupaya membimbing pelajar dalam membuat hipotesis dengan mengumpulkan data permasalahan yang mereka hadapi dalam proses menghafaz Al-Quran menggunakan penggunaan Bahasa Arab.	Guru tahfiz hendaklah berupaya merumuskan proses pengajaran hafazan yang diajar kepada para pelajar setelah selesai pengkuliahannya dijalankan.
Guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan	Guru tahfiz hendaklah mampu melakukan	Guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan	Guru tahfiz hendaklah berupaya membantu	Guru tahfiz hendak mampu menjalankan penilaian latihan

KEUTAMAAN ELEMEN

proses PdP yang mengikut tahap kepada para pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran.

pengembangan yang merangkumi penerangan jelas tentang maklumat yang baik dalam Al-Quran kepada pelajar

latihan terbimbing secara aktif bagi meningkatkan ingatan kepada pelajar

pelajar dalam menajamkan dan mengukuhkan kognitif dalam proses menghafaz Al-Quran dengan menggunakan Bahasa Arab.

kendiri dengan menggunakan bahasa arab yang bertujuan untuk membantu pelajar menentukan tahap penguasaan yang dicapai pelajar

Guru tahfiz hendaklah mampu memberikan tugas pembelajaran kepada pelajar melalui kuliah dan perbincangan kepada pelajar.

Guru tahfiz hendaklah mampu melaksanakan ujian yang menggunakan bahasa arab untuk melihat pencapaian hafazan pelajar.

Guru tahfiz hendaklah mampu untuk menjalankan proses perbincangan dengan pelajar bagi mengatasi masalah menghafaz yang dihadapi oleh pelajar dengan menggunakan bahasa Arab.

Guru tahfiz hendaklah mahir dengan proses penilaian yang digunakan untuk mentaksir kemajuan pelajar sama ada secara formatif dan sumatif

Merujuk kepada jadual 5.1, setiap domain pengajaran dihuraikan menggunakan aplikasi Fuzzy Delphi Metode manakala elemen-elemen bagi setiap domain pengajaran pula disusun mengikut keutamaan. Bagi domain pengajaran yang pertama iaitu Domain Persediaan Guru terdapat tiga elemen didalamnya. Bagi elemen yang paling mendapat keutamaan adalah guru tahfiz hendaklah menjalankan penyusunan awal proses PdP yang berasaskan penggunaan Bahasa Arab meliputi skema sedia ada kepada pelajar. Elemen yang kedua pula adalah Guru tahfiz hendaklah menjalankan proses pengenalan menggunakan Bahasa Arab yang mampu menarik perhatian pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran. Manakala elemen yang ketiga adalah guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan proses PdP yang mengikut tahap kepada para pelajar dalam proses menghafaz Al-Quran.

Seterusnya, domain pengajaran yang kedua adalah Domain Pemahaman Konsep dimana terdapat tiga elemen didalamnya. Bagi elemen yang paling utama adalah guru tahfiz hendaklah mampu memberikan contoh-contoh input yang berguna sebagai motivasi kepada pelajar dalam menjalankan proses hafazan. Manakala elemen yang kedua adalah guru tahfiz hendaklah mampu mengemukakan maklumat yang berguna dalam Al-Quran sebagai asas kepada pemantapan hafazan pelajar. Elemen yang terakhir bg keutamaannya adalah guru tahfiz hendaklah mampu melakukan pengembangan yang merangkumi penerangan jelas tentang maklumat yang baik dalam Al-Quran kepada pelajar.

Domain pengajaran yang ketiga pula adalah Domain Penyediaan Tugas & Latihan dimana terdapat empat elemen didalamnya. Elemen yang paling utama adalah guru menerangkan proses inkuiri yang perlu diaplikasikan oleh pelajar dalam menyelesaikan masalah hafazan yang dihadapi. Diikuti dengan elemen yang kedua iaitu guru tahfiz hendaklah mampu menentukan dan mengemukakan masalah yang

sering terjadi dalam proses menghafaz Al-Quran. Seterusnya untuk elemen yang ketiga adalah guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan latihan terbimbing secara aktif bagi meningkatkan ingatan kepada pelajar. Elemen yang terakhir adalah guru tahfiz hendaklah mampu memberikan tugas pembelajaran kepada pelajar melalui kuliah dan perbincangan kepada pelajar.

Manakala domain pengajaran yang keempat adalah Domain Pengukuhan PdP yang mana terdapat tiga elemen didalamnya. Bagi elemen yang paling utama adalah guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar untuk menguji hipotesis yang dijalankan dalam proses menghafaz Al-Quran menggunakan Bahasa Arab. Diikuti dengan elemen yang kedua iaitu guru tahfiz hendaklah berupaya membimbing pelajar dalam membuat membuat hipotesis dengan mengumpulkan data permasalahan yang mereka hadapi dalam proses menghafaz Al-Quran menggunakan penggunaan bahasa Arab. Manakala elemen yang ketiga adalah guru tahfiz hendaklah berupaya membantu pelajar dalam menajamkan dan mengukuhkan kognitif dalam proses menghafaz Al-Quran dengan menggunakan bahasa Arab.

Domain pengajaran yang terakhir pula adalah, Domain Penilaian dimana terdapat enam elemen didalamnya. Kenam-enam elemen ini telah disusun mengikut keutamaanya iaitu yang pertama adalah guru tahfiz hendaklah berupaya mengklasifikasikan pelajar yang baik dan lemah dalam menghafaz Al-Quran diikuti elemen yang kedua adalah guru tahfiz hendaklah berupaya merumuskan proses pengajaran hafazan yang diajar kepada para pelajar setelah selesai pengkuliah dijalankan. Manakala elemen yang ketiga pula adalah guru tahfiz hendaklah mampu menjalankan penilaian latihan sendiri dengan menggunakan bahasa Arab yang bertujuan untuk membantu pelajar menentukan tahap penguasaan yang dicapai pelajar. Seterusnya adalah guru tahfiz hendaklah mampu melaksanakan ujian yang

menggunakan bahasa Arab untuk melihat pencapaian hafazan pelajar diikuti dengan elemen guru tahfiz hendaklah mampu untuk menjalankan proses perbincangan dengan pelajar bagi mengatasi masalah menghafaz yang dihadapi oleh pelajar dengan menggunakan bahasa Arab. Elemen yang terakhir adalah guru tahfiz hendaklah mahir dengan proses penilaian yang digunakan untuk mentaksir kemajuan pelajar sama ada secara formatif dan sumatif.

5.3 Implikasi dan Cadangan

Di dalam bahagian ini terdapat dua bahagian yang telah diperbincangkan iaitu implikasi dan cadangan kajian. Bahagian implikasi telah dimulakan dengan ringkasan implikasi seterusnya perbincangan tentang implikasi yang melibatkan praktikal (amalan), implikasi terhadap teori dan implikasi terhadap metodologi. Selanjutnya cadangan kajian masa hadapan juga turut dikupas oleh pengkaji.

5.3.1 Implikasi Kajian

Dalam implikasi kajian, ia adalah melibatkan implikasi kajian terhadap teori kajian itu sendiri, implikasi kajian terhadap amalan dan implikasi kajian terhadap metodologi kajian yang digunakan.

Bagi implikasi kajian terhadap teori kajian jelas menunjukkan bahawa dapatan kajian ini adalah selari dengan model yang digunakan dalam kajian di mana ia terdiri daripada Model *Concept Attainment* (Model Pencapaian Konsep), Model Inkuiri (Suchman), Model Pengajaran Ekspositori (Ausubel) dan Model Behavioural. Jika dilihat daripada kajian literatur jelas menunjukkan bahawa kesemua domain dan elemen yang dibangunkan bagi kerangka domain pengajaran bagi pengajaran adalah

terbangun daripada keempat-empat model ini. Sekali gus ia juga mengesahkan teori rangsangan Thorndike.

Hal ini dapat dilihat daripada sudut aspek pelajar, di mana Thorndike menghuraikan tiga situasi yang boleh berlaku bagi pelajar yang melalui proses pengajaran dan pembelajaran iaitu 1) Seorang pelajar yang mempunyai kesediaan untuk belajar akan dapat mengikuti sesi PdP dengan baik dan berkesan; 2) Seorang pelajar yang mempunyai kesediaan untuk belajar, namun ia tidak berupaya untuk mengikuti sesi PdP yang berkesan akan mengakibatkan mereka mengalami situasi yang tidak menyeronokkan sekali gus mengganggu minat pencapaian mereka dalam PdP, manakala; 3) Seorang pelajar yang tidak mempunyai kesediaan untuk belajar, namun dipaksa untuk belajar akan menyebabkan pelajar itu mengalami perasaan yang membosankan dan menyebabkan mereka gagal.

Maka dalam konteks kajian ini, domain dan elemen yang terhasil haruslah diaplikasikan oleh para pengajar sekali gus ia mampu memberi suntikan kepada pelajar atau huffaz dalam memastikan mereka lebih bermotivasi dalam hasrat menjadi huffaz yang bernilai.

Manakala implikasi kajian terhadap amalan menunjukkan bahawa dapatan kajian ini iaitu kerangka domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di Pusat Tahfiz ini boleh menjadi suatu panduan yang emperikal kepada para pengajar di Pusat Tahfiz bagi memastikan sesi PdP yang dijalankan adalah bersistematik sekiranya para pengajar ini mampu mengamalkan dan menghayati setiap keperluan elemen dan domain yang telah disepakati oleh kumpulan pakar. Sekiranya hal ini dapat diterjemahkan ke dalam diri setiap pengajar, maka diharapkan kemajuan para pelajar atau para huffaz akan lebih baik dan mencapai objektif yang dihasratkan iaitu

melahirkan huffaz yang seimbang dunia dan akhirat sekali gus mengangkat institusi tahfiz itu sendiri (Mohd Jamalil, Sabri, Tengku Intan Zarina & Nor Hafizi, 2017).

Implikasi terhadap metodologi pula memaparkan bahawa penggunaan teknik yang terbaharu dalam menentukan domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di pusat tahfiz telah digunakan. Penggunaan metode Fuzzy Delphi adalah amat baik dalam mendapatkan dapatan kesepakatan pakar secara konsisten. Jika diimbangi pandangan Mohd Ridhuan et. al (2019) menyatakan bahawa teknik Fuzzy Delphi ini berupaya menghilangkan kebosanan kepada para pakar dalam memberikan pandangan mereka terhadap sesuatu isu. Maka ia tidak mengambil masa kajian yang agak panjang kerana ia mampu mengurangkan pusingan delphi itu sendiri. Hal ini mampu mengelakkan kehilangan suatu dapatan kajian dapat diatasi.

5.3.2 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan

Bahagian ini membincangkan tentang beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dijadikan panduan kepada pengkaji seterusnya. Terdapat beberapa cadangan lanjutan yang boleh dijalankan berasaskan dapatan kajian ini.

Cadangan lanjutan pertama adalah melibatkan pertemuan pakar secara semuka bagi meningkatkan lagi perbincangan pakar dilakukan dengan berkesan. Pemilihan kaedah Fuzzy Delphi dilihat adalah amat baik dalam menentukan kesepakatan pakar. Namun ia lebih berkesan sekiranya proses pertemuan pakar secara bersemuka dijalankan kerana ia mampu mengembangkan dapatan daripada kajian literatur yang telah dijalankan.

Cadangan lanjutan ke dua pula adalah membangun suatu model berstruktur bagi melihat domain pengajaran yang menjadi keutamaan dan berfungsi sebagai domain pemangkin kepada semua domain yang dibangunkan.

Cadangan lanjutan ketiga adalah dicadangkan agar perbandingan dilakukan terhadap dua model sekolah tahfiz iaitu yang mempunyai struktur akademik dan yang sebaliknya. Hal ini bagi melihat keperluan pemantapan yang berkesan terhadap dua pusat tahfiz ini sekali gus memberi input kepada pihak kerajaan dalam membangunkan institusi tahfiz yang lebih mantap dan cemerlang.

5.4 KESIMPULAN

Jika diteliti, objektif utama adalah untuk mengenal pasti domain-domain pengajaran Bahasa Arab dan elemen yang terkandung di dalamnya bagi pengajar dan guru tahfiz di pusat tahfiz. Keutamaan bagi setiap elemen menjadi penanda aras bagi keberkesanan PdP.

Namun, terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh pengajar bahasa Arab di Malaysia dalam menyampaikan pengajaran mereka. Antara masalah-masalah yang sering dihadapi oleh para guru adalah keupayaan, pedagogi, motivasi, bahan bantu mengajar dan persekitaran (Razif Zaini, M. Redzauddin, M. Rufian, Noorshamsinar, Hasmadi, M. Rushdan, 2017).

Lantaran itu, kajian ini telah membangunkan 5 domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di pusat tahfiz yang selari dengan matlamat utama pendidikan tahfiz di Malaysia khususnya. Kerangka domain pengajaran tersebut digubal berdasarkan kepada kaedah analisis dokumen dan mendapat pengesahan daripada pakar dalam bidang pengajaran Bahasa Arab di pusat tahfiz. Kesimpulannya, setiap pengajar Bahasa Arab di pusat tahfiz perlu mengambil berat dan berusaha untuk melahirkan para huffaz yang menguasai bahasa Arab agar mendapat kefahaman yang lebih baik ketika sesi menghafaz al-Quran. Sekiranya kesemua domain pengajaran yang telah dibangunkan

dan mendapat pengesahan daripada pakar di dalam kajian ini dapat dipenuhi, maka matlamat pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di pusat tahfiz akan dapat dilaksanakan.

Dengan terbangunnya kerangka domain pengajaran bahasa Arab bagi pengajar di pusat tahfiz adalah diharapkan ia mampu memberi suatu sumbangan yang signifikan kepada para pengajar dan guru tahfiz itu sendiri dalam merealisasikan hasrat kerajaan dalam memperkasakan institusi tahfiz di Malaysia.

Universiti Malaysia

RUJUKAN

- Abd. Halim, M. (2009). Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 1–14.
- Abd Razak Idris & Nor Asmah Saleh. (2010). *Pendekatan Yang Digunakan Oleh Guru Sekolah Menengah Di Daerah Johor Baharu Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik*. Jurnal Pendidikan, UTM.
- Abduljabbar, Z. (2015). Personnel Selection Using A Fuzzy Delphi Method. *Electronic Scientific Journal. APRIORI. SERIES: natural sciences and engineering*, 3(31), 1-15.
- Abdul Rasid, J., Shamsudin, O. & Nor Syafiqah, M.Z. (2013). Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Berdasarkan Persepsi Murid. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA. UIAM.
- Ab. Gani Jalil (1993). *Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Terendak*. Tesis (Sarjana Pendidikan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab Halim Tamuri & Nik Yusoff. (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Universiti Kuala Lumpur.
- Abdul Razif Zaini, M. Redzauddin, M. Rufian, Noorshamsinar, Hasmadi, M. Rushdan (2017), *Permasalahan Dalam Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Afaf Abdul Ghafor Hameed. Dr., Adel M. Abdulaziz. Dr., Mohamed Abdullahi Nur. Dr.,
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2003). *Isu Semasa Pengajian : Quran Dan Sunnah*. Siri 1, Sidang Editorial. KUIM : Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.
- Al-Muslim Mustapa & Zamri Arifin. (2012). Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Tinjauan Literatur Di Negeri Sembilan. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012(PKEBAR'12)*

- Al Muslim, M. & Zamri, A. (2015). Penentuan Dimensi Kualiti Guru Bahasa Arab di Malaysia, *ISLAMIYYAT* 37(1) 2015: 49 – 57
- Arends, R.I (2001). *Learning To Teach*. New York : Mcgraw-Hill Co.
- Awatif Abdul, R., Mohd Shafie, Z., Muhammad, H. & Mohd Zaquwan, Z. (2018). Tahap Kompetensi Bahasa Guru Bahasa Arab Di SABK Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018* (PASAK3 2018).
- Azizi Yahaya & Asmah Suboh. (2005). *Aplikasi Kognitif Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS.
- Azizi Yahaya, et. al. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan : Teori, Analisis dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur : PTS Profesional Sdn. Bhd.
- Azman Che Mat, Goh Ying Soon. 2010. *Situasi pembelajaran bahasa asing di Institut Pengajian Tinggi : perbandingan antara bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis*, AJTLHE Vol. 2, No. 2, July 2010, 9-20, Universiti Teknologi MARA, Malaysia.
- Bandura, A. (1997). *Sosial Learning Theory*. EnglewoodCliffs, Nj : Prentice Hall.
- Berliner, D. C. (2004b). Describing the Behavior and Documenting the Accomplishments of Expert Teachers. *Bulletin of Science, Technology & Society*, 24(3), 200-212.
- Block, J.H. & Anderson, L.W. (1975). *Mstery Learning in Classroom Instruction*. New York : Macmillan.
- Bloom, B. S. (1976). *Human Characteristic and School Learning*. New York : Mcgraw-Hill Co.
- Bodjanova, S. (2006). Median alpha-levels of a fuzzy numbe. *Fuzzy Sets and Systems*, 157(7), 879 – 891.
- Boon, P. Y. & Ragbir, K. (1997). *Educational Psychology I*. Shah Alam, Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Brophy, J. E. & Good, T. L. (1997). *Educational Psychology. A realistic approach*. New York : Holt, Rinehart and Winston.
- Bruce, R., & Joyce. (2009). *Model of Teaching*. University Of California.
- Bruner, J. S. (1996). *Towards a Theory of Instruction*. Cambridge, MA : Harvard University Press.
- Chang, P. T., Huang, L. C., & Lin, H. J. (2000). The Fuzzy Delphi method via fuzzy statistics and membership function fitting and an application to the human Resource. *Fuzzy Sets and Systems*, 112(3), 511–520.
- Cheng, C., & Lin, Y. (2002). Evaluating the best main battle tank using fuzzy decision theory with linguistic criteria evaluation. *European Journal of Operational Research*, 142, 174-186.
- Che Radiah Mezah, N. M. dan M. Z. A. R. (2014). *Kemahiran Mengarang Bahasa Arab* (pp. 1–28). Serdang; Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Chu, H.C., & Hwang, G.J. (2008). A Delphi-based approach to developing expert systems with the cooperation of multiple experts. *Expert Systems with Applications*, 34(8), 26-40.
- David Richard Moore. (2017). *Selecting Evaluation Items for Judging Concept Attainment in Instrumental Design*. Jurnal of Interactive Online Learning Online. Dimuat turun pada April 2018 daripada <http://www.ncolr.org/issues/jiol/v5/n1/selecting-evaluation-items-for-judging-concept-attainment-in-instructional-design>
- Dina, A. (2018). Implikasi Teori Belajar E.Thorndike (Behavioristik) Dalam Pembelajaran Matematika. *Jurnal Basicedu*. 2. 52-60.
- Duffield's C. (1993) The Delphi Technique: a comparison of results obtained using two expert panels. *International Journal of Nursing Studies*, 30, 227–237.
- Farhana Idris & Munirah Azrae. (2015). *Keberkesanan Pengajaran Bahasa Arab Untuk Pemahaman Ayat al-Quran*. International Conference on Social Science Research, ICSSR. Melia Hotel Kuala Lumpur.
- Fauziah Mohd Noor. (1993). *Penghafalan al-Quran Di Kalangan Wanita : Satu Kajian Di Maahad Tahfiz, Pusat Islam*. Fakulti Usuluddin Akademi Islam UM KL : Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda.

- Good, T. L. & Brophy, J.E. (1994). *Looking Into Classroom*. New York : Harper Collins.
- Hafiza, M.N. (2012). *Keberkesanan Pembelajaran Aktif Terhadap Pencapaian Pelajar Perempuan Dalam Biologi*. Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (Rekabentuk Instruksional dan Teknologi). UTHM
- Hassan Basri, A. M. D. & Mohamad Azhar, Z. (2005). *Pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus: Satu Pandangan Awal*. Dimuat turun pada Januari 2018 daripada www.eprints.um.edu.my
- Hassan Langgung. (1981). *Beberapa Tinjauan Tentang Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.
- Hill, K.Q., & Fowles, J. (1975). The methodological worth of the Delphi forecasting technique. *Technology and Forecasting and Social Change*, 7(2), 179-192.
- Ho, Y.F. & Chen, H. L. (2007). Healthy housing rating system. *Journal of Architecture*, 60, 115-136.
- Hsu, C.C. & Sandford, B.A. (2007). The Delphi Technique: Making Sense of Consensus. *Practical Assessment, Research & Evaluation*, 12, 1-8.
- Hsu, Y.L., Lee, C.H. & Kreng, V.B. (2010). The application of Fuzzy Delphi Method and Fuzzy AHP in lubricant regenerative technology selection. *Expert Systems with Applications*, 37, 419-425
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2003). *Sambutan 35 Tahun JAKIM : Penjana Umat Bertaqwa dan Progresif*. Kuala Lumpur : Percetakan Nasional Berhad.
- Jones, H. & Twiss, B.L. (1978). *Forecasting Technology For Planning Decisions*. New York: Macmillan.
- Joyce, B., Calhoun, E. & Hopkins, D. (2002). *Models Of Learning- Toolsfor Learning*. Buckingham : Open University Press.
- Joyce, B., & Weil, M., (2010). *Model of Teaching*. London : Prentice Hall International, Inc. *Jurnal Basicedu*, V. 2, N. 2, H. 52-60.

- Kamaruddin Hj Husin. (1997). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Laporan Jabatan Perdana Menteri. (2019). Kerajaan Rangka Dasar Pendidikan Tahfiz Negara. Dicapai: Dimuat turun pada Januari 2018 daripada <http://www.jpm.gov.my/ms/content/kerajaan-rangka-dasar-pendidikan-tahfiz-negara>
- Linstone, H. A., & Turoff, M. (1975). *The Delphi method: Techniques and applications*. Boston, MA: Addison-Wesley
- Liu, W.K. (2013). Application of the Fuzzy Delphi Method and the Fuzzy Analytic Hierarchy Process for the Managerial Competence of Multinational Corporation Executives. *International Journal of e-Education, e-Business, e-Management and e-Learning*, 3(4), 313-317.
- Lunenberg, F.C. (2011). Theorizing about Curriculum: Conceptions and Definitions. *International Journal Of Scholarly Academic Intellectual Diversity*, 13, 1-6
- Mohammad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjaman & Zamri Arifin (2014). *Hubungan antara kualiti guru bahasa Arab dan kecenderungan minat pelajar dalam bahasa Arab*. Jurnal Kemanusiaan Bil. 22. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Azrein, M.A., Wan Rohani, W.M., Mohd. Alwee, Y, Shukeri, M. & Zamri, G. (2016). Penggunaan Bahasa Arab dalam Kelas Bahasa Sasaran: Isu dan Cabaran. *Proceedings of the International Conference on Teaching Arabic Language and Literature to Non-Arabic Speakers*, 82-86 (Non-ISI/Non-SCOPUS)
- Mohamad Najib. (2007). *Pengajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama*. Dimuat turun pada Disember 2017 <http://www.researchgate.net/publication/255983284>.
- Mohammed Sani, I, Ahmad Zabidi, A.R. & Husaina Banu, K. (2015). *Strategi implementasi pelan pembangunan pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd. Hairudin, A, & Kamarul Azmi, J. (2011). *Sekolah Agama: PenjanaGenerasi Berakhlak*. Ed. 1. ed. Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Skudai: Penerbit UTM Press.

- Mohd Jamalil, Sabri Mohamad, Tengku Intan Zarina & Nor Hafizi. (2017). Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz al-Quran di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*.
- Mohd Puzhi, U. & Muhammad Seman. (2010). *Al-Arabiyyah lil Ibadah*. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Mohd Ridhuan, M.J. (2016). Pembangunan Rekabentuk Model SkiVes Bagi program Pengajian Kejuruteraan Pembelajaran Berasaskan kerja. Tesis Ph.D. Universiti Malaya
- Mohd Ridhuan, M.J., Saedah, S., Zaharah, H., Nurulrabihah, M.N. & Ahmad Arifin, S. (2017). Pengenalan Asas kaedah fuzzy Delphi Dalam Penyelidikan Rekabentuk dan Penyelidikan Cetakan ke 2. Bangi. Minda Intelek.
- Mohd Ridhuan, M.J., Saedah, S., Zaharah, H., Nurulrabihah, M.N. & Ahmad Arifin, S. (2014). Pengenalan Asas kaedah fuzzy Delphi Dalam Penyelidikan Rekabentuk dan Penyelidikan. Bangi.Minda Intelek.
- Mohd Ridhuan, M.J., Shariza, S. & Mohd Ibrahim, K.A. (2014). Kompetensi Guru Terhadap Pengurusan Pengajaran Dan Pembelajaran: Suatu Pendekatan Teknik Fuzzy Delphi. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan (JuPiDi)*.1(3), 77-88.
- Mohd Syarani, A., (2003). *Tip Pandai Belajar*. Kuala Lumpur : PTS Milenia.
- Mohd Zulkifli Muda, Harun Baharudin, Siti Fatimah Salleh. (2015). Kaedah Penguasaan Mufradat Bahasa Arab Melalui Ayat Lazim Berasaskan Hafazan Al-Quran: Tinjauan Awal. SQ 2015 eProceedings International Seminar on al-Quran in Contemporary Society 10 – 11 October 2015. Faculty of Islamic Contemporary Studies, UniSZA
- Mohd Zuri Ghani. (2011). *Kaedah dan Strategi Pengajaran Kanak-Kanak Berkeperluan Khas Malaysia*. Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Suhaimi, T., Mohd Yusof, A., Baahrom, M., Roslee, T., Abdul Said, A. & Shukri, Z. (2012), Pengajaran dan Penyampaian yang berkualiti. Dimuat turun pada Januari 2018 daripada <http://eprints.ums.edu.my/id/eprint/5547>
- Murry, J., & Hammons, J. (1995). Delphi: A versatile methodology for conducting qualitative research. *Review of Higher Education*, 18(4), 23-36.

- Naemah, A. et al. (2003). *Tinjauan Terhadap Keperluan Pembelajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Agama (BATA) dikalangan Masyarakat Islam*. Institute of Research Development and Commercialization. UiTM.
- Noor Hisham, M.N., Nur Azuki, Y., Mohd Binyamin, C.Y. & Nasrul Hakim, S. (2014). *Matlamat Dan Halatuju Sistem Pengajian Tahfiz Di Kelantan; Satu Pengamatan Awal. 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education 2014*. Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan.
- Noor Hisham, M.N. (2011). *Pengajaran Dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011*, Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan.
- Nor Hayati, F.T., Bani Hidayat, M.S. & Ab. Halim, T. (2017). *Program Pengajian Tahfiz dan Asas Penawarannya di Politeknik: Satu Sorotan. Tinta Artikulasi Membina Ummah 3(1), 2017 115-127*
- Powell, C. (2003). The Delphi technique: myths and realities. *Journal of Advanced Nursing, 41(4), 376–382*.
- Raedah, MA. (2013). *Pengurusan Pengajaran Dan Pembelajaran Sekolah Rendah Kebangsaan Di Zon Bandar Daerah Kota Tinggi. Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan Dan Pentadbiran)*. Universiti Teknologi Malaysia
- Ragin, C. C. (2007). *Qualitative comparative analysis using fuzzy sets (fsQCA)*. In *Configurational comparative analysis*. London: Sage Publications.
- Rashidi Azizan & Abdul Razak Habib. (1995). *Pengajaran Dalam Bilik Darjah: Kaedah & Strategi*. Selangor : MASA Enterprise.
- Richey, R., & Klien, J. (2007). *Design and Development Research: Method, strategies and Issues*. London: Erlbaum.
- Rosni Samah (2009). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni Samah (2012). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab*. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR '12)*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Rosni, S. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12, 555–569.
- Saedah, S., Norlidah, A., DeWitt, D., & Zaharah, H. (2013). *Design And Developmental Research: Emergent Trends In Educational Research*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1986). *Psikologi Pendidikan : Psikologi Pembelajaran Dan Kognitif, Bimbingan dan Kaunseling*. Kuala Lumpur: Heinemann.
- Suhaila, Z. et al. (2012). *Modul Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi al- Quran*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Suchman Richard. (1996). *A Model For The Analysis of Inquiry: Analyses of Concept Learning*. University of Illinois, Urbana. Illinois. Dimuat turun pada Mac 2018 daripada <http://doi.org/10.1016/B978-1-4832-3127-3.50016-x>.
- Syed Kamaruzaman, S.A., Faizul, M.S., & Norkhalid, S., (2018). Pelaksanaan Penilaian Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani Di Sekolah Menengah.. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(13), 10-17 eISSN: 0128-164X
- Tang, C.W. and , Wu, C.T. (2010). Obtaining a picture of undergraduate education quality: a voice from inside the university, Springer. *Higher Education*, 60, 269-286.
- Wan Azura dan Lubna Abd Rahman (2005). *Pendekatan dan Strategi Efektif dalam Penguasaan Bahasa Arab*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Wan Mohamad B. Abd. Aziz, Hj. (1997). *Pengurusan Maahad Tahfiz al-Quran: Pengalaman Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*. Jurnal Darul Quran, Bil, 3 jun 1997.
- Yahya, O. & Dayang Raini, P. (2011). Kesan perisian cerita interaktif semasa mengajarkan kemahiran bacaan dan kefahaman dalam kalangan pelajar tahun 4 di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1: 27-49.

Zaipah, I., Christina Andin @ Nur Qistina, A., Mohd Safarin, N., Rahmah, M.Y., & Yahya, B. (2014). Penilaian Pembelajaran Berasaskan Kompetensi Dalam Pendidikan Teknik Dan Vokasional. *International Seminar on Technical and Vocational Education 2014 (TVEIS 2014)*. 25-26 Ogos 2014. Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru.

Universiti Malaysia